



Sastera dan Agama



Sastera dan Agama

Diselenggarakan oleh
Prof. Datuk Ismail Hussein

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
KUALA LUMPUR
1984

KK. 480 - 2855 0101

Buku ini telah diselenggarakan penerbitannya oleh Hamzah Hamdani dengan kerjasama Prof. Datuk Ismail Hussein, Ketua Satu GAPENA.

Cetakan Pertama 1984

© Hakcipta Dewan Bahasa dan Pustaka 1984

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi, isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

420652

Dicetak oleh
Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur

\$7.00

- 2 FEB 1988
Perpustakaan Negara
Malaysia.

PENGHARGAAN

KAMI merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada **Persatuan Sasterawan Trengganu (PELITA)** dan **Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (GAPENA)** yang telah menganjurkan dua simposium di Darul Iman (Trengganu) dan Dewan Kesenian Jakarta yang menganjurkan **Pertemuan Sasterawan Nusantara II**, yang telah memberi izin untuk menerbitkan kertas kerja hasil simposium tersebut dalam buku ini.

a. *Simposium Sastera dan Agama (28–29 1973)*

1. "Masalah Pengasingan Sasterawan Melayu dari Intelektualisme Islam" oleh Yusoff Zaki Yacob
2. "Masalah Pengasingan Sasterawan Melayu daripada Tradisi Intelektualisme Islam" oleh Abdul Ghani Ismail
3. "Sumbangan Para Intelektual Islam di Malaysia Terhadap Pembentukan Kebudayaan" oleh S. Othman Kelantan
4. "Peranan Intelektual (Ulama) Islam di Malaysia dalam Pembentukan Kebudayaan" oleh Muhammad Uthman El-Muhammady

b. *Simposium Darul Iman (8 Disember 1981)*

1. "Sasterawan Sebagai Khalifah Allah" oleh A. Hasjmy
2. "Sastera dan Agama: Satu Ulasan" oleh Muhammad Uthman El-Muhammady

3. "Konsep Cereka Islam: Masih Satu Catatan Awal"
oleh Shahnnon Ahmad
- c. *Pertemuan Sasterawan Nusantara II* (17–19 Disember
1979)
 1. "Sastera dan Agama" oleh A. Hasjmy

KANDUNGAN

PENGHARGAAN	V
1. Masalah Pengasingan Sasterawan Melayu dari Intelektualisme Islam <i>Yusoff Zaki Jacob</i>	1
2. Masalah Pengasingan Sasterawan Melayu daripada Tradisi Intelektualisme Islam <i>Abdul Ghani Ismail</i>	17
3. Sumbangan Para Intelektual Islam di Malaysia Terhadap Pembentukan Kebudayaan <i>S. Othman Kelantan</i>	22
4. Peranan Intelektual (Ulama) Islam di Malaysia dalam Pembentukan Kebudayaan <i>Muhammad Uthman El-Muhammady</i>	33
5. Sastera dan Agama <i>A. Hasjmy</i>	47
6. Sasterawan Sebagai Khalifah Allah <i>A. Hasjmy</i>	70
7. Sastera dan Agama: Satu Ulasan <i>Muhammad Uthman El-Muhammady</i>	93
8. Konsep Cereka Islam: Masih Satu Catatan Awal <i>Shahnon Ahmad</i>	121

MASALAH PENGASINGAN SASTERAWAN MELAYU DARI INTELEKTUALISME ISLAM

YUSOFF ZAKI YACOB

Pendahuluan

MENGAITKAN pengasingan sasterawan dengan intelektualisme Islam mungkin mengheret kita ke dalam satu perdebatan yang berlarut-larut, sama ada kerja-kerja mencroka, menggali dan mengembangkan intelektualisme itu menjadi tugas kaum sasterawan atau hanya menjadi tugas kaum agamawan.

Bagi setengah-setengah sasterawan, terutama yang berpegang kepada konsep "seni untuk seni", mungkin akan mengatakan bahawa persoalan intelektualisme Islam itu bukan gelanggang sasterawan, dan kerana itu persoalan pengasingan sasterawan Melayu dari intelektualisme Islam itu tidak timbul dan tidak relevan diperbincangkan.

Oleh yang demikian, untuk menghubungkan sastera dengan agama dalam satu perbincangan yang mesra dan selaras di simposium ini, maka izinkanlah saya melonggarkan pengertian "sasterawan Melayu" dalam tajuk ini dengan erti, sasterawan itu dalam satu aspek pembicaraan bermaksud penulis-penulis bukan kreatif, dan dalam satu aspek yang lain pula, saya gunakan dengan pengertiannya yang khusus, iaitu penulis-penulis kreatif.

Begitu juga, izinkanlah saya melonggarkan pengertian intelektualisme dalam tajuk ini dengan erti, dalam satu aspek pembicaraan, bermaksud pemikiran-pemikiran yang ilmiah, dan dalam aspek yang lain pula, bererti pemikiran-pemikiran yang kreatif.

Dengan pelonggaran pengertian yang luas itu dapatlah diketengahkan dua masalah pengasingan yang penting di dalam simposium ini. Pertama, masalah pengasingan atau kekurangan penulis-penulis Melayu, atau lebih tepat agamawan-agamawan Melayu yang berkebolehan di dalam ilmu pengetahuan Islam, melahirkan buku-buku ilmu pengetahuan atau karya-karya Islamiah yang penting, baik dalam bentuk penulisan original atau pengalihan bahasa. Kedua, masalah pengasingan atau kekurangan penulis-penulis kreatif atau sasterawan Melayu di masa ini menyalurkan motif-motif, nilai-nilai dan sikap-sikap Islamiah atau watak-watak muslim dalam karya-karya kreatif mereka, baik dalam bentuk novel, cerpen, puisi, pantun, drama dan sebagainya.

Kedua-dua persoalan ini perlu dibicarakan serentak kerana kedua-duanya merupakan dua masalah yang serius di dalam alam persuratan Melayu dewasa ini, juga kerana kedua-duanya mempunyai pertalian yang rapat antara satu sama lain, ertinya kita tidak dapat mengharapkan munculnya satu angkatan sasterawan-sasterawan Melayu yang berjiwa Islam tanpa menghidangkan kepada mereka kekayaan-kekayaan ilmu pengetahuan Islam yang tinggi dan boleh menjadi sumber pegangan dan ilham-ilham mereka yang subur dan dinamis.

Atas pengertian-pengertian tersebut saya bahagikan pembicaraan kertas kerja ini kepada dua bahagian:

1. Masalah Pengasingan Penulis-penulis Melayu dari Intelektualisme Islam

Malaysia menghadapi kekurangan penghasilan buku-buku ilmu pengetahuan Islam sejak abad-abad yang lampau lagi. Tidak ada penulisan-penulisan Islam yang serius yang dapat diketengahkan untuk membuktikan adanya kemuncak penghasilan kitab-kitab Islam yang penting di zaman-zaman tertentu walaupun di zaman Melaka yang dikatakan pernah menjadi pusat penyebaran Islam. Begitu juga kita tidak dapat membariskan nama-nama ulama besar yang terkenal dengan

sumbangan kitab-kitab agama seperti ulama-ulama Sumatera dan ulama-ulama Patani di abad-abad yang lampau.

Kira-kira dalam abad yang ke-17, ulama-ulama Sumatera iaitu Syekh Hamzah Fansuri dari Barus, Syekh Syamsuddin al-Sumatrani dari Pasai dan Syekh Abdul Rauf dari Singkel, telah berjaya menghasilkan karya-karya tasawuf yang matang, yang dapat dianggap sebagai kemuncak penulis-penulis ilmu tasawuf di Nusantara.

Di dalam abad yang ke-19 pula, ulama-ulama besar Patani tampil membuat kemuncak di dalam penulisan-penulisan Ilmu Fikah dan Usuluddin yang tidak ada tandingannya di seluruh Nusantara. Mereka ialah Syekh Daud bin Abdullah al-Fatani, Syekh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani dan Syekh Muhammad bin Ismail bin Daud al-Fatani.

Di Malaysia, kegiatan penulisan Islam yang aktif hanya bermula di abad ke-20 di mana kemudahan-kemudahan percetakan mulai dinikmati di sini.

Sepuluh pertama abad ke-20, penulis-penulis Islam di Semenanjung telah menghasilkan karya-karya Islamiah di dalam berbagai-bagai bidang. Walaupun tidak sehebat penghasilan-penghasilan yang berlangsung di Indonesia, tetapi penghasilan itu cukup untuk menolak sebarang anggapan bahawa alam persuratan Malaysia ketandusan dari karya-karya keislaman.

Di antara tokoh-tokoh yang turut memelopori dan menyemarakkan perkembangan penerbitan penulisan Islamiah yang segar di negeri ini ialah Syed Syekh bin Ahmad al-Hadi, Syekh Muhammad Tahar bin Jalaluddin al-Azhari, al-Haji Abbas bin Muhammad Taha, Datuk Haji Muhammad Said, Syekh Muhammad bin Salim al-Kalali, Kiyai Muhammad Fadilillah Suhaimi dan Syekh Idris al-Marbawi.

Di antara majalah-majalah Islam yang memainkan peranan penting menyebarkan pemikiran-pemikiran Islam ialah majalah-majalah *Al-Imam*, *Seruan Azhar*, *Pilihan Timur*, *Semangat Islam*, *Pengasuh*, *Al-Kitab*, *Al-Hikmah* dan lain-lain.

Di antara penulis-penulis Islam yang banyak menghasilkan karya-karya Islam selepas Perang Dunia Kedua ialah al-marhum Mustapha Abdul Rahman. Beliau telah menghasilkan antara lain ialah 25 penggal *Tafsir al-Quran-ul-Karim*, *Mukh-*

tasar Abi Jamrah (dua penggal), *Sejarah Islam* (lima penggal) dan *Ilmu Jiwa Islam*.

Seorang lagi tokoh yang produktif ialah almarhum Abu Bakar al-Asyari. Antara lain beliau telah menghasilkan *Sejarah Anbia* (tiga penggal), *Intisari Juzu' Amma*, *Jawahir al-Bukhari Wa Syarhul Qastallani* (pengajian al-Hadis) dan *Ibadah Rasulullah*, sebuah buku yang kontroversial di zamannya dan pernah diharamkan di negeri Johor.

Almarhum Haji Ahmad Fuad Hassan, bekas Pengetua Madrasah al-Arabiah Bukit Mertajam, juga merupakan seorang penulis Islam yang berhasil. Beliau telah menyusun kumpulan hadis *Sahibul Muslim* sebanyak enam jilid.

Penulisan sejarah Islam dalam bentuk yang moden dan dengan gaya bahasa yang menarik telah disempurnakan oleh Syekh Abdullah Basmeih. Antara karya-karyanya ialah: *Tarikh Nabi Muhammad* (empat penggal) dan *Sejarah-sejarah Abu Bakar, Omar, Ali dan Osman, Aisyah, Muhammad bin Abdul Aziz, Khalid ibn al-Walid*. Syekh Abdullah Basmeih juga dengan usaha bersama Tuan Guru Haji Muhammad Noor Ibrahim, Mufti Kelantan, telah menghasilkan terjemahan lengkap al-Quran-ul-Karim dalam tiga jilid yang tebal berjudul *Pemimpin al-Rahman*. Penyiapan dan penerbitannya telah dibiayai oleh Majlis Hal-Ehwal Agama Islam Kebangsaan. Dan kini beliau sedang ditugaskan bersama-sama Tuan Guru Haji Muhammad Noor Ibrahim untuk menyiapkan kumpulan-kumpulan hadis pula.

Seorang lagi penulis dan penterjemah karya-karya Islam yang tidak boleh diabaikan di masa ini ialah Muhammad Labib. Setakat ini beliau telah menyusun dan mengalihbahasakan beberapa karya Islam yang penting, terutama karya-karya gurunya Dr. Ahmad Salbi yang terkenal di dunia Islam iaitu *Sejarah Islam*, *Agama Islam*, *Agama Terbesar di Dunia* dan *Kehidupan Sosial Menurut Kaca Mata Islam*, dan *Alam Jin dan Malaikat* karya Abdul Razak Naufal, seorang tokoh Islam yang banyak berusaha mentafsir ayat-ayat al-Quran yang mengandungi unsur-unsur pendedahan hakikat-hakikat sains yang ditemui manusia sekarang. Dan karyanya yang paling baru ialah *Dia*, sebuah buku sejarah hidup Rasulullah yang telah ditulis dalam bentuk roman sejarah yang menarik.

Seorang lagi intelek Islam yang sedang menampakkan bakatnya dalam penulisan Islamiah yang serius ialah Ustaz Ariffin Awang, Guru Besar Maahad Johor. Setakat ini beliau telah menghasilkan tiga jilid *Fikah Islam* empat mazhab yang disusun dalam satu bentuk yang unik.

Di samping itu ramai lagi penulis Melayu lain yang telah menyumbangkan sebuah dua karya Islamiah masing-masing, di samping penulis-penulis yang tidak menghasilkan buku-buku, tetapi subur dengan sumbangan risalah-risalah dan artikel-artikel Islamiah di akhbar-akhbar dan majalah-majalah tanahair. Di antaranya yang paling produktif ialah Abu Zaky Fadhil atau Ibn Ariffin, seorang sasterawan Angkatan Lima Puluh, yang tidak putus-putus menghidangkan artikel-artikel dan risalah-risalah Islamiah di sepanjang dua dekad yang kebelakangan ini.

Setakat ini dapatlah ditegaskan walaupun bilangan penulis-penulis Melayu yang melibatkan dirinya di dalam penulisan-penulisan Islamiah yang serius begitu kecil jumlahnya di zaman ini, namun alam Malaysia tidak pernah tandus dengan aliran-aliran pemikiran karyawan yang segar dan moden. Apa yang sebenarnya menjadi masalah ialah kurangnya minat dan perhatian masyarakat terhadap karya-karya agama itu, terutama masyarakat generasi baru yang telah terpisah dari perkembangan pemikiran-pemikiran Islam yang kebanyakannya ditulis dalam tulisan jawi.

Walaupun demikian kita tentulah tidak dapat menafikan bahawa hasil-hasil karya Islamiah yang dihasilkan di masa ini adalah tersangat kecil jika dibandingkan dengan jumlah ratusan intelek Islam yang dilahirkan oleh universiti-universiti Islam yang terkenal di dunia. Walaupun kebanyakan mereka mempunyai kedudukan yang baik dalam masyarakat dan dengan kemampuan kewangan yang cukup, namun terlalu sedikit dari mereka yang melibatkan diri dalam penulisan-penulisan Islamiah yang serius.

Berdasarkan hasil-hasil karya Islamiah yang telah diterbitkan di Malaysia sejak permulaan abad dua puluh hingga ke masa ini, ternyatalah bahawa penulisan-penulisan Islam Malaysia masih jauh dari mencapai sebarang kemuncak, baik dalam penulisan-penulisan tafsiran al-Quran, al-Hadis, Fikah,

sejarah dan tasawuf, apatah lagi dalam penulisan-penulisan falsafah, kesusasteraan Islam dan pengajian-pengajian perbandingan Islamiah yang moden.

Malaysia hanya mempunyai serba sedikit hasil penulisan Islam yang tidak dapat menghilangkan kedahagaan para pengkaji di sini. Ini merupakan satu kemiskinan nasional yang harus dipandang serius oleh pemerintah Malaysia yang menjadikan Islam sebagai agama rasmi. Malah kemiskinan itu semakin dirasakan lebih hebat lagi apabila kita menyedari bahawa sebahagian besar dari penulisan-penulisan Islamiah yang telah dilahirkan itu adalah disusun dengan bahasa Melayu kecaraban dan gaya penyampaian yang beku yang sukar dimanfaatkan oleh generasi muda.

Kerana itu jumlah karya-karya Islam yang dilahirkan di Malaysia hari ini adalah terlalu kerdil untuk dibandingkan dengan jumlah karya-karya Islamiah yang dilahirkan di Indonesia.

Indonesia di abad ini mempunyai penghasilan penulisan Islamiah yang amat kaya dan pada keseluruhannya meliputi semua bidang pengajian Islam, sama ada tradisional atau moden, malah Indonesia telah berjaya mencapai kemuncak-kemuncak gemilang dalam bidang-bidang pengajian Islamiah yang tertentu, malah setiap karya baru Islam yang penting yang lahir di Timur Tengah dalam masa yang sebentar sahaja telah dapat dilihat terjemahannya dalam bahasa Indonesia. Hampir tiada pengajian Islam yang belum diteroka oleh penulis-penulis Islam di Indonesia. Mereka menulis dengan kupasan yang hidup dan gaya bahasa yang menarik.

Tentulah terlalu banyak bagi kertas kerja ini untuk membariskan nama-nama pengarang Indonesia dan nama-nama hasil karya mereka. Dengan khazanah karya-karya Islamiah yang kaya itu, umat Islam Indonesia telah dapat diserapkan dengan pemikiran-pemikiran Islamiah yang jauh lebih segar dan mendalam dari di Malaysia.

Lebih jauh dari itu, intelek-intelek Indonesia semakin hari semakin jelas memperlihatkan kemampuan melahirkan pemikiran Islamiah moden yang original bukan lagi sebagai terjemahan. Saya yakin bahawa di penghujung abad dua puluh ini intelek-intelek Islam Indonesia akan sampai ke tahap

original dalam pemikiran-pemikiran Islamiah.

Namun begitu, adalah tidak adil untuk membandingkan Malaysia dengan Indonesia dalam kemampuan melahirkan karya-karya Islamiah itu tanpa mempertimbangkan latar belakang sejarah yang berbeza yang telah dilalui oleh kedua-dua negara itu.

Di Indonesia terdapat banyak faktor-faktor yang mendorong usaha-usaha penghasilan karya Islamiah yang serius dan pesat. Di antaranya:

- a. Indonesia mempunyai tradisi penulisan Islamiah yang kukuh sejak abad yang ke-16 lagi, juga mempunyai tradisi dakwah yang teratur.
- b. Di Indonesia, kemajuan dan perkembangan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu berlangsung lebih awal dan lebih pesat dari Malaysia, dan ini memberi jalan yang licin kepada usaha penulisan-penulisan ilmiah.
- c. Di Indonesia, akibat wujudnya pergolakan agama-agama dan ideologi yang sengit, memerlukan gerakan-gerakan dakwah Islamiah yang teratur dan penulisan-penulisan Islamiah yang serius dan mendalam.
- d. Di Indonesia, terdapat begitu banyak pusat-pusat pengajian tinggi Islam yang memerlukan buku teks dan buku-buku rujukan yang sebanyak mungkin dalam bahasa Indonesia. Pada tahun 1960, di Indonesia terdapat 13 buah pusat Institut Agama Islam Negeri (IAIN) dengan 103 buah fakulti dan 82 buah sekolah persiapan tingkat universiti yang ditadbirkan oleh Kementerian Agama. Di samping itu terdapat pula 7 buah universiti swasta yang besar dan berpuluh-puluh pusat pengajian dan perguruan lain yang bertaburan di merata pelosok Indonesia.
- e. Pergerakan-pergerakan Islam dan pusat-pusat pengajian tinggi Islam sentiasa mengeluarkan kader-kader penulis Islam yang terlatih dalam penulisan kajian-kajian ilmiah.

Menimbang faktor-faktor ini, sambil membandingkan dengan keadaan yang wujud di Malaysia, maka tidaklah menghairankan kita mengapa Indonesia kaya dengan penulis-penulis dan sasterawan-sasterawan Islam dan kaya-raya dengan hasil-hasil karya Islamiah.

Sebaliknya di Malaysia terdapat banyak faktor yang mendinginkan perkembangan dan kesuburan penulisan-penulisan Islamiah yang serius, di antaranya:

- a. Kekurangan intelek-intelek Islam yang sanggup berkecimpung dalam bidang penulisan Islamiah. Ini adalah satu kelemahan yang menjatuhkan imej mereka memandangkan kepada ijazah keserjanaan mereka yang tinggi di dalam pelbagai bidang pengajian Islam. Merekalah yang sepatutnya menjadi tenaga penggerak yang menggoncang dan menggugat untuk memadukan segala tenaga demi memenuhkan alam persuratan Melayu dengan karya-karya Islam. Alasan kelemahan menguasai bahasa ibunda tidak dapat diterima kerana setiap mereka adalah berkewajipan mempelajarinya dengan serius.
- b. Kekurangan pusat-pusat pengajian tinggi Islam di Malaysia.
- c. Tidak ada galakan memakai buku-buku teks dan buku-buku rujukan Islam dalam bahasa Malaysia dalam sistem pengajaran di pusat-pusat pengajian tinggi Islam di negeri ini.
- d. Bentuk dan sukatan pengajian Islam di sekolah-sekolah menengah di Malaysia sekarang tidak menggalakkan pelajar-pelajar Islam untuk meneroka bidang-bidang pemikiran Islam yang lebih luas, atau tidak membangkitkan minat mereka untuk mencari buku-buku bacaan Islam yang serius, kerana pengajian itu hanya terbatas pada pengajian ibadat dan sekelumit sejarah sahaja.
- e. Kekurangan penampungan percetakan akibat kekurangan permintaan dan minat umum terhadap karya-karya agama.
- f. Kerajaan terlalu sedikit mengeluarkan peruntukan-peruntukan khas untuk menggalakkan kemajuan penulisan Islamiah, terutama dalam usaha-usaha penterjemahan yang patut dilakukan secara intensif demi mengejar ketinggalan kita di bidang ini.
- g. Badan-badan Islam dan Majlis-majlis Agama Islam di berbagai-bagai negeri di Malaysia tidak pernah memadukan tenaga dan daya untuk melahirkan karya-

karya Islamiah yang penting dan tebal.

- h. Setengah-setengah Majlis Agama Negeri hanya ber-pada dengan mengeluarkan majalah-majalah dan risalah-risalah kecil yang tidak begitu luas kesannya, sedangkan Majlis-Majlis itu memang mampu untuk mengadakan peruntukan yang lebih luas untuk menerbitkan karya-karya Islam yang besar-besar. Apatah lagi jika Majlis-Majlis itu berpakat mengadakan satu tabung bersama untuk penerbitan karya-karya Islam yang serius.
- i. Dewan Bahasa dan Pustaka setakat ini nampaknya menganggap penerbitan karya-karya Islamiah seolah-olah di luar tugasnya. Selain dari buku-buku untuk sekolah rendah dan menengah, tidak ada karya-karya Islamiah lain yang penting yang telah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

Di Malaysia, kurang terdapat kebebasan berfikir dalam persoalan-persoalan agama. Pemikiran yang menyimpang dari mazhab Syafie akan terdedah kepada tindakan Majlis-majlis Agama di setengah-setengah negeri di Malaysia. Misalnya, baru-baru ini Majlis Agama Islam Perak telah mengharamkan pengedaran sebuah buku mengenai perancangan keluarga, yang dikarang oleh dua ulama besar Mesir dan diterjemahkan ke bahasa Malaysia oleh Jabatan Perancang Keluarga, kerana buku itu dalam penilaian Majlis Agama Islam Perak adalah bertentangan dengan pendapat kitab *Al-Mahalli*, sebuah kitab aliran mazhab al-Syafie yang amat dipegangi oleh pengikut-pengikut mazhab Syafie.

Seandainya buku-buku Islamiah yang kontroversial seperti itu didedahkan kepada perdebatan-perdebatan yang terbuka dan bebas dari tembok-tembok mazhab, tentulah kita akan melihat satu polemik yang akan menghasilkan pemikiran-pemikiran Islamiah yang baru, kerana tidak ada pendapat yang mutlak dalam masalah-masalah ijtihad seperti itu.

Pada hemat saya, adalah lebih membina dan berkesan jika suatu pendapat dalam masalah-masalah ijtihadiah yang kontroversial itu ditumpaskan dengan kekuatan hujah-hujah dari ditumpaskan dengan kekuatan undang-undang kerana cara yang demikian menyegarkan iklim berfikir.

Di suatu masa yang lampau, karya-karya A. Hassan

Bandung dan karya-karya Abu Bakar Asyari dan karya Tuan Guru Haji Muhammad Noor Ibrahim, Mufti Kelantan telah diharamkan di Johor Baharu. Malah lebih jauh dari itu, di setengah-setengah negeri di Malaysia, semua kitab-kitab agama harus lebih dahulu disahkan oleh Majlis Agama sebelum diterbitkan dan diedarkan.

Inilah saki-baki undang-undang penjajah yang digunakan untuk membunuh perkembangan pemikiran-pemikiran Islamiah yang dinamis. Undang-undang yang merugikan itu merupakan satu undang-undang agama tahun 1904 yang diperbaiki dalam tahun 1925. Menurut undang-undang ini, sesiapa yang mengecap buku agama tanpa izin dari Majlis Agama akan didenda dua ratus ringgit atau dihukum penjara.

Undang-undang ini adalah jelas diwujudkan untuk membendung gerakan pembaharuan pemikiran Islam yang dipelopori oleh Syed Syekh al-Hadi dan rakan-rakannya. Kerana tekanan undang-undang inilah gerakan pembaharuan ini terpaksa berpusat di Negeri-negeri Selat, terutama di Pulau Pinang dan Singapura, di mana tidak terdapat Majlis-majlis Agama.

Kini, di saat kita menghendaki satu bentuk pemikiran Islam yang dinamis, sesuai untuk menjiwai pembangunan kita, maka undang-undang yang cuba menahan perkembangan pemikiran Islam dalam tembok-tembok mazhab yang sempit itu perlu dihapuskan.

Masanya telah tiba untuk kita memulakan perkembangan pemikiran Islamiah yang tidak tertakluk kepada satu mazhab, kerana persoalan-persoalan yang timbul di zaman moden ini tidak mampu diatasi dengan pemikiran mazhab Syafie sahaja.

Inilah beberapa faktor yang mendinginkan suasana penulisan Islamiah yang serius di negeri ini. Masalah-masalah ini perlu dihadapi dan diatasi dengan tegas. Jika tidak, masa depan perkembangan karya-karya Islamiah akan lebih gelap dan terus-menerus miskin.

2. Masalah Pengasingan Sasterawan-sasterawan Melayu dari Intelektualisme Islam

Kekurangan sasterawan Melayu menyalurkan unsur-unsur Islam di dalam karya-karya mereka, baik puisi, cerpen, novel

atau drama, semakin dirasakan hari ini.

Sebelum Perang Dunia Kedua, hubungan agama dan sastra adalah mesra sekali. Hasil-hasil kesusasteraan di zaman itu begitu jelas mendukung unsur-unsur agama. Tetapi selepas perang, keadaan telah berubah. Kebanyakan angkatan baru semakin jauh mengasingkan dirinya dari menggunakan nilai-nilai, sikap-sikap dan motif-motif keislaman di dalam karya-karya mereka. Hampir tidak ada percubaan dari mereka untuk menggunakan kisah-kisah dan peristiwa-peristiwa Islam sebagai tema-tema karya mereka, sedangkan di Indonesia usaha-usaha mendakwahkan Islam dalam karya-karya kreatif telah berlangsung dengan suburnya di tangan sasterawan-sasterawan besar seperti HAMKA, Ajip Rosidi, Usmar Ismail, Taufiq Ismail, Ariffin Bay, W.S. Rendra dan lain-lain. Dalam karya-karya mereka kita bertemu dengan watak-watak yang berakar pada keagamaan dan ketuhanan, dan kita bertemu dengan lukisan-lukisan kebesaran Tuhan dan keluhuran susila Islam.

Malah ada sikap dari setengah-setengah sasterawan kita yang menganggap penyyclitan unsur-unsur didaktik agama dalam karya-karya kreatif sebagai satu bentuk penulisan yang kolot dan lapuk.

Pada hemat saya, pengasingan sasterawan-sasterawan kita daripada tema-tema dan nilai-nilai keislaman itu memang satu akibat yang dapat dimengertikan dengan mudah apabila kita mengingatkan bahawa majoriti sasterawan Melayu angkatan selepas perang tidak sempat bermesra dengan pendidikan Islam yang serius. Dan tidak banyak pula dari mereka yang cuba mengejar ketinggalan mereka dalam pengajian-pengajian Islam melalui usaha-usaha belajar dan pembacaan sendiri yang tekun dan mendalam.

Setengah-setengah sasterawan kita begitu terpengaruh dengan konsep "kebebasan cipta". Mereka tidak mahu terikat dengan satu pola pemikiran tertentu yang dirasakan mengongkong mereka. Mereka tidak mahu melibatkan diri atau menjadi alat kepada satu-satu ideologi yang tertentu. Mereka mahu bebas dari segala ikatan yang menekan jalan pemikiran mereka. Mereka ingin mencapai nirwana yang pernah dikatakan oleh Chairil Anwar, "Seniman ialah tanda dari hidup

yang melepasi bebas". Mereka ingin melukis menurut arus imaginasi mereka yang bebas dari segala belunggu. Mereka ingin memberontak terhadap semua nilai tradisional, kerana menurut mereka, itulah hak mutlak seseorang seniman.

Kadang-kadang setengah-setengah dari mereka dengan tegas menolak etiket adab susila yang harus ada di antara manusia dan Tuhan penciptanya, malah mereka mahu kebebasan mempotretkan Tuhan sama dengan kebebasan mempotretkan manusia. Dalam sajak "Sidang Roh" yang kontroversial itu, Kassim Ahmad dengan senang menggambarkan, Tuhan sudah mati, dan dalam cerpen "Langit Makin Mendung", sasterawan Indonesia Kipanjikusmin dengan sinis menggambarkan, Tuhan menggeleng-gelengkan kepala, ber-kaca mata berbingkai emas model kuno. Seterusnya mereka mahu kebebasan menggambarkan keraguan-keraguan tentang Tuhan tanpa memberi jawapan dan kebebasan menggambarkan pertembungan seks dengan *slow motion*. Itulah bentuk-bentuk kebebasan cipta yang mereka ingin miliki sepenuhnya.

Hasil dari kebebasan cipta yang mutlak itu lahir karya-karya bebas yang tidak bermatlamat, karya-karya yang tidak berakhlak, karya-karya yang memberi keharuan emosi tetapi tidak memberi kepuasan jiwa, karya-karya yang menggeletek pancaindera tetapi tidak menggeletek hati nurani.

Karya-karya inilah yang telah disogokkan untuk menjadi makanan jiwa generasi baru dan karya-karya inilah yang mempunyai saham besar dalam mempercepatkan meledaknya krisis nilai dan keruntuhan akhlak dalam masyarakat Melayu yang sedang membangun.

Inilah gejala-gejala jelek pemisahan sastera dari nilai-nilai keislaman. Inilah situasi-situasi yang membuat hubungan agama dan sastera hari ini berada dalam keadaan yang tegang.

Pada hemat saya, keadaan yang semacam sengketa yang wujud di antara sastera dan agama itu merupakan satu krisis sastera kita yang serius. Keadaan ini pasti diatasi segera sebab ia benar-benar mengancam keperibadian sastera kita, kerana kesusasteraan Melayu yang tidak mencerminkan nilai-nilai dan sikap-sikap keislaman yang dijunjung oleh bangsa Melayu adalah kesusasteraan yang tidak benar dan asing bagi kita.

Sastera dan agama tidak boleh dipisahkan kerana keduanya lahir dari sumber yang sama iaitu keluhuran perasaan

dan kesedaran. Tiada sastera tanpa keluhuran perasaan dan kesedaran dan begitu juga tiada agama tanpa keluhuran perasaan dan kesedaran.

Kitab suci al-Quran yang menjadi asas dan sumber utama agama kita adalah diturunkan dengan bahasa sastera Ilahi yang seni yang memikat segala hati, bukan diturunkan dalam bahasa buku undang-undang atau buku-buku ilmiah yang pejal, keras dan tandus seni. Mengapakah al-Quran diturunkan dengan bahasa sastera? Kerana sastera adalah bahasa hati nurani, sedangkan agama harus diserapkan lebih dahulu ke dalam hati nurani manusia sebelum diserapkan ke dalam akal-nya.

Hasil-hasil sastera adalah dinilai dari kesan-kesan yang ditinggalkannya dalam hati para pembaca. Jika kesannya baik dan menyuburkan keluhuran perasaan dan kesedaran, maka itulah tanda karya itu baik, dan sebaliknya jika karya itu menyerapkan kesan-kesan jahat yang menodai keluhuran perasaan dan kesedaran para pembacanya, maka itulah ukuran karya itu jelek walaupun niat sasterawan yang menciptakannya baik, kerana niat yang baik sahaja tidak menjadikan sebuah karya itu baik.

Simposium yang bersidang pada hari ini merupakan satu pengakuan bahawa dunia kesusasteraan kita sedang menghadapi keadaan kemarau dari hasil-hasil karya kreatif keislaman yang membangunkan jiwa dan meluhurkan hati nurani bangsa Melayu.

Dalam menghadapi keadaan kemarau itu, sikap para sasterawan kita mungkin berbelah-bahagi. Saya kira mungkin ramai dari sasterawan-sasterawan kita cenderung menyarankan bahawa masalah penghasilan karya-karya kreatif keislaman itu bukanlah menjadi tugas mereka, kerana mereka tidak mempunyai 'kuasa' dalam persoalan-persoalan agama. Kerana itu masalah penghasilan karya-karya sedemikian adalah menjadi tugas utama ulama-ulama atau para intelek Islam.

Merekalah yang harus tampil ke muka mempersembahkan puisi-puisi, cerpen-cerpen, novel-novel dan drama-drama berunsur Islam. Merekalah yang harus memikul tanggungjawab terhadap kemerosotan penghasilan karya-karya kreatif keislaman yang berlaku sekarang.

Sekali imbas saranan yang sedemikian adalah benar dan

relevan, tetapi dari kaca mata Islam, tugas dakwah bukan hanya menjadi tugas para ulama dan intelek Islam sahaja, malah menjadi tugas setiap muslim.

Dakwah bukan hanya bererti mengajar, berkhotbah dan berceramah, malah dakwah dalam erti kata yang seluas-luasnya adalah meliputi seluruh usaha menyerapkan pengaruh-pengaruh keislaman di semua lapangan hidup umat manusia.

Kerana itu setiap muslim harus berdakwah di dalam hidup masing-masing. Ahli politik harus berdakwah di dalam bidangnya, seniman dan budayawan harus berdakwah dalam bidangnya dan sasterawan juga harus berdakwah dalam bidangnya. Di sinilah letaknya kewajipan setiap muslim ber-mesra dengan pengajian-pengajian Islam yang asas untuk bidangnya.

Tidak dapat dinafikan lagi bahawa tugas utama para alim ulama dan intelek-intelek Islam ialah memegang teraju dakwah di dalam segala bidang, tetapi tentulah tidak logik untuk menyerahkan kepada mereka juga tugas-tugas menghasilkan puisi-puisi, novel-novel, cerpen-cerpen dan drama-drama yang berunsur keislaman, kerana pokok pangkalnya dalam penulisan kreatif adalah bergantung kepada bakat semula jadi. Selama seseorang itu dilahirkan dengan bakat sastera, maka dia dengan kecenderungan sendiri akan menerjunkan diri di dalam lapangan itu tanpa memerlukan sebarang seruan, dan selama seseorang itu tidak berbakat sastera, maka selama itu dia akan bersikap terasing terhadap lapangan sastera walaupun diseru dan dikempen besar-besaran.

Pada hemat saya, sasterawan yang hakiki itu ialah sasterawan yang lahir (*born*), kerana itu sasterawan yang hakiki tidak boleh dibentuk di dalam mana-mana simposium sastera, malah tidak pula boleh dibentuk dalam mana-mana fakulti-fakulti sastera. Kerana itu sekali lagi saya tegaskan bahawa kita tidak boleh mengharap para intelek Islam kita untuk menjadi HAMKA-HAMKA dalam satu hari satu malam. Indonesia sendiri hanya melahirkan seorang HAMKA sahaja. Dan nampaknya kelahiran ulama sasterawan yang hakiki itu bukanlah merupakan peristiwa yang berlaku saban tahun, malah lebih merupakan peristiwa yang hanya berlaku sekali dua dalam satu atau beberapa abad.

Berdasarkan hakikat ini, maka tugas melahirkan karya-

karya kreatif yang berunsur keislaman itu harus dipikul dengan penuh tanggungjawab oleh para sasterawan yang wujud sekarang ini di samping mengharapkan kemunculan intelek-intelek Islam yang sasterawan. Dan untuk menjadi sasterawan Islam mereka tidak mesti alim dan pakar dalam ilmu-ilmu agama seperti HAMKA, malah cukuplah kepada mereka mengenal dengan mendalam intisari dari falsafah hidup Islam dan pengajian-pengajian Islam yang pokok seperti yang dilakukan oleh Ajip Rosidi, Usmar Ismail, Rosihan Anuar dan lain-lain lagi. Mereka semuanya bukan alim ulama dalam erti kata yang tradisional, namun begitu mereka dapat membuktikan diri mereka sebagai sasterawan-sasterawan Islam.

Dan untuk mengenal dengan mendalam intisari falsafah hidup Islam, perlulah sasterawan-sasterawan kita mendekatkan diri mereka dengan pengajian-pengajian Islam melalui media-media yang wajar, terutama melalui pembacaan-pembacaan yang tekun. Buku-buku Islamiah yang ditulis oleh ulama-ulama besar Islam yang banyak terdapat di kedai-kedai buku itu dapatlah dijadikan sumber-sumber penting untuk menyedut ilmu pengetahuan Islam.

Dalam usaha melahirkan karya-karya yang berunsur keislaman itu, mereka tidak semestinya kembali kepada stail lama yang pernah diteroka oleh Syed Syekh al-Hadi di dalam novel-novel saduran dan gurindamnya atau oleh Haji Abdul Rahim Kajai dalam cerita-cerita didaktik atau oleh Ahmad Lufti yang berkhutbah dalam novel-novelnya yang memuatkan adegan seks yang mendebarkan, malah sasterawan diberi sepenuh kebebasan mencipta stail dan teknik apa sahaja asal-karya itu menonjolkan unsur-unsur keimanan dan kesedaran dalam mana-mana penggambaran pertarungan dan pertentangan watak-watak dalam karyanya.

Percubaan Azizi Haji Abdullah dengan karyanya "Roh Berdialog" merupakan satu contoh yang gemilang dan moden dalam mempergunakan satu unsur kepercayaan Islam iaitu alam barzah sebagai bahan dalam cerpennya. Di sana tidak syak lagi terdapat potensi-potensi yang amat luas dalam menggunakan unsur-unsur Islam dengan bentuk dan teknik yang lebih artistik.

Menghubungkan di antara sastera dengan agama bukanlah bererti seluruh hasil sastera itu pasti mengandungi unsur-unsur

agama, kerana objek sastera tidak semuanya mempunyai hubungan dengan agama. Ini bererti bahawa kebebasan dan skop alam sastera tidak akan terjejas oleh perdingannya dengan agama, malah lebih segar, berjiwa dan bermatlamat.

Sebagai kesimpulan, dapatlah disarankan bahawa matlamat yang penting dari pendekatan sastera dengan agama ialah untuk melahirkan perimbangan yang wajar di antara karya-karya kreatif yang tidak berunsur keislaman dengan karya-karya kreatif yang berunsur keislaman, kerana pengimbangan itu adalah perlu untuk kesejahteraan sastera dan pembangunan mental bangsa kita.

MASALAH PENGASINGAN SASTERAWAN MELAYU DARIPADA TRADISI INTELEK- TUALISME ISLAM

ABDUL GHANI ISMAIL

"ISLAMIC culture is unquestionably one of the greater cultures in the history of mankind and of the world today. Few others have matched its extent and longevity, or its resiliency and tenacity. Few others have managed so consistently to incorporate and accommodate so many disparate elements and minds. Within Islamic culture, many ancient cultures have found and species of immortality; to it, many peoples, including non-Moslems, have contributed; from it, many ideas and other benefits have radiated to other cultures, including especially our own ... the greatest expression of the Islamic genius ... is customarily reserved for its literature."

(James Kritzeck, *Anthology of Islamic Literature*, New York, 1964, hlm. 15-16)

SEBENARNYA, walaupun kata-kata James Kritzeck itu amat menyegarkan rasa hati peminat-peminat sastera, namun terpaksa juga dicari kesusasteraan lain yang benar-benar menandingi sastera Islam yang telah terus-menerus berkembang selama 12 abad meliputi bermacam-macam gaya dan bentuk dan menggunakan berpuluh-puluh bahasa sebagai pengantarnya. Kita rasa belum adanya apa juga sastera sekalipun yang disebarakan melalui bahasa-bahasa yang berlainan pada titik linguistiknya seperti bahasa-bahasa Arab, Parsi, Turki, Berber, Swahili, Somali, Albania, Kurdi, Uzbek,

Pashtu, Baluchi, Urdu, Punjabi, Benggali, Gujerati Tamil, Sindhi, Telugu, Jawa, Melayu, Tagalog, Cam, China, Inggeris dan lain-lain. Dan apakah pula sastera yang pernah menjelma dalam bentuk novel, cerpen, cerita roman, penglipur lara, esei, rubayyat, syair, mazmor, masnawi, pantun dan lain-lain, yakni bentuk kesusasteraan yang pernah terlahir di ceruk rantau Maghribi hingga ke sudut benua China. Yang aneh itu adalah kenyataan bahawa keseluruhan bahasa-bahasa itu jauh bezanya di antara satu dengan yang lain dan demikian juga dengan perihal kebudayaan bangsa-bangsa itu.

Namun, jelas kelihatan sejenis *homogeneity* pada semua hasil sastera ini supaya kesusasteraan dari pelbagai bahasa, gaya, bentuk dan kandungan ini dapat dijudulkan sebagai kesusasteraan Islam. Sekiranya "Syair Ikan Tunggal" atau "Syair Perahu" oleh Hamzah Fansuri diterjemahkan ke dalam bahasa Urdu atau bahasa Pashtu, nescaya tidak akan adanya apa-apa keberatan bagi orang-orang lain itu memahaminya dan terus menjadikannya pedoman hidup mereka. Istilah-istilah yang dipergunakan oleh sasterawan muslim tidak bisa lari dari istilah yang telah diakui secara universal di antara sekalian umat Islam. Demikian juga dengan sains simboliknya, gaya kias atau analoginya, peribahasa dan bentuk imajinasinya.

Keseluruhan ini adalah terbitan atau tumbuhan dari al-Quran dan al-Hadis serta dari pengalaman intelektual yang berteraskan sumber-sumber tersebut yang terkait pada latihan ibadat dan nilai akhlak yang terkandung padanya. Inilah yang benar-benar *unity in diversity*. Inilah yang sesungguhnya universal. Walaupun bahasa dan adat berbeza, alam sekitar dan suasana kemasyarakatan berlainan, dan warisan sejarah tiap-tiap kelompok itu berasingan, namun umat Islam masih memeluk iktikad yang satu dan dari pengalaman rohaniah inilah terbitnya pandangan dunia yang sama. Iktikad yang mengikat keseluruhan pengalaman manusia ke dalam ikatan tauhid yang sejati inilah yang membolehkan terlahirnya ahli sains dan penyair dalam bentuk peribadi yang sama, seolah-olah tidak adanya kepincangan langsung di antara intelek analitikal para saintis dan intelek imaginatif para sasterawan.

Alam Melayu tidak asing dari dunia sastera Islam ini. Sejak awal lagi telah lahir tokoh-tokoh yang terus bermekar sebagai tokoh yang kukuh seperti Abdul Rauf Singkel, Syam-

suddin al-Sumatrani dan gurunya Hamzah Fansuri, musuh beliau Nur ul-Din ar-Raniri, dan tokoh-tokoh seperti Jauhari Bukhari, Tun Sri Lanang, Raja Ali Haji, Abu Samad Palembang, Daud bin Abdullah Fatani dan lain-lain. Sekadar yang kita ketahui mahkota dataran sasterawan yang lampau ini adalah Hamzah Fansuri yang telah mengarang dengan daya pengalaman sendiri, bukan terjemahan atau pinjaman. Tradisi ini diteruskan ke zaman kita oleh tokoh-tokoh Amir Hamzah, Agoes Salim, Syed Syekh al-Hadi, dan lain-lain. Jadi yang dikatakan masalah pengasingan sasterawan Melayu daripada tradisi intelektual Islam bukanlah satu masalah yang menyeluruh, yang meliputi sekalian sasterawan Melayu. Hanya kita telah terbahagi dua, sebahagiannya masih berpegang erat kepada tradisi besar Islam sementara yang lain itu telah terpisah darinya dan terdorong ke arah pengaruh Barat oleh kerana skema penjajah dan tarikan nasionalisme yang dipelopori oleh golongan yang berilham ala Barat. Rasanya tidak salah sekiranya kita berkata bahawa cita-cita tinggi para sasterawan kita adalah untuk melihat hasil karyanya diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris, bukan ke dalam bahasa Arab atau Urdu. Ini membuktikan ke arah mana sebenarnya orientasi nilai kita walaupun kandungan karyanya itu panas dengan semangat kebangsaan.

Sasterawan Melayu yang telah mengasingkan diri dari tradisi Islam sesungguhnya telah menelan mata kail penjajah tanpa disedarinya. Penjajah memang berhasrat memisahkan anak-anak jajahannya dari agama dan kebudayaan Islam. Usaha ini ditutupinya dengan helah yang indah, yakni sebagai usaha untuk mencari asal-usul kebudayaan tempatan.

"No one at this date could doubt that the basis of Malay culture is Indian: ... Remove the uppermost layers of Islam, take away the lowermost aboriginal layer and what remains is Indian, so that to this day it may be said that the large part of Malay culture is ancient Indian in origin."

(Royal Braddel, An Introduction to the study of Ancient Times in the Malay Peninsula and the Straits of Malacca, JMBRAS Vol. XIV pt. III (1936, hlm. 39)

"... there would be more observers of curious customs and beliefs among the Malays if Englishmen in these latitudes would get out of the habit of regarding the Malays simply

as a Muhammadan people ... Let them regard the Muhammadanism of the Malay an accident not to be taken into account in studying the character and tracing the origin of the people."

(William Maxwell, lihat R. Braddel)

Pandangan-pandangan seperti ini lambat-laun menjadi dasar yang masih dianjurkan oleh petualang-petualang penjajah yang menggembar-gemburkan *Hikayat Seri Rama*, *Bayan Budiman* dan *Hikayat Abdullah* hingga tidak lagi kedengaran suara pilu Hamzah dan Jauhari. Akhirnya, sastera Islam yang diketahui oleh kita ketinggalan. Kitab-kitab yang digunakan di surau-surau seperti *Qisas-ul-Anbiya*, *Taj ul-Muluk*, *Ad-Dar ul-Nafis*. Selain itu terdengar juga pada kita melalui pelajaran Inggeris di sekolah beberapa karya yang telah menjadi masyhur di Eropah seperti kisah Harun al-Rashid dan Sindbad dari *The Thousand and One Nights*, *The Rhubayyat of Umar Khayam*, *The Masnawi of Jalaluddin Rumi*, dan karya Firdawsi, Rustam dan Zohrab, bersama *Layla dan Majnun* karya Nizami.

Penjajah telah berikhtiar memisahkan kita dari tradisi besar Islam dan dari dasar inilah terbitnya pemberontakan metafizika yang menjadi ciri sasterawan Melayu moden. Mereka ini telah memberontak dan mengutuk tradisi Melayu lama sebagai tradisi yang telah lapuk. Mereka memberontak dan mengganyang tradisi penjajah sebagai yang celaka. Dan mereka memberontak dan menjahanamkan tradisi Islam sebagai tradisi yang tidak selari dengan semangat baru. Dalam proses pemberontakan metafizika ini, mereka telah berjaya membunuh watak-watak perwira yang dahulunya menjadi pedoman anak muda kita untuk mendirikan nilai-nilai akhlak yang dikehendaki. Hang Tuah terhukum sebagai watak feudal – hanya ilham pemberontakan pembunuh-pembunuhnya adalah sosialisme, yakni terbitan pemikiran Barat, sementara hampir keseluruhan ahli tasawuf telah melanggar benteng-benteng feudalisme sejak awal lagi (termasuk Hamzah Fansuri). Perjuangan diteruskan dengan pembunuhan watak-watak perwira penjajah seperti Francis Drake, Raffles dan Horatio Nelson. Ini memang sewajarnya.

Tetapi mereka yang asyik memberontak ini telah me-

langgar ketertiban tradisi dan menghancurkan perwira-perwira Islam seperti Sayidina Umar al-Khattab, Ali ibn Abi Talib, Khalid ibn Walid dan sebagainya. Semua ini tidak lagi diakui sebagai perwira yang harus dicontohi. Lantas terkapaka kita mencari watak perwira pada peribadi "businessman" mula-mulanya, kemudian pada peribadi perajurit tanahair, hinggalah terlahirnya watak Lahuma, pak tani yang gigih berjuang dengan ketam, burung dan banjir dan akhirnya terkorban kerana bisa batang menerung. Nilai peribadinya hanya satu - *survival*. Segala-galanya ini membayangkan falsafah yang anarkis, yang telah terpisah dari landasan yang teratur dan sempurna, yang tidak mempunyai pandangan dunia yang tertentu. Inilah masalahnya sasterawan Melayu terpisah dari tradisi intelektual Islam. Kita terpaksa mencari pedoman dan ilham dari sumber-sumber yang beraneka ragamnya seperti Steinbeck, Tolstoy, Camus, Gorky, Hemingway dan kebanyakan dari pengarang-pengarang dan tokoh-tokoh itu merupakan *marginal personalities* yang hanya dapat difahami oleh peminat-peminat yang terhad. Dan sasterawan kita terus menghasilkan karya-karya yang terlampau 'berat' untuk difahami oleh para intelek di kampung yang masih kurang mengenal gaya bahasa Steinbeck dan cara simbolik Hemingway. Terpisah dari tradisi intelektual Islam bermakna terpisah dari suasana intelektual di surau dan di sekolah pondok dan terasing pula dari umat Islam yang pasti masih mengharapkan hasil sastera yang akan menyegarkan citarasanya untuk mendengar kisah kasih dan suka duka yang murni.

Sekian. Wassalam.

SUMBANGAN PARA INTELEKTUAL ISLAM DI MALAYSIA TERHADAP PEMBENTUKAN KEBUDAYAAN

S. OTHMAN KELANTAN

I

PENGERTIAN kebudayaan di sini, dalam konteks kemanusiaan yang seluas-luasnya, ialah praktik bersama dari 'akal' dan 'tenaga' manusia, yang diukur atas nilai-nilai yang ilmiah dalam meluas-lebarkan pancaran akal fikiran yang mencerminkan kehidupan intelek, yang mencerminkan bahawa manusia itu manusia, yang menghalusi sesuatu ilmu yang bersangkutan dengan perkembangan peningkatan tamadun manusia. Penggunaan kata-kata kebudayaan ini hanya dapat diucapkan dalam konteks intelek yang sihat, yang menggambarkan bahawa manusia itu berfikir, manusia itu berusaha, yang manusia itu terus-menerus mengekalkan status manusianya dalam usaha-usaha membina tamadun, dalam usaha-usahanya membina keilmuan yang tinggi, membina akal fikiran yang boleh mendatangkan faedah dan manfaat kepada seluruh manusia dan dunia.

Dalam pengertian inilah kebudayaan itu dapat dibicarakan sebagai suatu ciri yang penting dalam pembinaan tamadun manusia di dunia ini. Apabila ada usaha-usaha manusia yang tidak mencerminkan tamadun dan kehidupan intelek, seperti menganggap bahawa main layang-layang itu kebudayaan, main gasing itu kebudayaan, tari-menari dan segala rupa

mana pula besarnya kehormatan dengan anak-anak kita mempunyai rumah.

Inilah usaha-usaha yang dinamakan kebudayaan itu!

III

Perkembangan akal fikiran manusia dengan usaha-usaha untuk membentuk masyarakat supaya berakhlak baik melalui pelbagai jalan telah banyak diusahakan oleh para intelektual kita. Dalam perkembangan Islam sepanjang sejarah tanahair kita, sumbangan-sumbangan intelektual Islam terutama di akhir abad XIX dan awal abad XX, sebagai sambungan dari abad-abad yang lalu, begitu jelas dan nyata. Sumbangan terbesar dalam abad XIX ialah yang diberikan oleh seorang ulama Patani (waktu itu Patani sebahagian dari Kelantan) yang terkenal Syekh Daud bin Abdullah al-Patani. Terjemahan karya-karya agung Islam tersebar luas di Malaysia sampai sekarang. Buah fikiran Syekh Daud sendiri menjadi buku-buku teks tidak rasmi kepada kebanyakan pelajar-pelajar Islam dalam tempoh beberapa lama. Usaha yang cemerlang ini disambung terus oleh seorang muridnya yang sangat terkenal, Haji Abdul Samad bin Muhd. Saleh (1816-1891) yang lebih terkenal dengan nama Tuan Tabal. Karya-karya beliau seperti *Minhaat ul-Qarib*, *Kirafaayat ul-Awwam*, *Jalaa ul-Kulub Bi Zikrillah* dan beberapa buah yang lain, masih menjadi bahan kajian para intelektual kita sampai sekarang.

Lahirnya ulama-ulama dewasa ini adalah menyebabkan lahirnya pengajian sistem pondok. Walaupun sekarang sistem ini sudah dianggap lapuk, akan tetapi sangat bererti dalam perjuangannya untuk menyebarkan Islam. Kebanyakan karya-karya agung Islam seperti *Minhaajul Abidin*, *Kimia Al-Sa'adah*, *Al-Munqizu Minadhahalal*, *Faisal Ul-Yafriqah*, *Ayyuhal Walad* dan *Ihya Ulum Ul-Din* dari Hujjatul Islam Imam Al-Ghazali (1058-1111), karya-karya Al-Asya'ri, karya-karya agung Al-Syafi'i seperti *Al-Um* dan banyak lagi karya-karya agung itu dapat dibaca dalam bahasa Malaysia yang kita anggap dewasa ini sudah klasik. Usaha-usaha yang dijalankan oleh Haji Wan Musa bin Haji Abdul Samad (1874-1939) atau bakti suci yang diperjuangkan oleh Haji Muhd. Yusof bin Saleh (1869-1933) yang lebih terkenal dengan nama Tuk Kenali, dan rakan-rakannya Haji Daud, Haji Wan Ahmad

Patani, Hakim Haji Nik Abdullah bin Raja Zainal dan ramai lagi, adalah usaha-usaha yang cemerlang dan sangat terpuji.

Mereka tidak banyak bercakap seperti kita sekarang. Mereka tidak banyak mesyuarat dan seminar-seminar, tetapi terus-menerus bekerja demi kepentingan Islam tanpa gaji. Mereka sebenarnya adalah contoh kualiti manusia Islam yang tidak dapat dihitungkan dengan sebarang ijazah. Sumbangan-sumbangan mereka yang merupakan sumbangan mata rantai sejak abad-abad yang lalu seperti intelektual Islam zaman Aceh seperti Syekh Nur ul-Din al-Raniri, Hamzah Fansuri, Abdul Rauf al-Singkeli, Syamsuddin al-Sumatrani, Bukhari al-Jauhari dan pengikut-pengikutnya di Tanah Melayu, lebih merupakan sumbangan yang paling murni dan suci. Memang ada berlaku pertelingkahan-pertelingkahan yang menyebabkan terbantutnya beberapa cawangan ilmu dalam Islam, akan tetapi pertelingkahan itu menampakkan sihat dan matangnya perkembangan ilmu pengetahuan untuk membentuk suatu corak keperibadian dan kebudayaan yang tinggi.

Sumbangan-sumbangan dari cerdik pandai Islam terhadap pembentukan masyarakat Melayu khususnya, sebagai lanjutan yang terus-menerus tadi, menjadi lebih jelas dalam awal abad XX, apabila beberapa orang pelajar Islam yang mendalami ilmu pengetahuannya di Asia Barat. Waktu itu, fikiran-fikiran radikal yang ditanamkan oleh pengajaran-pengajaran Syah Waliullah al-Dihlawi (1702-1763), Syah Ismail ul-Syahid dan Abdul Karim Jili, telah meresap jauh masuk ke dalam hati sanubari Syed Jamaluddin al-Afghani (1839-1897). Dari manusia seorang inilah berkembangnya fikiran-fikiran filsafat yang merangkum seluruh penghidupan umat manusia untuk membebaskan dirinya dari belenggu penjajahan. Di Turki timbul Amir Syakib Arsalam dan Ziya Gol Al. Di Aljazair timbul Abdul Hamid bin Badis. Di Iran timbul Ayatullah al-Kasyani. Di Mesir muncul Muhammad Abduh dan Muhd. Rasyid Ridha. Dari Mesir inilah berkembangnya suatu corak reformasi terhadap pengajaran Islam di Kepulauan Melayu. Gerakan tajdid atau reformasi ini berlaku di Indonesia dalam sekitar tahun 1906. Majalah *Al-'Urwatul Wuthqaa* yang dipimpin secara kental oleh Muhammad Abduh telah menjadi bahan bacaan "ulul albab" oleh sekalian mazhab dalam Islam.

Perkembangan inilah yang telah membawa beberapa orang pelajar dari Mesir bertanggungjawab dalam membangunkan fikiran umat Islam di Tanah Melayu dan Malaysia umumnya. Nama yang tidak dilupakan ialah Syekh Muhammad Tahir Jalaluddin, Haji Abbas bin Muhammad Taha, Syed Syekh bin Syed Ahmad al-Hadi, dan Syekh Muhammad Salim al-Kalali. Dengan mencontohi *Al-'Urwatul Wuthqaa* dan *Al-Manar*, maka diterbitkan oleh mereka majalah *Al-Imam* dalam tahun 1906. Lanjutan dari perkembangan fikiran melalui majalah *Al-Imam*, Syed Syekh al-Hadi telah menerbitkan *Al-Ikhwan* dan *Saudara*. Majalah *Pengasuh* diterbitkan pula oleh Majlis Agama Islam Kelantan dalam tahun 1918 dan menjelang tahun 1930-an diterbitkan pula *Al-Hidayah* dan *Al-Hikmah* oleh Haji Ahmad Ismail (1899-1969).

Beberapa dekad peranan *Al-Imam*, *Al-Ikhwan*, *Saudara*, *Al-Hidayah*, *Al-Hikmah* dan *Pengasuh* telah memainkan peranan yang penting dalam pelbagai segi dari masalah-masalah agama Islam. Di dalam pondok-pondok Tuk Kenali, Haji Wan Musa dan di mana sahaja di Tanah Melayu waktu itu, majalah-majalah ini menjadi bahan bacaan dan kajian yang sangat penting. Semua majalah-majalah yang sangat berharga itu telah menamatkan riwayatnya sekarang kecuali majalah *Pengasuh*. Tetapi hidupnya majalah *Pengasuh* dalam tahun 1970-an, iaitu 50 tahun usianya, kelihatan perbezaan seperti bumi dengan langit. *Pengasuh* dalam tahun 1970-an lebih banyak memperlihatkan kecacatan fikiran, kesempitan dalam menganalisa sesuatu masalah Islam dan lebih jauh memperlihatkan betapa kurangnya kualiti Islam dari para pengasuhnya.

Suatu gerakan ke arah tercapainya matlamat perjuangan Islam secara radikal, secara progresif, pada awal abad XX ini memperlihatkan betapa tingginya darjah kesedaran para intelektual Islam kita terhadap kebudayaan. Di Kelantan, misalnya, telah lahir Haji Bik Abdullah bin Haji Wan Musa (1900-1944), murid dari Hakim ul-Islam Maulana 'Ubaidillah al-Sindhi (1872-1944), yang telah mencetuskan pengajaran-pengajaran radikal-revolusioner dari Syah Waliullah al-Dihlawi. Karya-karya agung Syah Waliullah seperti *Hujjatullah Aulbaalighah*, *Al-Fauzul Kabir Fi Usulit Tafsir*, *Al-Musawwa*, *Al-Insaf* dan lain-lain mula disebarikan dalam pengajaran-

pengajaran beliau. Pengaruh dari karya-karya agung ini bukan sedikit dan kesannya masih boleh didapati hingga kini.

Demikianlah bagaimana perkembangan dan peranan yang diberikan oleh para intelektual Islam kita dalam zaman permulaan abad ini. Kebanyakan karya-karya agung Islam yang tertulis dalam bahasa Arab banyak tersebar dalam bahasa Melayu. Selain daripada majalah-majalah yang menyebarkan ajaran-ajaran Islam dari Syah Waliullah al-Dihlawi yang dibawa oleh Syed Jamaluddin al-Afghani, maka peranan guru-guru pondok Kelantan dan Kedah atau Trengganu, sangat penting. Pengaruh guru-guru pondok ini sangat luas dan sampai ke daerah yang lebih luas seperti ke Sumatera dan Jawa.

Apa yang sangat menarik perhatian dalam usaha-usaha perjuangan intelek-intelek Islam ini ialah apa yang dilakukan oleh Syed Syekh al-Hadi dan Haji Ahmad bin Ismail. Kedua-dua tokoh agung ini bukan semata-mata menyarankan cita-cita Islam dalam rencana-rencana biasa tetapi memasuki dunia kreatif yang sangat mengagumkan.

Syed Syekh al-Hadi telah mempelopori penulisan novel di Malaysia apabila beliau menulis *Hikayat Faridah Hanum* dalam tahun 1925. Selain dari buku-buku sejarah Islam dan tafsir-tafsir al-Quran, beliau telah menghidupkan karya fiksi yang boleh memberi tunjuk ajar kepada para pembaca. Tahun 1928 beliau menulis *Taman Cinta Berahi*, dan tahun berikutnya menghasilkan *Anak Dara Ghasan*, *Cermin Kehidupan* dan *Putera Nur Ul-'Ain*. Walaupun novel-novel ini berlatar belakangkan luar Malaysia, akan tetapi keasliannya adalah dalam bahasa Melayu. Pengaruhnya dalam lapangan novel tidak terkira. Novel-novel ini mendapat sambutan hangat dan sangat bererti kepada perkembangan kebudayaan kita. Dia memperlihatkan kehalusan budi dan sifat-sifat ketimuran yang murni. Demikianlah Syed Syekh al-Hadi yang berpendidikan Islam dari Asia Barat yang telah menelan cita-cita dan kesedaran dari Muhammad Abduh.

Seorang tokoh yang selalu dilupakan oleh generasi sekarang apabila berbicara tentang karya kreatif ialah Haji Ahmad bin Ismail (yang kemudiannya bergelar Datuk). Beliau tidak mendapat pendidikan yang tinggi selain daripada usaha dan kemahuannya yang keras. Tahun 1923-1926 beliau

menerbitkan majalah *Al-Hidayah*. Tahun 1934–1941, beliau menerbitkan *Al-Hikmah*. Kedua-dua majalah ini dipimpin sendiri oleh beliau, malah percetakan itu sendiri adalah kepunyaannya. Selain daripada pengajaran-pengajaran yang disebarkan melalui kedua-dua majalahnya, Haji Ahmad Ismail telah menerbitkan karya-karya kreatif. Pada tahun 1929 beliau menghasilkan *Cogan Setia* setebal 430 halaman. Tahun 1930 menghasilkan *Pahlawan Perkasihan dan Peperangan*. Dan tahun berikutnya menerbitkan *Selamat Tinggal Ayuhai Timur*. Demikianlah seterusnya beliau menghasilkan *Puteri Mesir dengan Pahlawan Raja Rum* (1932), *Kumpulan Kala* (1933), *Bayang Hitam* (1933), *Zarina dan Rasputin* (1935) dan *Kerana Mahkota* (1937).

Seperti novel-novel karya Syed Syekh, karya-karya Haji Ahmad bin Ismail juga berlatar belakangkan negeri-negeri lain. Selalunya bermain di Mesir, Turki, Perancis, Rusia dan London.

Tokoh yang tidak perlu saya sebutkan di sini ialah Abdul Rahim Kajai. Sebagai seorang cerpenis yang sangat terkenal dan wartawan yang terunggul, beliau sudah banyak diperkatakan. Abdul Rahim Kajai yang berpendidikan Islam di kota Mekah yang mendalami bahasa Arab telah banyak memberi sumbangan terhadap pembentukan kebudayaan kita. Dan seperti kawan-kawannya dalam zamannya, Kajai menjalinkan cerpen-cerpennya untuk kehalusan budi dan membentuk akal fikiran manusia. Ini dapat kita lihat dalam *Pesaka Kajai* dan *Telatah Kajai* yang diterbitkan oleh Qalam Press.

IV

Akhirnya, sampailah kita kepada suatu zaman yang merupakan zaman persambungan yang terus-menerus itu, iaitu zaman kita, zaman sekarang.

Dalam tahun-tahun 1950-an, peranan majalah *Qalam* di bawah pimpinan Syed Abdullah al-Idrus dan Syekh Abdullah Basmeih, dan majalah *Pengasuh* di bawah pimpinan Muhammad Adnan Arifin dan Hasan Haji Muhammad, boleh dikatakan setanding dengan apa yang dimainkan oleh *Al-Imam* atau *Al-Ikhwān* atau *Saudara*. Dua majalah ini menjadi medan tempat menyatakan fikiran dan pandangan dari cerdik pandai

Islam. Bukan sahaja soal-soal fiqh atau falsafah yang dibicarakan di dalam majalah-majalah ini, tetapi juga dibicarakan soal-soal sejarah dan politik. Perkembangan dunia Islam disebarkan seluas-luasnya melalui kedua-dua majalah ini. Tetapi zaman itu tidak lama. Apabila Syekh Abdullah Basmeih meninggalkan *Qalam* dan Al-Idrus meninggal dunia, *Qalam* ikut menjadi lintasan sejarah semata-mata. Walaupun *Pengasuh* masih hidup dengan nyawa ikannya, majalah ini tidak bererti apa-apa, malah kalau dilihat kepada lahirnya majalah *Qiblat* atau *Al-Islam*, kedua-dua majalah baru ini lebih memberi erti.

Ketandusan buah fikiran yang baik melalui majalah-majalah ini bukan kerana kita sudah kekurangan para intelek Islam, tetapi adalah kekurangan semangat atau kekurangan kemahuan untuk memberikan fikiran-fikiran yang baik. Ini juga ada hubungan yang langsung dengan kualiti apa yang dinamakan intelek-intelek Islam dalam zaman kita sekarang ini. Barangkali kita tidak akan melupakan jasa bakti Prof. Dr. Syed Muhammad Naguib al-Attas yang telah mengusahakan satu tapak pandangan bahawa kebudayaan kita mestilah dikaji dari pandangan penyebaran dan penerimaan Islam di daerah ini. Kebenaran ini nyata untuk melihat hakikat dari perjalanan sejarah tanahair kita. Usaha beliau membentuk jabatan pengajian yang disebut Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu di Universiti Kebangsaan, yang dimulakan tahun ini, adalah sangat dialu-alukan. Perencanaan institut ini dapat kita lihat dalam bukunya *Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu* yang diucapkan pada 24 Januari 1972 di Oditorium Besar Universiti Kebangsaan Malaysia.

V

Untuk mengakhiri ucapan ini, sukalah saya menyebutkan beberapa perkara dari perkembangan akal fikiran intelek-intelek Islam kita akhir-akhir ini. Intelek-intelek Islam kita seolah-olah mengenyepikan dirinya dari masyarakat. Mereka seolah-olah telah membina sebuah dunia yang sangat asing. Kita tidak kekurangan cerdik pandai yang keluar dari seluruh dunia Islam, yang bertahun-tahun mengkaji pengetahuan-

pengetahuan mengenai Islam. Tetapi mereka di tanahair kita sekarang, boleh dihitung dengan jari sahaja yang ikut campur dalam masyarakat persatuan penulis. Kekurangan ini sangat dirasakan apabila adanya sungutan-sungutan orang ramai terhadap sikap pemencilan mereka.

Kalau ini satu kelemahan, maka eloklah mereka sama-sama cuba mengatasinya dengan menceburkan diri secara langsung seperti yang pernah dilakukan oleh intelek-intelek Islam yang terdahulu.

Saya tidak bermaksud untuk menelanjungkannya di sini, apabila dalam beberapa buah rencana saya di akhbar-akhbar pernah saya perkatakan soal sikap dan ketidakacuhan para intelek Islam lepasan Universiti Al-Azhar, terutamanya yang akhir-akhir ini, tidak mencampuri masyarakat dan membimbing mereka sebagaimana yang pernah dibuat oleh orang-orang yang lalu. Sebagai contoh yang amat baik dalam dekad kita ialah Syekh Abdullah Basmeih dan Yusuf Zaki Yaakub. Mereka dengan sungguh-sungguh menumpukan masa yang sepenuhnya menyumbangkan buah fikiran untuk membentuk masyarakat Islam dalam suatu pertembungan dengan aliran-aliran hidup yang asing, yang sedang menular dalam masyarakat kita sekarang. Karya-karya mereka dapat membuktikannya. Dari ulama-ulama tua kita dapat melihat mereka mendirikan sekolah-sekolah agama yang masih hidup sampai sekarang seperti yang ada di Johor, Trengganu, Perak, Kelantan dan Kedah.

Demikianlah kita melihat bagaimana khidmat dan sumbangan para intelektual Islam kita terhadap pembentukan kebudayaan dalam erti yang seluas-luasnya, iaitu yang dapat membentuk akal fikiran membentuk kepada kehalusan budi yang menerapkan cita-cita dalam kehidupan intelek yang mencerminkan tamadun manusia.

BIBLIOGRAFI

- G.N. Jalbani, *Teachings of Shah Waliyullah of Delhi*. Lahore: Sh. Muhammad Ashraf Kashmiri Bazar.
- Li Chuan Siu, Drs., *A Bird's Eye View of The Development of Modern Malay Literature, 1921-1941*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1970.
- Syah Waliullah al-Dihlawi, *Hujjatullahul Balighah, Al-Fauzul Kabir dan Al-Musawwa*. Dari nota kuliah Pengajian al-Quran, 1971.
- Syed Naguib al-Attas, Prof. Dr., *The Mysticism of Hamzah Fansuri*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1970.
- , *Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1972.
- Syed Syekh al-Hadi, *Hikayat Faridah Hanum*. Singapura: Penerbit Qalam, 1980.
- , *Anak Dara Ghasan*. Pustaka Abadi, 1964.
- Al-Hikmah*, 1939-1940.
- Pengasuh*, 1950-an.
- "Reformasi Agama Islam di Kelantan," nota sendiri, 1970.

PERANAN INTELEKTUAL (ULAMA) ISLAM DI MALAYSIA DALAM PEMBENTUKAN KEBUDAYAAN

MUHAMMAD UTHMAN EL-MUHAMMADY

Bismi Ilahir-Rahmanir-Rahim

Nahmaduhu wa nusalli al Rasulihi'l-karim

KERTAS kerja ini memusatkan perhatian kepada peranan yang dimainkan oleh ulama Islam di masa lampau, terutama dalam abad ke-18 dan ke-19, dalam membentuk "Kebudayaan" di Malaysia – terutama dilihat dari segi akliah atau intelektual dan rohaniah yang sebenarnya, peranan dari segi akliah dan rohaniah akan diteliti oleh sebab antaranya: bahawa dalam sesuatu kebudayaan, perkara-perkara yang menentukan, yang memberi nilai, yang memberikan arah dan makna segalanya adalah perkara-perkara yang bersifat rohaniah dan akliah. Dalam kata-kata yang sedikit berbeza, maka *weltanschauung*lah yang berfungsi demikian. Kalau dilihat soal kebudayaan terbebas dari perkara-perkara rohaniah atau akliah, maka itu bermakna melihat sesuatu kerja oleh makhluk sebagai binatang lembu kerbau, bahkan lebih sesat lagi – *kala am, balhum adall*.¹ Atau sebagai melihat satu *dated past time of the human animal* – satu cara kesukaan

¹Quran, VII, 179.

buat melengahkan waktu yang dilakukan oleh haiwan yang bernama manusia.²

I

Kita boleh menumpukan perhatian kepada sumbangan-sumbangan yang dibuat oleh beberapa orang ulama di Malaysia dalam abad ke-18 dan ke-19 dalam bidang-bidang pemikiran Islam supaya perhatian kita bukanlah berupa kenyataan-kenyataan umum semata-mata. Di antara ulama-ulama yang dapat disebutkan nama mereka yang berjasa dalam lapangan akliah keislaman dan lapangan rohaniah ialah Syekh Abdu'l-Malik bin Abdullah dari Trengganu dalam abad ke-18, Syekh Daud al-Fatani dalam abad ke-19. Syekh Abdu'l-Samad al-Kelantani (atau Tuan Tabal) dalam abad ke-19, dan Syekh Abdu'r-Rahman al-Kelantani dari Kelantan, juga dalam abad ke-19 *rahimahumu'llah*.

Dalam bidang akliah,³ jasa-jasa dan peranan ulama tersebut dapat dilihat dalam usaha mereka menghuraikan tanggapan-tanggapan tentang kehidupan dan dalam usaha mereka memberi contoh tentang kehidupan keislaman melalui cara hidup mereka sendiri. Huraian-huraian mereka semuanya adalah bersandarkan kepada Tauhid, iaitu ajaran yang menjadi pusat dan penentu segala dalam hidup rohaniah dan akliah

² F. Schuon, "No activity without truth", *Studies in Comparative Religion*, 3:3, hlm. 197.

³ Akliah digunakan dengan pengertian apa-apa yang berhubung dengan akal yang sebenarnya atau yang didasarkan di atasnya, atau yang bersifat intelektual dalam erti kata yang sebenarnya. Kesedaran akal yang sebenarnya dimaksudkan di sini adalah mengikut apa yang dihuraikan oleh hukama Islam seperti al-Ghazali dan ibn Arabi dan lain-lain *ridwanu 'Llahi alaih im* yang bermakna pandangan batin yang dapat melihat hakikat-hakikat alam tinggi (*supra sensible realities*). Dalam konteks ini, maka pemikiran dalam erti kata *discursive reason* adalah merupakan bayang-bayang akal yang sebenarnya. Sebab tanggapan yang demikian, maka orang yang berakal dalam Islam disamakan dengan orang yang beriman. Dalam bahasa Melayu klasik, kata mata-hati itu memberi makna akal batin yang demikian. Dalam tradisi metafizika Barat, kalimat yang sama maknanya dengan akal demikian ialah *intellectus* atau *Nous* sebagai yang disebut oleh Maxim the Confessor.

dan aspek-aspek lain dalam kebudayaan Islam yang sebenar-benarnya.

Berhubung dengan itu, terhurai juga konsep wujud (*being*), antaranya sebagaimana yang didapati dalam *Jala' al-Qulub* oleh Tuan Tabal dan *al-Manhalu's-Safi* yang dipercayai dikarang oleh Syekh Daud al-Fatani (*r.a.*). Konsep wujud yang diutarakan oleh ulama-ulama Islam di Malaysia adalah sebagaimana yang dihuraikan oleh hukama-hukama Islam yang terkenal di kalangan Ahli's-Sunnah wa'l-Jamaah, seperti al-Ghazali, ibn Arabi, ibn Ata'illah dan lain-lain (*r.a.*). Secara ringkasnya, dalam rangka metafizika yang demikian maka alam ini dilihat sebagai tajalli dari Zat Yang Mutlak. Dan insan pula adalah merupakan tajalli-Nya, yakni bagi nama-Nya dan sifat-sifatnya yang paling *central*. Sebab itu ia dianggap sebagai khalifah Tuhan di muka bumi.

Dalam konteks ajaran yang demikian, maka alam ini bukan sahaja merupakan latar belakang bagi insan meneruskan hidupnya dengan melakukan amalan-amalan yang baik dan menjayakan tamadun yang teokratik, tetapi juga merupakan ayat-ayat Tuhan (*ayatu'Llah*) yang boleh dibaca oleh mereka yang mempunyai akal atau pandangan batin (*aynu'l-qalb*). Mereka yang mempunyai pandangan yang demikian dipanggil *arif bi'Llah*, yakni mereka yang mengenal Tuhan dengan sebenar-benarnya dan juga dengan itu yang mengenal alam ini melalui Tuhan. Dengan sendirinya, dalam tanggapan alam yang demikian, maka ilmu yang paling tinggi dalam anggapan mereka ialah yang dipanggil *al-hikmatu'l-ilahiyyah* atau ilmu makrifat. Aspek-aspek dari ilmu demikian terkandung dalam apa yang diisyaratkan oleh istilah-istilah sebagai *al-mukasyafah*, *al-futuhah*, *al-ladunni*, ilham dan lain-lain. Tentang perkataan makrifat itu sendiri, ia sudah diterima dalam alam pemikiran Islam di kalangan kita tanpa diterjemah lagi. Hanya kadang-kadang kalimat itu disebut sebagai "kenal", tetapi kenal yang dihubungkan dengan mengenal Tuhan. Sebab itulah di kalangan umat Islam, maka mereka yang paling dihormati ialah para rasul, kemudian para nabi (*alay-himu's-salatu wa's-salam*), kemudian para wali dan para hukama yang sebenarnya (*ridwanu'Llahialaihim*).

Dalam konteks pandangan yang demikian tentang manusia, Tuhan dan alam, maka ilmu yang jatuh nombor dua penting-

nya dari segi mengenal kebenaran ialah ilmu-ilmu syariat, atau apa yang dipanggil sebagai *al-'ulum asy-shyar'iyah*. Ini adalah jelas antaranya seperti yang dihuraikan oleh Tuan Tabal dalam *Minhatu'l-Qarib* dan juga huraian Tuan Syekh Daud al-Fatani dan Tuan Syekh Abdu'l-Malik (*r.a.*). Dalam konteks yang sama, dengan secara implikasinya, maka ilmu-ilmu yang berbentuk empirikal semata-mata terjatuh kepada kedudukan nombor tiga. Sebab itulah dari segi doktrinal, ilmu-ilmu yang berhubungan dengan aspek-aspek alam zahir yang bersifat *experimental* tidak dipandang sedemikian tinggi sampai mengatasi ilmu-ilmu ketuhanan umpamanya. Pendeknya ulama-ulama yang akan dibicarakan nanti – insya-Allah – adalah ulama-ulama yang hasil ajaran-ajarannya masih lagi dipelajari sampai sekarang, dan kitab-kitab mereka masih digunakan sebagai teks. Ajaran-ajaran yang mereka kupas tidak lain melainkan ajaran tradisional⁴ dalam erti kata yang sebenarnya.

II

Sikap mental dalam zaman moden adalah hendak mengubah segalanya, tetapi tidak ada sikap untuk mengubah diri sendiri. Sikap ini adalah amat berbeza sekali daripada sikap akhlah di kalangan ulama Islam yang selalu bersikap hendak mengubah diri mereka sendiri supaya hidup sesuai atau mengikut ajaran dari Yang Mutlak. Sebenarnya sikap hendak mengubah-

⁴Makna tradisional di sini bermakna sesuatu yang berhubungan dengan *tradition* atau yang berdasarkan kepadanya. *Tradition* atau tradisi digunakan pula dengan pengertian bukanlah semata-mata adat-istiadat atau kebiasaan turun-temurun, tetapi sebagaimana yang digunakan di kalangan sarjana-sarjana tradisional Barat, yakni prinsip-prinsip dari alam tinggi dan juga pelaksanaan prinsip-prinsip tersebut dalam alam masa dan ruang – bersekali dengan bentuk-bentuk, upacara-upacara dan ajaran-ajaran suci yang menyebabkan pelaksanaan prinsip-prinsip tersebut berjaya. Tradisi timbul selepas beberapa waktu wahyu diturunkan. Dengan demikian, maka tradisi sama maknanya dengan perkataan agama (*religion*) dalam erti kata yang "universal". Untuk penggunaan yang demikian, lihat tulisan-tulisan Rene Guenon, F. Schuon, T. Burckhard dan Martin Lings, juga Seyyed Hossein Nasr. (cf. Hossein Nasr, "Mysticism and Traditional Philosophy in Persia Pre-Islamic and Islamic", *Studies In Comparative Religion*, 5:4: hlm. 235–240).

kan segala tetapi tidak diri sendiri adalah berdasarkan sangkaan bahwa insan, seperti keadaannya sekarang, bukanlah tidak sempurna. Kemudian masa dan ruang dan alam benda yang ditentukan olehnya itu adalah dijadikan sebagai pengikut bagi segala perkara. Sebab itulah apa yang tidak sesuai dengan "masa ini" ditolak, dan apa yang sesuai dengan keadaan masa ini adalah diterima dan dihormati. Sebenarnya sikap hendak mengubah segala, dan bukan diri sendiri ini adalah dari segi sejarahnya merupakan warisan daripada *Renaissance* Eropah, iaitu di dalamnya terdapat ajaran tentang insan sebagai makhluk "kebumian" dengan runtunan-runtunan yang dipercayai berhubungan dengan hakikat yang demikian, dan bukannya dipercayai konsep insan yang berada dalam keadaan yang universal sebagai yang terangkum dalam istilah pemikiran Islam "insan". Sebenarnya, dilihat dari segi metafizika yang sebenarnya menjadi pengukur segala, ini adalah konsep yang paling jauh dari kebenaran, dan sebenarnya yang berdasarkan kepada materialisme dengan ciri-cirinya yang bertentangan dengan metafizika yang sebenarnya sebagai yang dihuraikan oleh hukama-hukama Islam.⁵

Alam pemikiran Islam dan ajaran-ajaran adalah amat berbeza sekali daripada sikap yang demikian.

Di dalam ajaran Islam, terutama sebagai yang terdapat di dalam ajaran metafizikanya, konsep wujud merupakan pusat bagi segala huraian. Semuanya adalah dari wujud yang mutlak. Dalam rangka konsepsi yang demikian, timbul juga falsafah tentang alam dan juga dengan sendirinya konsepsi yang tertentu tentang ilmu pengetahuan. Konsepsi yang demikian dalam Islam kebanyakannya tidak termasuk ke dalam perbincangan falsafah tetapi di dalam tasawuf. Ataupun boleh dikatakan bahawa falsafah Islam yang sebenar-benarnya adalah yang berbentuk dalam visi akliah di kalangan ahli-ahli tasawuf. Untuk ajaran-ajaran metafizika dalam tasawuf digunakan istilah ilmu mukasyafah atau ilmu hakikat. Ini diajarkan selepas

⁵"Bayangan" daripada metafizika yang dikehendaki ada terhurai sedikit oleh seorang Barat yang kemudiannya memeluk agama Islam dan memakai nama Islam Rene Guenon. Tulisannya itu berjudul "Oriental Metaphysics", dalam majalah *Tomorrow*, London XII: 1, hlm. 6-16 (Winter, 1964).

si murid yang berkenaan itu sudah cukup persediaan ajaran dan rohaniah untuk mendapat pelajaran yang demikian. Maksudnya tidaklah ilmu yang demikian diajarkan kepada sesiapa sahaja. Sebelum daripada itu murid itu diajarkan apa yang dipanggil ilmu mu'amalah, iaitu istilah yang digunakan antaranya oleh Imam al-Ghazali (*r.a.*) yang bermakna ilmu tentang melakukan tugas zahir dan batin terhadap Tuhan dan manusia di dalam kehidupan supaya berjaya hidup sebagai seorang yang beriman.

Di antara kitab-kitab tentang metafizika yang diajarkan di kalangan ulama-ulama di Malaysia ialah kitab *al-Manhalu's-Safi fi Bayani Rumus Ahli'Sufi* yang dianggap dikarang oleh Syekh Daud al-Fatani (*r.a.*). Isinya membicarakan ontologi, kosmologi, tentang tajalli yang mutlak dari yang setinggi-Nya sampailah kepada alam ajsam, iaitu daripada taraf al-Ahadiah sampailah ke bawahnya. Selain itu, peringkat tanazzulat itu dihubungkan pula dengan kejayaan-kejayaan rohaniah hamba Tuhan yang melakukan perjuangan kebatinan sehingga kepada peringkat-peringkat tertentu berhubung dengan tajalli itu pada batinnya. Selain itu, kitab yang sangat penting ini membicarakan psikologi rohaniah, iaitu ia memberikan takrif-takrif yang jelas tentang organ-organ kesedaran kebatinan di dalam jiwa seorang hamba Tuhan di dalam perjalanannya ke arah Tuhannya. Jelas daripada kitab itu bahawa pengarangnya — yang tidak menjelaskan namanya pada kitabnya — ialah seorang yang ahli di dalam doktrin metafizika Islam sebagaimana yang dihuraikan oleh hukama Islam seperti Syekh Ibn Arabi, al-Buni, Qasim al-Jili (*r.a.*) dan lain.

Tradisi ini terus-menerus dihidupkan oleh orang-orang yang terutamanya, terlibat di dalam pergerakan tarekat tasawuf Islam yang diiktiraf di kalangan Ahli's-Sunnah wa'l-Jamaah. Dalam awal kurun yang ke-20 ini di antara nama-nama ulama yang ahli dalam bidang ini yang pernah mengajar di Mekah ialah Syekh asy-Syafii (*latafa'Llahu bihi*) yang amat jelas ketinggian keahliannya di dalam doktrin metafizika Islam, baik di dalam soal-soal *mukasyafah* dan juga soal-soal *al-fada'il*, yang merupakan *applied metaphysics*. Murid-muridnya masih meneruskan ajarannya sampai sekarang. Di antara muridnya yang terkenal, yang sudah meninggal dunia di Kelantan, ialah Syekh Abdu'r-Rahman bin Uthman, Tuk Seli-

hor (*Latafa 'Llahu bihi*). Selain daripada mengajar kitab *al-Manhalu's-Safi*, *Syarh Hikam ibn Ata'i'Llah* dan *Hikam ibn Abi Madyam* yang semuanya adalah dalam bahasa Melayu, Syekh ini juga mengajarkan metafizika Ibn Arabi (*r.a.*). Ia juga ada mengarang kitabnya sendiri di Mekah, dalam bahasa Arab, berjudul *Kanzu's-Sa'adah fi Bayani Istilahat as-Sufiah*, yang masih berada dalam bentuk manuskrip. Selain daripada menyampaikan tradisi metafizika Islam, ia juga menjadi wakil yang diiktirafkan bagi tarikh Ahmadiyah yang diasaskan oleh Syekh Ahmad ibn Idris dari Morokko (*r.a.*).⁶ Tarekatnya adalah antara tarekat-tarekat yang banyak berpengaruh di Malaysia.

Bila kita masuk kepada bidang etika rohaniah, maka kita dapat lihat bahawa ulama-ulama Islam di Malaysia menyebarkan etika rohaniah yang tumbuh dalam iklim akhlah dan rohaniah di kalangan ahli tasawuf. Etika yang jelas dilihat dalam karangan-karangan mereka, baik yang berupa terjemahan, komentar ataupun karangan asli, adalah merupakan karangan tentang etika rohaniah, iaitu etika yang bukan merupakan etika filsafat, tetapi etika yang merupakan *applied metaphysics* dalam Islam. Sifat-sifat keutamaan rohaniah yang dipanggil *al-Fada'il* atau *al-mahasin* adalah merupakan sifat-sifat keutamaan yang berdasarkan kepada hakikat keinsanan sendiri, yang ia dikehendaki supaya "mengikuti akhlak-akhlak ketuhanan", seperti yang diisyaratkan oleh hadis: *Takhallaqu biakhlaki'l-Llah*: Berakhlaklah kamu dengan akhlak-akhlak ketuhanan. Selain daripada berdasarkan kepada metafizika, etika yang demikian adalah juga berdasarkan kepada psikologi rohaniah, tentang keadaan manusia sebagai makhluk yang rohani, dengan fakulti-fakulti rohaniah di dalam dirinya sendiri. Dengan jalan demikian, maka etika rohaniah adalah merupakan *self-fulfilment* dengan erti kata yang sedalam-dalamnya bagi manusia itu sendiri. Selain itu perlu disebutkan juga bahawa etika rohaniah yang demikian adalah berhubungan pula dengan amalan-amalan tertentu yang berdasarkan kepada syariah Islamiah supaya sifat-sifat yang terpuji itu tercapai, dan dengan itu cita-cita rohaniah tercapai.

⁶ Lihat J. Spencer Trimingham, *The Sufi Orders in Islam*. Petaling Jaya: Oxford University Press, 1971, hlm. 114-116.

Boleh juga ditambah bahawa etika yang demikian adalah merupakan hasil visi akhlah dan rohaniah para hukama dengan berdasarkan juga ajaran al-Quran dan Hadis. Maksudnya, di dalam huraian itu terlihat perpaduan antara bimbingan wahyu dan fikiran manusia.

Di antara ulama-ulama yang berjasa dalam menghuraikan ajaran tentang *al-Fada'il* ini dapat disebut nama-nama seperti Syekh Daud al-Fatani dengan terjemahan *Bidayatu'l-Hidayah* oleh al-Ghazali (*r.a.*), *Minhaju'l-Abidin* oleh al-Ghazali (*r.a.*), *Hakim* abi Madyan (*r.a.*), Tuan Syekh Abdu'l-Malik dari Trengganu dengan huraian yang klasik tentang *Hikam* ibn Ata'i'Llah (*r.a.*), dan Tuan Syekh Abdu's-Samad al-Kelantani atau Tuan Tabal (*r.a.*), dengan huraian *al-fada'il* dan juga sifat-sifat yang tercela dalam bahagian ketiga dari *Minhatu'l-Qaribnya*.⁷ Huraian-huraian Tuan Tabal dalam beberapa hal mengingatkan kita kepada huraian-huraian Tuan Syekh Abdu's-Samad al-Falembani *rahimahu'Llah* seperti yang terdapat terutamanya dalam *Hidayatu's-Salikinnya*.⁸

Jelaslah kita lihat bahawa aspek etika seperti yang dihuraikan oleh ulama Islam Malaysia adalah tidak terpisah daripada metafizika. Ia dilihat dari segi akhlah adalah merupakan usaha membuang halangan-halangan daripada akal insan daripada melaksanakan tugasnya yang tertinggi, iaitu suatu realisasi yang mutlak, untuk mengenal *al-haqq*. Di dalam mengenal itu ilmu berpadu dengan keadaannya sendiri. Pada titik ini ilmu dan keadaan adalah berpadu, *knowing is being*. Perlu juga diingatkan bahawa segalanya adalah berjalan dalam rangka syari'at Islamihhay. Di antara nilai-nilai keutamaan roh aniyah yang dikehendaki direalisasikan oleh manusia dalam perjalanan rohaniahnya, antara yang asasnya ialah: *zuhd*, takut kepada Tuhan, harap kepada Tuhan, tawakal, sabar, syukur, ikhlas dan benar, serta sifat cinta kepada Tuhan dengan segala implikasi-implikasinya. Sifat-sifat yang

⁷Lihat artikel kami: *Islamic Ethics in Four Malay Islamic Texts from Malaya*, *Federation Museums Journal*, (dalam percetakan).

⁸Tentang Syekh Abdu's-Samad al-Falembani (*rh*), lihat "The Islamic Concept of Education according to Syekh Abdu's-Samad of Palembang and Its Significance in Relation to the Issue of Personality Integration", *Akademika*, 1: hlm. 59-83 (oleh penulis).

tercela yang menghalang akal manusia daripada melaksanakan tugasnya ialah sifat-sifat *ego-centric* seperti sifat dengki, ria, wujud, bakhil, gila kebendaan dan lain-lain. Maka dengan melaksanakan amalan-amalan keagamaan dan dengan kontemplasi serta lain-lain usaha, manusia akan berjaya mengikis semuanya daripada dirinya – atau hatinya – dan sifat-sifat yang mulia itu mengambil tempat di dalam dirinya itu. Akhirnya, ia akan mengenal Tuhannya dan cinta kepada-Nya.

Bila kita berbincang tentang psikologi rohaniyah sebagai yang dihuraikan oleh ulama-ulama Islam di sini, maka kita dapati bahawa huraian-huraian itu adalah selalunya berhubungan terus dengan sifat-sifat keutamaan rohaniyah. Maksudnya, huraian-huraian itu adalah berhubungan dengan etika rohaniyah, sebagai yang dihuraikan dengan cara yang amat baik oleh Tuan Syekh Abdul Malik dalam syarahnya terhadap *Hikam* ibn-Ata'i'llah (*r.a.*), dan juga oleh Syekh Daud al-Fatani (*r.a.*), dalam syarahnya terhadap *Hikam* abi Madyan (*r.a.*). Bagaimanapun Tuan Syekh Daud al-Fatani (*r.a.*) ada juga menghuraikan organ-organ kesedaran rohaniyah dalam *al-Manhaul's-Sufi* – kalaulah diterima sangkaan bahawa kitab itu adalah karangannya sebagaimana yang dianggap oleh guru-guru tasawuf berkenaan di Malaysia – sebagai: *sadr* (dada), *hati* (*qalb*), *fu'ad*, *lubb* atau inti dan *syaghaf*, semuanya dengan huraian-huraian tentang penggunaan kalimat-kalimat itu seperti yang terdapat dalam al-Quran.⁹ Ini pula diikuti dengan perbincangan tentang perjalanan hamba kepada Tuhannya pada peringkat-peringkat yang dikehendaki.

III

Bila bercakap tentang tradisi akliyah Islam dalam erti kata yang sebenarnya, maka dapat disebutkan bahawa antara cirinya yang terpenting ialah bahawa pertama-tamanya ia adalah bersandarkan kepada wahyu. Oleh yang demikian, maka kesedaran tentang alam tinggi dan apa-apa yang bersifat *transcendent* dan apa yang diturunkan oleh Tuhan adalah amat mendalam sekali. Oleh yang demikian, dapat dinyatakan dengan seyakini-yakinnya bahawa dalam umat Islam,

⁹Hlm. 27 ff. (keluaran Yala, Thailand, tanpa tarikh).

maka tidak ada pemikiran yang sebenarnya yang menolak wahyu dan juga pandangan akliah yang tulen atau pemandangan mata hati (*intellectual intuition*) — dan dengan itu menolak dua sumber terpenting yang wajib bagi mencapai ilmu yang bersifat *transcendent* dari alam tinggi — yang boleh selamat, melainkan ia membawa malapetaka yang sebesar-besarnya dan yang akan menghancurkan masyarakat kalau tidak diselamatkan oleh Tuhan. Oleh yang demikian, maka kita lihat bahawa ulama-ulama Islam di Malaya yang mengikut tradisi pemikiran Islam yang sebenar-benarnya taat kepada prinsip kebenaran ini dengan tidak berganjak sedikit pun.

Selain itu perlu juga disebutkan bahawa perkara yang satu laginya ialah di dalam kehidupan akliah keislaman yang sebenarnya perhubungan antara fikiran manusia (*reason*) dengan wahyu sudah dari awal-awal lagi diselesaikan oleh hukama Islam. Di dalam huraian mereka sewaktu membicarakan *Hikmah Ilahiyah* atau *Divine Wisdom*, telah diterangkan bahawa di sana iman dan fikiran bertemu dalam pengalaman mengenal Tuhan (makrifat). Adalah disedari oleh mereka bahawa bila sahaja fungsi fikiran manusia itu tertinggal hanya yang zahir sahaja, maka konflik antara fikiran dan iman serta perkara-perkara dalam wahyu tidak dapat diselesaikan. Kalau-pun diusahakan sesungguhnya-sungguhnya, maka amat sedikit sekali kejayaan akan dicapai sebagaimana yang jelas daripada sejarah pemikiran Barat.¹⁰

Berhubungan dengan soal mempelajari semula ajaran Islam dan pemikirannya, baik yang umum, ataupun yang dihubungkan dengan manifestasinya yang didapati di kalangan tamadun Islam di sebelah sini, maka ada kemungkinan timbul sangkaan bahawa walaupun ada perbendaharaan dalam ajaran-ajaran yang demikian, maka ajaran-ajaran itu tidak memberi jawapan kepada persoalan zaman sekarang. Maka jawabnya, kalaulah masalah-masalah zaman sekarang itu adalah sebenarnya masalah yang *real*, maka sudah tentu ia diselesaikan dalam sumber-sumber tradisional itu, oleh sebab persoalan-persoalan di sana adalah dilihat dari segi kaca mata universal bukannya yang berbentuk terikat kepada zaman dan tempat.

¹⁰Seyyed Hossein Nasr, *Islamic Studies*. Beirut, 1967, hlm. 104, 109.

Kalaulah masalah itu timbul oleh sebab orang tidak mahu melihatnya dari segi yang hakiki, maka sebenarnya yang ada bukanlah masalah yang *real* lagi. Yang ada hanya masalah kedegilan manusia.

• Dengan memahami semula ajaran-ajaran Islam dan pemikirannya, maka kita akan menyedari tentang tujuan hidup insan yang terakhir. Kita akan menyedari bahawa manusia adalah makhluk yang *theomorphic* dengan tuntutan-tuntutan batin yang paling mendalam yang perlu diralisasikan. Kalau tidak imejnya sebagai insan akan hancur musnah. Tamadun, masyarakat, dan kebudayaan akan selamat dan stabil dengan mengiktirafi dan juga dengan melaksanakan hidup dan gerak mengikut hakikat ini.

Kedudukan dan kepentingan mempelajari semula ajaran-ajaran yang demikian — dengan implikasi-implikasinya — jelas bila kita ingatkan bahawa ianya akan memberi kepada kita ubat bagi menyembuhkan kita daripada penyakit keletihan kita sendiri dengan rasionalisme yang penuh dengan sangkaan-sangkaan yang relatif belaka. Dalam ajaran tradisional yang demikian maka fikiran manusia mendapat tempat yang wajar bila ianya dikuasai oleh akal yang sebenarnya — yakni bila ia dicahayai oleh pembukaan rohaniah daripada Tuhan dan juga bilamana ia mendapat peluang berhubung dengan alam yang selain daripada alam yang dikesani dengan pancainderanya yang lima sahaja, iaitu alam yang terdiri daripada hakikat-hakikat yang bercahaya. Ulama-ulama Islam tulen di Malaysia yang belum diracuni oleh penyakit rasionalisme adalah merupakan barisan daripada pemberingat-pemberingat bahawa Islam mempunyai tradisi akliah dan rohaniah yang masih hidup sampai sekarang yang boleh menyelamatkan mereka yang mahu dirinya diselamatkan dari segi akliah dan rohaniah. Ajaran-ajaran yang mereka paparkan, yang tumbuh dalam *orthodoxy* Islam yang sejati itu adalah ajaran-ajaran yang benar, yang walaupun bersifat rasional tetapi tidaklah bersifat rasionalistik — dalam erti kata terpenjara dalam sangkaan-sangkaan mental sempit yang niabi manusia semata-mata.

Kalau dipelajari semula, kita akan menyedari bahawa ada dalam Islam tradisi *irfan* dengan fahaman-fahaman metafizika — bagi mereka yang memerlukannya — sampai ke-

pada taraf yang sedalam-dalamnya yang ada dalam dunia Islam sampai sekarang, walaupun mereka yang mendapat pendidikan Barat tidak menyedari hakikat ini. Bagaimanakah ahli fikir agama zaman sekarang dapat bercakap hal falsafah agama yang sebenarnya tanpa menyedari dan menggunakan perbendaharaan akliah dan rohaniah dalam huraian-huraian ahli makrifat dalam Islam seperti Imam al-Ghazali, Ibn Arabi, al-Jili, Jami dan lain-lain (*radiya'Llahuanhum*), yang semuanya berdasarkan kepada al-Quran dan Sunah dan bagi kita, ulama-ulama tulen kita adalah merupakan jambatan emas yang menyambungkan kita dengan mereka.

Perlu disebut sekali lagi, walaupun dengan ini mungkin menimbulkan kejemuan, bahawa ada terdapat persambungan yang tidak putus-putus dalam tradisi akliah Islam dari dahulu sampai sekarang. Kalau tradisi ini dilupai, maka ini bukanlah kerana ia tidak ada, tetapi kerana kita sedang tidur di atas perbendaharaan. Dengan mempelajarinya, maka kita akan mendapat prinsip-prinsip dan cara-cara tindakan yang memberi makna dan keselamatan sebenarnya kepada hidup. Ia akan menyelamatkan kita daripada permainan mental dan fikiran yang sia-sia yang dipanggil falsafah sekarang. Ia benar-benar menjadikan kita pencinta *Hikmah* dalam erti kata sebenarnya.¹¹ Akhirnya kita bukan hanya cinta dan tahu tentang hikmah, tetapi kita akan memiliki hikmah dalam roh kita sendiri.

Perlu juga diingatkan bahawa mempelajari ajaran-ajaran Islam dan tradisi akliahnya adalah selalunya berselari dengan latihan-latihan dan amalan-amalan rohaniah serta disiplin yang dikehendaki, yang semuanya adalah berdasarkan kepada hukum Syariat. Sebab itulah kita lihat bahawa dalam syarah *Hikmah* Abi Madyan dan juga *Hikmah* Ibn Ata'i'Llah (*r.a.*), dan dalam tulisan-tulisan Tuan Tabal (*r.a.*) dan Syekh Abdu'r-Rahman al-Kelantani (*r.a.*) dan lain-lain, kita dapati penerangan tentang kesedaran keilmuan itu diselaraskan dengan mencapai kedudukan rohaniah yang wajar.

Antara perkara-perkara tambahan yang boleh disebut berhubungan dengan perbincangan ini ialah hakikat bahawa

¹¹ *Ibid*, hlm. 105.

ajaran-ajaran yang demikian dapat menjadikan kita terselamat daripada ajaran keduniaan dan materialisme yang sedang menular dalam dunia sekarang yang merampas dari diri kita nilai-nilai kukuh dan suci.

Bila bercakap tentang bahasa pula, maka dapat kita katakan bahawa di tangan ulama-ulama yang demikian — semenjak apa yang dilakukan oleh Hamzah Fansuri (*r.a.*)¹² — maka kita lihat soal-soal akhlah yang setinggi-tingginya dilafazkan dalam bahasa Melayu, dalam bidang-bidang metafizik, teologi, falsafah akhlak, tasawuf dan lain-lain. Jasa mereka menggunakan bahasa Melayu sebagai pelafaz perkara akhlah yang demikian itu adalah merupakan jasa yang sukar ditandingi.

Dalam mempelajari teks-teks Melayu lama demikian, kita bersua dengan masalah-masalah seperti tulisan jawi, teknik penulisan yang ganjil pada kita dan lain-lain, yang semuanya merupakan cabaran bagi kita. Kita perlu sambungkan tradisi akhlah yang tinggi ini semula dan kita perlu menyedari dasar kekuatan-dalam kita walaupun dengan bersusah payah. Usaha ini berhubungan pula dengan usaha menghidupkan tulisan al-Quran yang mempunyai banyak implikasi-implikasi rohaniah, keagamaan, bahkan kesenian. Dari segi akhlah, usaha menghidupkan tulisan ini dan memahaminya adalah merupakan usaha hendak mengambil kembali perbendaharaan akhlah dan rohaniah kita yang sudah diusahakan pembinaannya dalam masa empat ratus tahun sampai sekarang. Kalau kita lupakan tulisan itu, semuanya akan merupakan kitab tertutup bagi kita.

Dalam kita bercakap tentang bahasa juga, dari segi kebudayaan — bukan dari segi linguistik — maka bahasa Melayu adalah merupakan bahasa yang sudah diislamkan. Maksudnya ia adalah merupakan bahasa yang digunakan bagi melafazkan hidup akhlah dan persuratan serta kebudayaan Islam sampai kepada peringkat yang setinggi-tingginya — taraf yang belum dicapai oleh bahasa Melayu sekarang dalam melafazkan tradisi pemikiran mana-mana pun. Ia adalah bahasa yang menjadi alat melafazkan pandangan dunia Islam, dengan tradisi

¹²Naguib al-Attas, *The Mysticism of Hamzah Fansuri*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1970.

persuratan Islam dan akliah serta rohaniah yang kukuh. Oleh itu ia dapat dikatakan dari segi ini — dan bukan dari segi linguistik — sebagai bahasa Islam — *an Islamic language*.

Akhir sekali, berhubung dengan usaha memahami semua sumbangan-sumbangan akliah dan rohaniah ulama-ulama Islam Malaysia tulen yang mengajak manusia mengikut hukum Tuhan dengan sebenarnya dan membina kehidupan berdasarkan ajaran ketuhanan, dapat dikatakan bahawa ajaran-ajaran itu hendaklah difahami dahulu, selepas memahaminya bolehlah kita membuat pilihan. Ertinya, pendirian kita adalah berdasarkan kepada pengertian, bukan kejahilan. *Wallahuaklam*.

SASTERA DAN AGAMA

A. HASJMY

Bismillahirrahmanirrahim

I

MANUSIA yang terdiri dari rohani dan jasmani diciptakan, dalam keadaan yang amat sempurna; sempurna akal dan budi, sempurna bentuk tubuh jasad dan sempurna kemampuan cipta.

... demi tin dan Zaitun,
Demi Bukit Sinai,
Demi negeri yang damai ini,
Manusia Kami ciptakan lengkap sempurna,
Kemudian Kami kembalikan
Menjadi makhluk yang paling hina,
Kecuali yang beriman dan beramal-bakti,
Untuk mereka tersedia pahala tiada terkira,
Setelah itu mengapa anda
Masih mendustakan hari pembalasan,
Bukankah Allah Hakim Maha Adil?¹

Manusia yang penciptaannya demikian sempurna, diharuskan mengabdikan kepada Maha Penciptanya. Dengan demikian martabatnya yang tinggi dapat dipertahankan. Pengabdian kepada Maha Pencipta pada hakikatnya telah mencakup pengabdian kepada sesama manusia dan kepada masyarakat. Allah Maha Pencipta tidak mengharap suatu apa pun dari

¹Q.S. At Tin: 1-8.

manusia, kecuali pengabdian dan berbuat ihsan kepada sesama.

... Jin dan manusia Kuciptakan
Agar mereka melaksanakan pengabdian,
Aku tidak mengharap dari mereka
Rezeki dan makanan,
Sungguh Allah Maha Pemberi Rezeki,
Memiliki kekuasaan yang tangguh.

Orang-orang zalim akan mendapat seksaan,
seperti teman-teman mereka terdahulu,
Mereka tidak usah bergegas memintanya,
Kaum pembangkang akan mendapat kecelakaan
Pada hari yang telah dijanjikan.²

II

Penciptaan manusia yang demikian sempurna dilengkapi lagi dengan naluri (fitrah), yang menyebabkan manusia berhajat kepada sesuatu yang dapat memberi arah kepadanya dalam pelaksanaan pengabdian kepada Maha Penciptanya.

Dalam kegelisahan mencari sesuatu yang dirasanya, ada, tetapi tidak teraba, naluri bawaan dari kandungan memastikan bahawa yang dicarinya memang ada, sekalipun kadang-kadang terlepas dari genggamannya.

... Dengan sikap yang pantas dan jujur,
Hadapkan wajah anda kepada agama,
Fitrah Allah yang menciptakan manusia
Dengan fitrah itu,
Agama Allah tidak pernah berubah,
Agama yang kukuh dan tangguh,
Tetapi sayang,
Kebanyakan manusia tidak mengerti.³

Penciptaan manusia dengan naluri sehingga berhajat kepada agama, telah merangkai fitrah manusia dengan watak agama ini; keduanya ciptaan Allah; keduanya sesuai dengan undang-undang wujud; keduanya saling memerlukan. Allah menciptakan hati manusia dan mencurahkan ke dalam hati itu agama ini, agar hati itu menjadi baik, sihat, tenteram dan

²Q.S. Az Zariyat: 56-60.

³Q.S. Ar Rum: 30.

damai. Allah Maha Mengetahui akan ciptaannya: Fitrah tetap dan agama tetap, tidak pernah berubah. Apabila hati telah menyelseweng dari fitrah, hanya agama fitrah ini yang sanggup meluruskan kembali; fitrah manusia dan fitrah wujud.⁴

Dengan nalurinya, manusia berasa terpaut kepada Kekuasaan Yang Tertinggi, demikian Muhammad Rawy menulis, yang selanjutnya menegaskan bahawa dengan naluri bawaan dari kandungan manusia beriman dengan Kekuasaan Tertinggi itu, sehingga hampir tidak satu jemaah manusia yang tidak beragama, sekalipun kadang-kadang mereka bukan penganut yang setia.

Apabila agama menjadi kecenderungan naluri (naz'ah fitriyah), maka adanya agama di tengah-tengah masyarakat manusia adalah mutlak, sebagai jawapan terhadap kecenderungan itu.

Keterpautan manusia pada batu, atau benda-benda nyata yang lain selalu kita saksikan, adalah bukti kerinduan manusia kepada Kekuasaan Tertinggi dan ketundukan mereka kepada-Nya.

Dalam kepatuhan manusia kepada kecenderungan ini, kadang-kadang sesat dan berlutut patuh di depan kayu, batu, matahari, bulan atau benda-benda nyata lain: hal mana semata-mata kerana memenuhi kecenderungan nalurinya.

Tidak jarang pula, kegelisahan manusia kerana panggilan kehausan nalurinya akan sesuatu yang ghaib, mereka mendapat jalan menuju kebenaran, sehingga terbukalah kekhususan kemanusiaannya dan kesucian fitrahnya, lantas mereka hidup untuk berbuat kebajikan dan meningkat maju hatta mendapat jalan untuk mengenal Allah yang diimaninya dan terbentangleh di depannya lapangan ketenteraman yang luas serta hatinya menjadi bahagia.

Allah Yang Maha Kuasa tidak membiarkan manusia terkatung-katung dengan nalurinya dan berdiwana di tengah-tengah makhluk bumi dalam usaha mencari syu'at langit; tetapi Allah menuntun mereka agar nalurinya menjadi teguh dan sejahtera.

⁴Said Quthub, *Tafsir Fi Dhūl al-Quran* (juz 12), Kahirah: Isa Al-Baby Al-Halaby, hlm. 41-42.

Dengan ini Allah mengangkat darjat mereka dari lembah kehinaan ke mercu kemuliaan, yang tidak terbatas hanya pada daerah bumi sekalipun telah melangit kemakmurannya, tetapi dibina hubungan antara kami dengan Kekuasaan Langit, sehingga dengan demikian penghuni bumi mendapat tuntunan langsung dari Langit dan fitrahnya beredar dalam daerahnya yang tabii, tidak terputus dan tidak terhambat, bahkan setiap waktu terjalin hubungan yang akrab dengan Tuhannya; pada saat demikian terkuaklah hijab hatta menampak kebesaran dan kekuasaan-Nya.

Dengan perantaraan manusia pertama yang juga nabi pertama, naluri manusia mendapat jalan lurus, hal mana menghantar manusia untuk mengerti bahawa perhatian Allah telah menyentuh manusia sejak mula sejarahnya.

Kecenderungan manusia untuk beragama tidak terbatas pada sekelompok manusia sahaja, tetapi meliputi seluruh umat manusia.

Dengan demikian, manusia mendapat peluang untuk mewarisi kebudayaan manusia masa lalu, manusia kemudian mengikuti jejak jenisnya yang lampau, hatta mata rantai terus bersambung; fitrah universal telah membuat mereka menjadi satu dan berkembanglah dalam lingkungan mereka Sunah Khalidah yang tidak pernah berubah.

Natijah pertautan yang ajaib ini memberi kemungkinan kepada kita untuk memastikan bahawa kebudayaan dan peradaban manusia sekarang bukanlah karya satu generasi atau satu umat, tetapi ia adalah generasi-generasi, manifestasi fitrah yang sihat dan makrifat yang benar sejak Adam sampai zaman kita ini.

Adalah di luar kemampuan kita untuk memisahkan antara kemajuan jasmani dan kemajuan rohani dan pemisahan ini bukanlah watak manusia asli; hal mana terjelma pada cara berfikir dan tingkah laku.

Kerana itu, kemajuan jasmani sahaja akan melemparkan manusia ke lembah kehinaan yang dalam, sementara kemajuan rohani sahaja bertentangan dengan naluri dan watak asli manusia sendiri. Keduanya, kemajuan jasmani dan kemajuan rohani, adalah makhluk Khalik Yang Maha Esa, yang dengan keduanya membuat manusia menjadi insan kamil.

Orang yang cuba-cuba memisahkan antara tamadun jasmani dan tamadun rohani, dia tidak mengetahui kekhususan dirinya sendiri, tidak mengerti siapa dirinya.

Apa erti kehidupan jasadi tanpa kehidupan rohani?

Yang dimaksud dengan fitrah di sini, iaitu fitrah asli yang sempurna, yang daripadanya menjelma amal rohani.⁵

Jelaslah bahawa agama adalah hajat hidup mutlak bagi umat manusia.

Agama fitrah yang datangnya dari Allah bertugas untuk memenuhi hajat hidup manusia, dan manusia yang diciptakan dalam keadaan lengkap sempurna mempunyai tiga hajat hidup:

1. Hajat hidup jasmani,
2. Hajat hidup rohani,
3. Hajat hidup ijtima'i (sosial).

Kitab-kitab suci yang disampaikan kepada manusia dengan perantaraan para rasul, mengandungi pedoman-pedoman, pernyataan-pernyataan dan ketentuan-ketentuan, yang harus dipedomani oleh manusia dalam usahanya untuk mencapai segala hajat hidupnya:

... Dalam bulan Ramadan al-Quran diturunkan,
Pedoman hidup untuk umat manusia,
Di dalamnya mengandungi pernyataan-pernyataan,
Berupa tuntutan dan furkan,
Pembela kebenaran dari kejahatan.⁶

Manusia yang telah diciptakan demikian sempurnanya, diangkat martabatnya sebagai khalifah Allah, dengan tugas untuk mengolah bumi dengan segala isinya, sehingga hasil pengolahannya dapat memenuhi hajat hidup jasmani, hajat hidup rohani dan hajat hidup ijtima'inya:

... Allah telah menjanjikan
Kepada anda yang beriman
Dan beramal salih,
Akan mengangkat menjadi khalifah,
Penguasa bumi,

⁵Muhammad Rawy, *Al. Dakwal Al. Islamiyah Dakwah Alamiyah. Kahirah: Al Daar Al Qammiyah Lil Thaba'ah Wal Nasyar, 1962, hlm. 56-57.*

⁶Q.S. Al Baqarah: 185.

Seperti telah diangkat
Orang-orang sebelum mereka;
Juga Allah akan memantapkan
Agama yang disukainya untuk mereka,
Dan akan mengganti ketakutan
Dengan keamanan.⁷

Ajaran-ajaran agama dalam bidang akidah dan akhlak, antara lain bertugas untuk memenuhi hajat hidup rohani manusia sementara ajaran-ajarannya dalam bidang syariah, antara lain bertugas untuk memenuhi hajat hidup jasmani dan hajat hidup ijtima'i manusia.

Usaha-usaha manusia sebagai khalifah Allah untuk memenuhi hajat hidup rohaninya, menjelmakan "seni budaya", baik seni rupa, seni tari, seni drama ataupun seni bahasa (kesusasteraan).

Dalam kalangan orang-orang tasawuf, sepanjang sejarah tasawuf Islam, banyak lahir sasterawan-sasterawan besar kenamaan. Dari para sasterawan Sufi lahirlah sejumlah "sastera Sufi" yang amat indah dengan ciri khasnya yang melambangkan kekudusan batin, kedalaman erti, keakraban dengan Maha Pencipta, tunduk tanpa syarat kepada iradat Ilahi, jauh khayal melayang, membuat lukisan dengan rumus-rumus yang pelik yang isyarat-isyarat bercabang erti. Sasterawan Sufi adalah sastera derita yang amat pahit, sastera rasa yang meluap-luap dan tajam di samping adanya keindahan yang tiada bertara. Sastera Sufi adalah gambaran dari kepelik-an dan keindahan.⁸

Di antara para sasterawan Sufi yang sangat terkenal, iaitu Umar Ibnu Faridli (572-632 H. = 1181-1233 M.), Jalaluddin Ar Rummy (604-672 H. = 1217-1273 M.), Abu Sa'id bin Abul Khair (258-440 H.) dan Hafiz Syirazy.

Syekh Hamzah Fansuri yang hidup pada permulaan abad XI H. (XVII M.) terkenal sebagai sasterawan Sufi Melayu

⁷Q.S. An Nur: 55.

⁸Ahmad Amin, *Dhuhr Al Islam* (juz 4). Kahiran: Maktabah al Nahdlah Al Misriyah, 1964, hlm. 170-172.

yang hampir tidak adaandingnya, dengan karyanya yang masyhur: *Ruba'i Hamzah Fansuri*.⁹

III

Dalam al-Quran ada sebuah surah yang bernama Surah Asy Syu'ara (Sarakata Sasterawan). Dalam surah tersebut Allah meletakkan garis-garis yang nyata antara sasterawan benar dan sasterawan jahat:

... Para sasterawan,
Pengikut mereka bandit petualang,
Berdiwana dari lembah ke lembah,
Bicara tanpa kerja,
Kecuali sasterawan beriman,
Yang beramal bakti,
Senantiasa ingatkan Ilahi,
Mereka mendapat kemenangan
Setelah hidup dalam ancaman.¹⁰

Ayat dari Surah Asy Syu'ara yang tertera di atas telah meletakkan garis-garis yang tegas antara "sasterawan jahiliyah" dan "sasterawan muslim", di samping telah melukiskan siapa sebenarnya sasterawan Islam itu.

Menurut ayat ini bahawa ciri-ciri khas sasterawan jahiliyah iaitu:

1. Pendiannya tidak tetap, bertualang dari lembah ke lembah, berpindah-pindah tempat tegak, lintat-plintut.
2. Pengikut dan para pengagumnya terdiri dari orang-orang bajingan dan bandit-bandit.
3. Pembicaraan mereka tidak sesuai dengan perbuatannya bohong dan mesum.

Adapun ciri-ciri khas dari sasterawan muslim, iaitu:

1. Hati dan jiwanya penuh dengan keimanan.
2. Fiil kerjanya senantiasa beramal salih, berbuat bakti.
3. Pancaran iman menjelma dalam amal perbuatannya.

⁹A. Hasjmy, *Ruba'i Hamzah Fansuri* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1976, hlm. 15-16.

¹⁰Q.S. Asy Syu'ara: 224-227.

4. Mereka selalu mengenang Allah, sehingga berwujud dalam karya-karyanya.¹¹

Tentang betapa besar peranan para sasterawan dalam jihad akhbar untuk melaksanakan dakwah Islamiyah, tergambar dari pernyataan Nabi Muhammad dalam hadisnya, yang terjemahannya:

... Dalam seni bahasa,
Bersemi senjata kata,
Ucapan sasterawan yang pasti kebenarannya,
Kalimat Lubaid yang berintikan:
"Kecuali Allah,
Semuanya akan musnah!"

Nabi Muhammad pernah bersabda bahawa orang yang berperang dengan senjata lidah, tidak kurang pentingnya dari orang yang berperang dengan senjata besi. Ucapan Rasul tersebut terjemahannya:

... Mereka yang membantu Rasul
Dengan senjata tajamnya,
Sama darjat dengan mereka
Yang membela Nabi Allah
Dengan ketajaman lidahnya.

Yang dimaksud Rasul dengan mereka yang membelanya dengan ketajaman lidahnya, iaitu para sasterawan mukmin yang paling terkenal di zamannya, seperti Hassan bin Sabit, Ka'ab bin Malik, Abdullah bin Rawahah dan lain-lainnya. Rasul berpendapat bahawa hasil-hasil karya sastera mereka sangat tajam tikamannya terhadap musuh-musuh Islam, seperti ternyata dari sebuah hadisnya, yang terjemahannya..

... Ucapan para sasterawan itu,
Lebih dalam tikamannya
Ke dada kaum Quraisy
Daripada mata lembing.

Kepada penyairnya, sasterawan Hassan bin Sabit, Rasul pernah memberikan perintah, yang terjemahannya:

... Semburlah kaum Quraisy itu,
Demi Allah, semburan anda terhadap mereka,

¹¹ A. Hasjmy, *Sumbangan Kesusasteraan Aceh Dalam Pembinaan Kesusasteraan Indonesia*. Jakarta: Bulan Bintang, 1977, hlm. 62-63.

Lebih hebat daripada tikaman pedang
Di malam gulita.

Semburlah mereka,
Jabril Ruhulkudus
Bersama anda,
Jumpailah Abu Bakar,
Dia akan mengajar anda.

Rasul gemar sekali mendengar sajak-sajak karya Umaiyah bin Shal, kerana kandungannya mengingatkan orang kepada Allah dan peristiwa hari berbangkit. Para sasterawan muslim banyak menjadi sahabat Rasul yang dekat Rasul selalu mendorong mereka agar menciptakan sajak-sajak jihad yang dapat membangkitkan semangat juang.¹²

Hadis-hadis Nabi yang terkutip di atas menegaskan bahawa dalam seni bahasa ciptaan sasterawan muslim terkandung mutiara-mutiara hikmat yang bernilai. Kenyataan ini bererti bahawa Nabi membenarkan karya-karya sasterawan muslim, asal tidak bertentangan dengan garis-garis yang telah ditetapkan Allah.

IV

Untuk melengkapi huraian ini, akan saya turunkan tafsir ayat-ayat 224–227 dari Surah Asy Syu'ara, yang ditafsirkan oleh beberapa orang ahli tafsir (*mufasssirin*) yang terkenal.

Muhammad Ali Syaukani Al Yamany, yang wafat dalam tahun 1250 H., antara lain mentafsirkan ayat-ayat tersebut sebagai berikut:¹³

Yang dimaksud dengan “pengikut para sasterawan terdiri dari kaum petualang”, iaitu orang-orang yang menyeleweng dari garis kebenaran, orang-orang yang sesat.

Dan yang dimaksud dengan: “tidakkah engkau lihat bahawa mereka mengembara dari lembah ke lembah” iaitu: tidakkah engkau perhatikan bahawa mereka bergelombang dalam kancah kedustaan, melontar kata-kata mesum; di

¹²Jarji Zaidan, *Tarikh Adab Al Lughah Al Arabiyah* (juz 1). Kahirah: Dar Al Hilal, 1957, hlm. 219–220.

¹³M. Ali Syaukani, *Tafsir Fath Al Qadir* (juz 4). Kahirah: Mustafa Al Baby Al Halaby, hlm. 117–118.

waktu yang lain mereka memperkosa kehormatan dengan kata-kata makian dan mempermainkan kalimat cabul yang memuntahkan telinga dan akal; di waktu yang lain lagi mereka mengharungi lautan kegilaan dan kebrutalan di mana mereka mencela kebenaran, memuji kejahatan, menggemari perbuatan terlarang dan mengajak manusia untuk mengerjakan kemungkaran, seperti yang dapat kita saksikan dalam sajak-sajak mereka yang memuji-muji arak, zina, homoseks dan perbuatan-perbuatan terkutuk lainnya.

Yang dimaksud dengan: "bahawa mereka mengatakan apa yang tidak dikerjakannya" iaitu: kami akan mengerjakan ini dan kau mengerjakan itu, sedangkan mereka dusta dengan perkataannya itu, kerana mereka tidak pernah mengerjakan apa yang dikatakannya itu. Perkataan mereka mengesankan adanya kemuliaan dan keutamaannya, sedangkan mereka tidak mengerjakan perbuatan yang mulia dan utama itu. Mereka kadang-kadang membanggakan kepada dirinya perbuatan-perbuatan jahat yang tidak mereka kerjakan, seperti yang dapat kita saksikan dari sajak-sajak yang bernadakan seakan-akan mereka berbuat mesuri dengan wanita-wanita baik, sedangkan yang sebenarnya ucapan-ucapan mereka itu adalah dusta semata.

Kemudian Allah mengecualikan sasterawan muslim yang salih, yang menampilkan kebenaran dan kebajikan dalam karya-karyanya, di mana Allah menegaskan: "kecuali para sasterawan yang beriman dan beramal salih," ertinya bahawa mereka termasuk dalam golongan orang-orang yang beriman dan selalu mengamalkan perbuatan-perbuatan yang baik, selalu mengenang setelah ditindas, seperti yang terjadi pada para sasterawan Nabi, di mana mereka menentang para sasterawan yang memusuhi Nabi; melindungi Rasul, mempertahankan kehormatannya, bahkan dengan sajak-sajaknya mereka menyerang para sasterawan musyrik. Termasuk dalam kelompok sasterawan yang menang ini, iaitu para sasterawan yang dengan sajak-sajaknya membela ahli sunah dan menyerang ahli bidaah dan para sasterawannya memaki-maki sunah yang suci dan memuja-muja yang sesat. Kerana itu, perjuangan menegakkan kebenaran dan membasmi kejahatan dengan media sastera adalah jihad yang paling besar, sedangkan para

sasterawannya adalah "Mujahid fi Sabilillah" yang menegakkan agama Allah dan melaksanakan segala ajarannya.

Ketahuilah bahawa sastera sendiri terbahagi ke dalam beberapa bahagian. Ada karya sastera yang oleh kerana isinya mengandungi kejahatan yang memuncak, maka ia telah sampai kepada darjat haram. Di samping itu ada pula karya sastera yang kerana sifatnya melambangkan kebaikan dan keutamaan, maka ia sampai kepada darjat wajib.

Muhammad Jamaluddin Al Qusimy (1283-1332H = 1866-1914 M.) seorang ahli tafsir yang cukup terkenal, antara lain mentafsirkan ayat-ayat tersebut sebagai berikut:¹⁴

Yang dimaksud dengan "para sasterawan petualang dan para pengikut/pengagumnya terdiri dari bandit-bandit," iaitu para sasterawan yang menunggangi berbagai khayalan dan impian nikmat dalam bentuk kiasan-kiasan syair dan kedustaan yang batil, baik ia syair bersajak atau bukan. Bahawa para sasterawan yang demikian diikuti dan dikagumi oleh bandit-bandit yang menyeleweng dari sunah yang benar, bukan oleh orang-orang baik yang mendapat petunjuk ke jalan benar.

Adapun firman Allah: "Tidakkah engkau perhatikan, bahawa para sasterawan jahat mengembara dari lembah ke lembah" adalah penyaksian atas kebenaran bahawa para pengikut sasterawan itu adalah bandit. Artinya, adakah engkau perhatikan bahawa para sasterawan jahat itu berdewana dari satu ke lain lembah khayal, bergelimang dalam berbagai aliran, tidak tetap di atas garis pendirian yang pasti, bahkan mereka mengenderai segala macam kenderaan yang misinya melaksanakan kebatilan, kedustaan dan kemesuman. Kesukaan mereka mencaci-maki, memperkosa kehormatan, bertaruh, kegilaan rindu, memuji yang tidak patut dipuji, mencela yang tidak berhak dicela, keterlaluan dalam memuji dan memaki.

Dalam penyebutan "lembah" dan "pendewanaan", terpampang pelukisan mundar-mandir mereka dalam aneka ragam perkataan dan di atas berbagai rupa jalan perasaan. Kata Ibnu Asir, bahawa kalau di sini Allah mempergunakan kata-

¹⁴ Muhammad Jamaluddin Kasimy, *Tafsir Mahasin Al Takwil* (juz 13). Kahirah: Mustafa Al Baby Al Halaby, 1959, hlm. 4649-4653.

kata "lembah-lembah" adalah untuk melukiskan aneka ragam jenis dan tujuan makna karya sastra yang mereka maksudkan. Hanya dipergunakan "lembah-lembah" dalam penampilan tamsil, bukan kata-kata "cara-cara dan jalan-jalan", kerana makna syair menjelma dari fikiran dan renungan, sedangkan dalam fikiran dan renungan terdapat kepelikan dan ketersembunyian. Kerana itu, pemakaian kata "lembah-lembah" lebih mendekati maksud sebenarnya.

Maksud firman Allah: "dan sesungguhnya mereka berkata yang tidak mereka kerjakan," ertinya perkataan-perkataan dan perbuatan-perbuatan yang mereka nyanyikannya bukan kata hati mereka yang sebenarnya, adalah kinayat dari kedustaan mereka yang tidak menghiraukan bahawa para pengagumnya terdiri dari bajingan-bajingan. Ertinya, bahawa mereka tidak dapat mengharapkan agar para pengikut/pengagumnya terdiri dari orang-orang yang alamnya berbeza sangat dalam alam mereka, iaitu orang-orang yang memiliki sifat-sifat terpuji, berakhlak mulia, yang telah berhasil mencapai kesempurnaan dan memiliki perasaan yang indah dan murni, yang senantiasa berjalan di atas jalan lurus.

Adapun firman Allah, "kecuali orang-orang yang beriman dan beramal salih, senantiasa menyebut Allah dan mendapat kemenangan setelah tertindas", ertinya bahawa yang mempengaruhi dan menjiwai sajak-sajak mereka itu, iaitu kemahaesaan Allah dan pujian kepada-Nya, hikmah ajaran budi pekerti yang baik, di mana kemudian dengan sajak-sajaknya itu mereka mendapat kemenangan atas musuh-musuh mereka, setelah pada mulanya mereka tertindas. Serangan mereka atas musuh-musuhnya adalah serangan balasan untuk mencapai kemenangan, suatu hal yang layak, di mana Allah mengizinkannya sesuai dengan firman-Nya: "Allah tidak menyukai pameran ucapan kotor, kecuali serangan balasan oleh orang-orang yang tertindas. Allah Maha Mendengar dan Maha Mengetahui." (Q.S. An Nisa: 148). "Kerana itu, siapa yang menyerang anda, lakukanlah serangan balasan yang setimpal." (Q.S. Al Baqarah: 184).

Dalam sebuah Hadis Bukhari dan Muslim, Rasul berkata kepada Hasan bin Sabit, seorang sasterawan ulung: "Kutuklah mereka, Jibril bersama anda!" Maksud hadis ini, bahawa Rasul mendorong para sasterawan Islam agar membalas

makian musuh dengan makian yang serupa.

Sebuah hadis yang lain, yang diterima Imam Ahmad dari Ka'ab bin Malik, yang mana Ka'ab bertanya kepada Rasul: "Sesungguhnya Allah telah menurunkan ayat mengenai karya sastera, seperti yang telah engkau makluminya, dan bagaimana pendapat engkau tentang itu?" Nabi menjawab: "Sesungguhnya orang mukmin berjihad dengan pedang dan lidahnya. Demi Allah, sesungguhnya serangan anda terhadap mereka dengan sajak-sajak anda, laksana lemparan panah yang tajam."

Hadis ini menandakan bahawa karya sastera yang baik, sama dengan anak panah yang tajam yang dapat mengalahkan musuh. Hadis-hadis menjadi dalil bahawa Islam tidak memusuhi kesusasteraan, bahkan menganjurkan agar para sasterawan muslim mempergunakan sajak-sajak dan karya-karya sasteranya menjadi media untuk membela dan menegakkan kebenaran.

Tantawi Jauhari, seorang ahli tafsir kenamaan yang mempunyai pengetahuan luas dalam berbagai bidang ilmu pengetahuan, terutama dalam bidang ilmu pengetahuan alam, dalam mentafsirkan ayat-ayat tersebut antara lain beliau menulis:¹⁵

Memang ada persamaan antara para sasterawan dan para tukang tenung dan para ahli sihir. Sasterawan merangkai kata dan membanggakan bahawa sajak yang paling dusta adalah karya sastera yang paling indah. Semakin dalam dia bergelimang dalam khayalan sehingga dapat menampilkan gambaran-gambaran yang menyedapkan dan mengasyikkan pendengar, menarik hatinya, menyentuh anak telinga dan matanya, terhitunglah dia sebagai "sasterawan besar".

Kerana itu, Allah berfirman: "Dan para sasterawan diikuti oleh bandit-bandit," ertinya orang-orang safih dan tukang-tukang tenung, di mana para pengagum itu mencontohi mereka dalam hak kebatalan, kedustaan, pemerkosaan kehormatan dan pujian orang yang tidak patut dipuji. Kerana itu, orang safih dan tukang tenung itu me-

¹⁵ Prof. Tantawi Jauhari, *Tafsir Al Jawahir* (juz 13). Kahirah: Mustafa Al Baby Al Halaby, hlm. 117-123.

mandang baik sikap laku para sasterawan yang berwatak demikian, bahkan mereka berasa senang dengannya, sedangkan para pengikut Muhammad bukan demikian halnya. Allah menegaskan hal ini dengan firmanNya: "Tidakkah engkau perhatikan bahawa mereka berdewana dalam tiap-tiap lembah dalam keadaan bingung." Pendewana, iaitu orang yang berjalan tanpa arah tujuan, kerana kebanyakan ciptaan mereka khayalan tanpa hakikat, dan kebanyakan kalimat mereka sifatnya memberahikan wanita, mencumbui, memaki, memperkosa kehormatan, menghamburkan janji dusta dan meroyalkan pujaan palsu, hal mana telah ditegaskan Allah dengan firmanNya: "Dan sesungguhnya mereka mengatakan apa yang tidak dikerjakannya," sedangkan al-Quran bukan demikian.

Kemudian Allah mengecualikan para sasterawan muslim yang salih, yang senantiasa mengenang Allah dan kebanyakan sajaknya mengenai ketauhidan, pujian kepada Allah, menyeru agar mentaatinya, tidak menyerang seseorang kecuali untuk membalas serangan.

Kerana itu, mereka tidak mempergunakan makian kecuali menjadi alat untuk menyerang musuh, bukan untuk menuntut kekayaan. Makian mereka bukanlah untuk maksud-maksud zati, tetapi untuk memperbaiki keadaan umum dengan menjatuhkan musuh-musuh. Tatkala Allah memberi kepada mereka kemampuan sastera, mereka mempergunakannya untuk kepentingan umum, bukan untuk mencari kekayaan seperti yang dikerjakan oleh para sasterawan jahiliyah dan sebahagian sasterawan Islam yang berdagang dengan sajaknya di zaman Daulah Abbasiyah dan beberapa Daulah di Andalusia; mereka itulah sasterawan petualang yang berkata tanpa kerja.

Sesungguhnya seni sastera adalah cahaya dari Allah seperti halnya keindahan, keahlian dan pertukangan, bahkan berdialog dengan arwah yang telah terjadi di dunia sekarang dan persiapan-persiapan untuknya, semua itu menjelma sebagai ujian bagi manusia. Adapun sajak, keindahan, hikmah dan segala anugerah yang serupa itu, kalau dipergunakan untuk kepentingan umum adalah ia baik, dan kalau dipergunakan untuk kepentingan khas adalah ia jahat.

Telah lahir kebenaran, telah terbentang jalan dan telah nyata pula bahawa kaum Muslimin tidak menghayati ayat

ini dan para sasterawan mereka berdewana dalam kesesatan, sehingga mereka menjadi salah satu sebab terpenting bagi lenyapnya Daulah Arabiyah di Timur dan di Andalusia.

Akan lahir dalam Islam satu generasi yang belum pernah bumi memimpikannya sebagai umat terbaik yang pernah Allah tampilkan untuk manusia.

Maksud kataku ini, iaitu bahawa Allah mengecualikan para sasterawan muslim yang salih, di mana Allah berfirman: "Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal salib, senantiasa mengenang Allah dan menang setelah tertindas," mereka menjadikan sajak sebagai ubat yang menghilangkan penyakit, ertinya bahawa mereka tidak menjadikan profesi sastera sebagai ladang usaha.

Ketahuilah bahawa Surah Asy Syu'ara disudahi dengan penyebutan "seni sastera" dan dimulai dengan penyebutan "Hikmah, ilmu dan tinjauan wujud ini". Tidakkah engkau hairan dengan organisasi ini, tidakkah engkau hairan bahawa pendidikan hakiki berjalan di atas acuan ini?

Tersebut dalam sebuah kitab abad ke-XIX bahawa ilmu-ilmu adab, sastera, cerita khayal dan dongeng menjadi bacaan permulaan, dan setelah itu barulah para pelajar membaca ilmu-ilmu pengetahuan alam, seperti ilmu hayawan, ilmu babat, ilmu manusia dan ilmu pasti, seperti ilmu hisab, ilmu handasah dan ilmu falak.

Hal itu, kerana sastera membuka pintu khayal bagi akal, sementara ilmu-ilmu alam dan pasti bertugas mendidik akal....

Said Quthub, seorang ahli tafsir besar dan ahli politik Ikhwanul Muslimin terkenal, dalam mentafsirkan ayat-ayat tersebut, antara lain beliau menulis:¹⁶

Para sasterawan jahiliyah melukiskan hawa nafsu dengan mempermainkan seletteran kata kasar dan mesum. Kerana itu, para bandit dan bajingan mengagumi mereka, bahkan menjadi pengikutnya, teristimewa kerana mereka tiada mempunyai pendirian, selalu berpindah dari aliran ke aliran, terumbang-ambing dalam khayalan yang kabur. Nyanyian mereka berbeza dengan perbuatannya, kerana mereka hidup dalam dunia khayal ciptaan perasaan, yang mereka utamakan

¹⁶ Said Quthub, *Tafsir Fi Dhilal al-Quran* (juz 19). Kahirah: Isa Al Baby Al Halaby, hlm. 120-122.

atas kehidupan nyata. Perkataan-perkataan mereka hidup dalam dunia angan-angan yang kosong.

Islam adalah jalan hidup yang sempurna, yang selalu siap melaksanakan kehidupan nyata: ia suatu "Gerakan Agung" dalam kandungan alam dan dalam kehidupan nyata. Sesungguhnya tabiat Islam yang demikian tidak sesuai dengan watak sasterawan jahiliah, kerana sasterawan tersebut menciptakan mimpi dalam perasaannya dan berasa berbahagia dengannya, sedangkan Islam berkehendak membuktikan hakikat mimpi dan beramal untuk mewujudkannya.

Islam mengghairahkan manusia agar berani menghadapi hakikat nyata dan jangan lari daripadanya ke dunia khayal yang kabur. Kerana itu, tidak boleh ada lagi dalam daya manusia sisa mimpi-mimpi kabur yang berterbangan, kerana Islam telah menghabiskan daya ini untuk membuktikan mimpi yang tinggi sesuai dengan jalannya yang agung.

Dalam pada itu, Islam tidak memerangi dan tidak memusuhi seni sastera kerana zatnya, yang diserang dan dimusuhi hanya jalan yang dilalui kesusasteraan dan kesenian itu, iaitu jalan mimpi kabur yang sia-sia.

Adapun apabila jiwa telah mantap atas jalan Islam yang kemudian dari dalamnya terpancar semangat Islam dalam bentuk karya sastera menuju cita-cita Islam, berjalan di bawah sorotan cahaya Islam, maka dalam keadaan demikian Islam tidak memerangi dan tidak memusuhi kesusasteraan dan kesenian. Dalam keadaan beginilah, Islam mengecualikan sasterawan muslim yang beriman dan beramal salih.

Mereka tidak termasuk dalam deretan sasterawan jahiliah, kerana mereka beriman sehingga hati mereka penuh dengan akidah dan kehidupan mereka tegak lurus di atas jalan Allah; mereka beramal salih sehingga daya mampu mereka diarahkan untuk melakukan amal kebajikan, dan tidak diperdaya dengan konsepsi dan mimpi sahaja.

Corak dan warna kesusasteraan dan kesenian Islam banyak. Kesusasteraan dan kesenian yang tumbuh dari konsepsi Islam tentang kehidupan dari segala seginya, adalah ia kesusasteraan dan kesenian yang disukai Islam.

Tidaklah menjadi keharusan agar kesusasteraan atau kesenian itu langsung membela Islam, atau memuji-muji Islam di zaman keemasannya. Bukanlah itu yang menjadi syarat

agar ia dinamakan kesusasteraan atau kesenian Islam.

Sesungguhnya lukisan kesunyian malam dan keheningan pagi, yang terjalin dengan perasaan seorang muslim dan mengikat peristiwa-peristiwa ini dengan Allah dalam perasaannya, yang kemudian menjelma dalam bentuk puisi, itulah dia kesusasteraan Islam.

Sesungguhnya detik-detik matahari terbit dan kaitannya dengan Allah atau wujud yang diciptakan Allah, cukup untuk mendorong terciptanya kesusasteraan yang diredai Islam.

Tegasnya, bahawa Islam mempunyai konsepsi-konsepsi khusus tentang segala bidang kehidupan dengan semua sangkut-paut dan hubungannya. Kerana itu, karya sastera mana pun yang menjelma dari konsepsi ini, ia adalah kesusasteraan yang disenangi Islam.

Dari huraian-huraian dan pandangan empat orang ahli tafsir kenamaan tersebut di atas, dapatlah disimpulkan bahawa "Kesusasteraan Islam" iaitu kesusasteraan yang memancar dari jiwa sasterawan muslim yang beriman dan beramal salih, atau dengan uslub yang lain: karya sastera yang merupakan manifestasi atau pancaran keimanan dan amal salih dari sasterawan, itu adalah kesusasteraan Islam.

V

Dalam bulan Mac 1972, Majlis Ulama Daerah Istimewa Aceh telah mengeluarkan sebuah buku yang berjudul: *Bagaimana Islam Memandang Kesenian*. Buku tersebut memuat hasil musyawarah ulama seluruh Aceh yang membahas masalah kesenian dan hukumnya dalam Islam. Hasil dari musyawarah tersebut menjadi fatwa tentang hukum kesenian. Kesimpulan fatwa tersebut, iaitu:

1. Fungsi kesenian adalah untuk membina kehalusan budi, di samping untuk hiburan.
2. Kesenian pada dasarnya adalah mubah hukumnya (dibolehkan dalam agama Islam), kecuali kesenian yang di dalamnya bercampur dengan kemaksiatan dan kemungkaran.
3. Seni budaya dapat boleh dipergunakan untuk menjadi media dakwah.
4. Seni tari, seni suara, seni drama, seni rupa dan jenis-jenis kesenian lainnya, mubah (boleh) hukumnya,

baik yang bersifat regional, nasional atau internasional, kecuali kalau ada hal-hal luar (aridi) yang bertentangan dengan ajaran Islam, dan yang demikian haram hukumnya.

5. Pria dan wanita dalam hal ini sama kedudukannya, dapat memanfaatkan kesenian.
6. Pada waktu-waktu tertentu; hari raya, nikah, khatan, upacara-upacara penting dan sebagainya, hukum mubah meningkat menjadi hukum mustahab (digemari atau disukai).

Fatwa Majelis Ulama Daerah Istimewa Aceh tersebut didasarkan pada ayat-ayat al-Quran (ayat-ayat 224–227 Surah Asy Syu'ara dan lain-lain) yang telah saya cantumkan dalam huraian ini dan pada hadis-hadis Rasul yang antara lain:¹⁷

Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan dari Aisyah (Fathul Bary 2:355) tersebut bahawa Aisyah berkata: "Rasul Allah sedang berbaring dan aku di sampingnya; kami sedang dihiburi dua orang gadis dengan lagu-lagu yang merdu. Pada waktu itu, masuklah Abu Bakar dan membentak saya dengan kata-kata yang tajam: "Apakah serunai setan sedang berada di samping Rasul?" Rasul menjawab sambil melihat kepada Abu Bakar "... Biarlah mereka terus menyanyikan lagu-lagunya! Setelah Rasul tertidur, barulah mereka keluar."

Dalam hadis yang diriwayatkan Bukhari ini, disebut bahawa kedua gadis itu menabuh rebana. Hal serupa juga terdapat dalam riwayat Zahry dan Muslim.

Hadis ini memberi pengertian bahawa gadis-gadis (wanita-wanita) boleh menembang lagu/nyanyian, suaranya boleh didengar, kerana suara bukan aurat, keadaan mereka sedang menyanyi boleh disaksikan, juga boleh menabuh instrumen-instrumen muzik.

Sebuah hadis lain yang diriwayatkan Imam Bukhari dari Aisyah menyatakan bahawa Aisyah berkata: Pada suatu hari Rasul berdiri di pintu kamarku, melihat orang-orang Habsyi sedang menabuh rebana dan menari dalam masjid. Sambil memperhatikan permainan mereka, Rasul menyelimuti aku dengan selendangnya. Menurut riwayat yang lain, bahawa

¹⁷ *Bagaimana Islam Memandang Kesenian*. Banda Aceh: Majelis Ulama Daerah Istimewa, 1972, hlm. 59–63.

hari itu adalah hari raya dan orang-orang hitam menarikan tari perisai dan tari ombak. Waktu itu, Rasul menanyakan saya:

Apakah engkau gemar melihatnya? ... Ya! Jawab saya. Kemudian beliau menyuruh saya berdiri di sampingnya dan pipinya menyentuh pipiku. Beliau mengarahkan katanya kepada mereka: ... Lanjutkan permainan anda, hai anak-anak Arfadah! Setelah saya puas dengan pertunjukan mereka, barulah Rasul menyuruh mereka pergi.

Menurut riwayat Zahry dari Urwah, bahawa Umar membentak mereka, dan mengancam akan melempar dengan batu. Waktu itu, Rasul berkata kepada Umar: "... Biarkan mereka dengan permainannya, hai Umar! Biarlah orang-orang Yahudi mengetahui bahawa agama Islam lapang dan saya diutus untuk membawa agama yang tidak sulit."

Hadis ini mengisabkan bahawa gadis-gadis (wanita-wanita) boleh menonton pertunjukan seni tari dan permainan lainnya. Asal sahaja ditemani oleh muhrimnya kerana agama Islam lapang.

Menurut sebuah hadis yang diriwayatkan dari Aisyah, bahawa pada suatu hari Aisyah memimpin upacara perkahwinan sepasang suami isteri kaum Ansar; pada waktu itu, Nabi bersabda:

"Wahai Aisyah, apakah engkau menyediakan sesuatu pertunjukan permainan, kerana kaum Ansar sangat suka kepada permainan?"

Hadis Bukhari yang diriwayatkan dari Aisyah ini memberi isyarat bahawa dalam upacara-upacara, termasuk upacara perkahwinan, boleh dihiburi dengan permainan atau pertunjukan kesenian, asal yang tidak bertentangan dengan ajaran-ajaran agama.

Menurut sebuah hadis Tarmizi yang berasal dari Aisyah, bahawa Rasul bersabda kepada Aisyah: "Rasmikan pernikahan itu dalam masjid dan meriahkan dengan permainan rebana!"

Menurut sebuah hadis yang diriwayatkan dari Buraidah, bahawa setelah Rasul kembali dari sebuah peperangan, seorang gadis hitam datang kepada beliau berkata: "Ya Rasulullah, saya telah bernazar, jika anda kembali dari medan perang

dengan selamat, saya akan menabuh rebana dan menembangkan lagu di depan anda.”

Rasul menjawab: “Kalau memang benar engkau telah bernazar demikian laksanakanlah apa yang telah menjadi nazar-mu!”

Gadis itu pun menabuh rebana dan menyanyikan lagu-lagu yang merdu. Kemudian Abu Bakar masuk, gadis hitam tersebut terus bermain. Lalu masuk Ali, gadis itu tetap bermain. Lalu masuk Usman, gadis manis itu terus melaksanakan nazarnya. Waktu Umar masuk, dia menyembunyikan rebananya di bawah pinggulnya. Pada saat itu, dengan tersenyum Rasul bersabda: “Setan sungguh takut kepada anda, Umar!”

Hadis yang diriwayatkan Imam Ahmad dan Imam Tarmizi ini dipandang sah dan maksudnya:

1. Dalam Islam tidak ada larangan, bahkan dianggap baik, mengadakan pertunjukan kesenian untuk menyambut orang-orang penting.
2. Agama Islam membenarkan seorang gadis (wanita) mempertunjukkan tari dan lagunya di depan umum, dengan mempergunakan sesuatu instrumen muzik.
3. Agama Islam membenarkan bernazar untuk mengadakan sesuatu pertunjukan untuk merayakan hari-hari penting.
4. Ucapan Rasulullah kepada Umar bahawa setan takut kepadanya, bukanlah maksudnya bahawa gadis hitam ibaratkan setan yang takut kepada Umar, sehingga memberi pengertian bahawa permainannya haram, tetapi, hanya sekadar memuji kehebatan Umar. Kalau sekiranya itu tidak boleh, tentu Rasul tidak mengizinkan gadis itu melafazkan nazarnya.

Pengertian demikian dijelaskan oleh sebuah hadis yang lain, yang juga berasal dari Aisyah, di mana Aisyah bercerita:

Pada suatu hari, saya bersama seorang gadis yang menyanyikan lagu-lagu yang merdu, tiba-tiba Rasul masuk dan gadis itu terus bernyanyi. Kemudian masuk Umar, maka larilah dia. Melihat gadis itu lari, Rasul tertawa dan Umar bertanya: “Gerangan apakah yang menyebabkan anda tertawa, ya Rasulullah?”

Setelah Rasul menceritakan peristiwa gadis yang lari itu,

Umar menyahut: "Saya tidak akan pergi ya Rasulullah, sebelum mendengar gadis itu menyanyikan lagu-lagunya."

Kemudian barulah Rasul menyuruh gadis itu menembangkan lagu-lagunya kembali untuk didengar Umar.

Menurut sebuah hadis Ibnu Majah yang berasal dari Anas bahawa pada waktu Rasul sedang keliling kota Madinah, di suatu tempat beliau mendapati serombongan gadis menabuh rebana dan sebahagiannya bernyanyi riang. Waktu Nabi melewati mereka, sambil bernyanyi mereka berkata: "Kami ini gadis-gadis Bani Hajjar, alangkah baiknya Muhammad sebagai tetangga kami!"

Rasul menjawab: "Allah mengetahui bahawa aku sayang kepada anda sekalian."

Hadis ini mengisahkan bahawa agama Islam membenarkan menabuh rebana atau alat-alat muzik lainnya sambil bernyanyi.

VI

Syekh Mahmud Syaltut, dalam kitabnya, *Al Fatwa*, menandakan bahawa seni budaya (seni tari, seni bahasa, seni sastera, seni rupa dan seni drama) adalah hajat hidup rohani bagi manusia, gharizah (naluri) manusia memerlukan kepada kesenian, sehingga kerana demikian, Islam sebagai agama Fitrah tidak melarang kesenian. Demikian fatwa Syekh Mahmud Syaltut, yang pada akhir huraianya menegaskan:¹⁸

Saya telah membaca sebuah kitab yang berjudul *Idhahud Dalaalat Fi Sima'i Al Alaat* karangan Syekh Abdul Ghani Nablusi, seorang ulama yang terkenal salih dan warak serta takwa, yang hidup dalam abad XI H.

Beliau memastikan dalam kitabnya bahawa hadis-hadis kalau memang hadis-hadis itu sahih — yang diambil menjadi dalil untuk mengharamkan kesenian, selalu dikaitkan dengan penyebutan instrumen-instrumen muzik, minuman keras, biduanita, kemesuman dan kecabulan.

Hampir tidak ada satu hadis pun yang bebas dari kaitan demikian. Berdasarkan hadis-hadis itulah, maka ditetapkan

¹⁸Prof. Dr. Mahmud Syaltut, *Al Fatwa*. Kahirah: Dar Al Qalam, hlm. 409-414.

hukum halal atau haram mendengar dan menyaksikan pertunjukan kesenian.

Apabila dalam pertunjukan kesenian itu atau alat-alat kesenian, terdapat hal-hal yang bertentangan dengan ajaran Islam, maka menjadi haram hukumnya. Sebaliknya kalau tidak ada hal-hal yang bertentangan dengan ajaran Islam, maka menjadi mubah (harus) hukumnya, baik untuk mempelajari, mempertunjukkannya, memainkannya ataupun menyaksikannya.

Menurut riwayat yang diterima dari Nabi, bahawa kebanyakan para sahabat, Tabi'in, Imam-imam dan Fuqaha (Ahli Hukum Islam), mereka semua sering menghadiri majlis-majlis kesenian yang bersih dari kegilaan dan hal-hal yang haram.

Kebanyakan para Ahli Hukum Islam (Fuqaha) yang lain juga berpendapat demikian.

Baik juga kami jelaskan bahawa Syekh Hasan Al Athar, iaitu Syekh Azhar di abad XIII H., sangat suka mendengar dan menyaksikan pertunjukan-pertunjukan kesenian, bahkan beliau menguasai benar berbagai cabang kesenian. Dalam sebuah karangannya beliau pernah menulis:

“Orang yang tidak berkesan dengan kehalusan puisi, yang dialirkan atas tali-tali gitar, melalui pantai-pantai sungai, melintasi nyamannya pohon-pohon yang merimbun, maka orang itu benar-benar telah kering jiwanya, tabiatnya adalah tabiat keldai.”

“Jelaslah bahawa mendengar kesenian yang mempunyai irama atau suara yang merdu, tidak mungkin diharamkan kerana semata-mata suara alat atau suara manusia atau suara haiwan; hanya diharamkan kalau sekiranya kesenian dibaurkan dengan hal-hal yang terlarang atau dipergunakan menjadi jalan menuju maksiat, ataupun menyycleweng dari kebenaran.

Seharusnya orang mengetahui hukum Allah dalam hal kesenian ini, dan jangan terlalu gampang orang menghalal atau mengharamkan.

Adapun mengharamkan yang dihalalkan atau menghalalkan yang diharamkan Allah, kedua perbuatan itu merupakan penentangan terhadap Allah dan hukum-hukumnya tanpa ada ilmu:

... Katakan hai Muhammad:
Tuhanku hanya mengharamkan kemesuman,
Yang terang atau yang tersembunyi,
Kedurjanaan dan pembangkangan,
Tanpa ada alasan yang benar,
Persekutuan Allah dengan makhluknya,
Pembohongan terhadap Allah
Tanpa ada ilmu.¹⁹

Wabillahit Taufik Wal Hidayah!

¹⁹Q.S. Al A'raf: 33.

SASTERAWAN SEBAGAI KHALIFAH ALLAH

A. HASJMY

... Dengan nama Allah,
Maha Pemurah,
Maha Penyayang.

... Allah telah menjanjikan
Kepada orang-orang yang beriman
Dan beramal salih di antara anda,
akan mengangkat menjadi Khalifah

Untuk mengelola bumi raya,
Seperti halnya telah diangkat
Orang-orang sebelum mereka
Dan agama yang Allah
Telah relakan untuk mereka
Akan dikukuhkan.

(Q.S. An Nur: 55)

I

DALAM ayat 55 dari An Nur yang saya kutip pada awal makalah ini, Allah menegaskan bahawa manusia akan diangkat menjadi Khalifah-Nya di atas bumi, dengan ketentuan mereka harus menjalankan segala ajaran-Nya, iaitu beriman dan beramal salih.

Waktu Allah memberitahu akan mengangkat Adam menjadi khalifah bumi, para malaikat memperlihatkan kesangsian-

nya, kerana kkuatir kalau-kalau khalifah yang akan diangkat-nya itu akan membuat keonaran di atas bumi:

... Dan ketika Tuhan anda berkata kepada malaikat:
Aku akan mengangkat seorang khalifah di bumi!
Para malaikat memberi pendapat:
Adakah akan Engkau angkat menjadi khalifah
Orang yang akan menimbulkan malapetaka
Dan pertumpahan darah di atas bumi,
Sedangkan kami mengucapkan tasbih,
Memuji dan mencucikan engkau,
Allah menjawab: Aku lebih tahu
Hal-hal yang anda tidak mengetahui.

(Q.S. Al Bawarah: 30)

Setelah Adam diangkat menjadi khalifah, ternyata ada sejumlah naib khalifah yang mengerjakan apa yang dikkuatirkan para malaikat. Kerana itu, waktu Allah mengangkat Nabi Daud menjadi khalifah, dibekali dengan nasihat-nasihat:

... Wahai Daud,
Sungguh, kami mengangkat anda
menjadi khalifah di bumi,
Tegakkan hukum dan kebenaran
Di tengah-tengah umat manusia,
Janganlah anda mengikuti hawa nafsu,
Ia akan menyesatkan anda dari jalan Allah,
Sungguh, untuk orang-orang
Yang menyeleweng dari jalan Allah,
Tersedia azab yang dahsyat,
Kerana mereka melupakan Hari Hisab.

(Q.S. Shaad: 26)

Kerana kejahatan yang diperbuat oleh khalifah Allah dan para naib khalifah, maka banyak generasi yang telah dimusnahkan. Kemudian Allah menggantikan mereka dengan khalifah-khalifah yang lain:

... Sungguh, generasi demi generasi
Telah Kami musnahkan sebelum anda,
Para Rasul datang membawa kebenaran,
Mereka tidak mahu beriman,
Demikianlah balasan yang Kami berikan
Kepada kaum yang berbuat kejahatan.

... Setelah itu,
Anda Kami jadikan khalifah-khalifah
Menggantikan mereka,

Kami akan memperhatikan
Apa yang akan anda kerjakan.
(Q.S. Yunus: 13-14)

Di ayat yang lain, Allah menegaskan bahawa para khalifah yang membangkang ajaran Allah akan merugikan diri sendiri:

... Dialah yang telah mengangkat anda
Menjadi khalifah-khalifah di bumi,
Siapa yang membangkang,
Akibatnya menimpa diri sendiri,
Pembangkangan mereka terhadap Allah
Hanya menambah kutukan,
Pembangkangan mereka terhadap Allah
Hanya menambah kerugian.
(Q.S. Faathir: 39)

Manusia yang akan diangkat menjadi khalifah-khalifah Allah di atas bumi, diciptakan dalam bentuk amat sempurna: sempurna wujud jasmani, sempurna akal budi dan sempurna hati nurani. Tetapi, kalau mereka tidak beriman dan beramal bakti, mereka akan menjadi makhluk yang paling hina:

... Demi tin dan zaitun,
Demi Bukit Sinai,
Dan demi negeri yang damai ini,
Manusia Kami ciptakan lengkap sempurna,
Kemudian Kami kembalikan
Menjadi makhluk yang paling hina,
Kecuali yang beriman dan beramal bakti,
Untuk mereka tersedia pahala tiada terkira,
Kemudian, mengapa anda masih mendustakan
Hari Pembalasan?
Bukankah Allah Hakim Maha Adil?
(Q.S. At Tin: 1-8)

Manusia yang telah mendapat kehormatan menjadi khalifah Allah di atas bumi, diciptakan hanya untuk beribadat kepada Allah semata. Sebagai khalifah Allah, mereka berke-wajipan melaksanakan segala ajaran-Nya, baik yang berupa perintah mahupun yang berbentuk larangan:

... Dan Aku
Tidak menciptakan jin dan manusia,
Kecuali agar mereka mengabdikan kepada-Ku.
(Q.S. Az Zaiyat: 56)

Pengabdian kepada Allah mempunyai pengertian yang luas sekali, iaitu melakukan segala perbuatan yang dapat memberi kebahagiaan, kesejahteraan dan kemakmuran kepada alam semesta. Hal ini ditegaskan waktu Allah menjelaskan, apa yang menjadi tugas Muhammad sebagai Rasul penutup, yang merupakan khalifah daripada segala khalifah Allah:

... Dan Kami
Tidak mengangkat anda,
Menjadi Rasul,
Kecuali menjadi rahmat
Kepada alam semesta.

(Q.S. Al Ambiya: 107)

Kecuali para Rasul yang diangkat menjadi khalifah dari segala khalifah Allah, juga manusia secara umum diangkat menjadi khalifah-khalifah atau naib-naib khalifah dalam lingkungan atau kelompok atau bidang tertentu. Darjat mereka tidak sama:

... Dan Dialah,
Yang telah mengangkat anda
menjadi khalifah-khalifah di bumi,
Dan Dia pulalah yang telah meninggikan
Darjat sebahagian anda dari yang lain,
Untuk mencuba kurnia
Yang telah diberikan kepada anda
Sungguh, Tuhan anda cepat menyeksa,
Sungguh, Dia Maha Pengampun, Maha Penyayang.

(Q.S. Al An'am: 165)

Dari ayat-ayat al-Quran yang telah dikutip, dapat diambil kesimpulan bahawa di antara makhluk-makhluk Allah manusia adalah yang dipercayakan untuk menjadi khalifah-Nya di atas bumi, yang ulasannya sebagai berikut:

1. Manusia diciptakan dalam bentuk yang amat sempurna dibandingkan dengan makhluk-makhluk Allah yang lain. Kerana keamatsempurnaan penciptaannya maka manusia diangkat menjadi khalifah Allah di atas bumi.
2. Sebagai khalifah Allah, maka manusia berkewajipan menjalankan segala ajaran Allah, berkewajipan mengabdikan kepada Allah semata dan berkewajipan memelihara kesejahteraan alam semesta.

3. Apabila para khalifah menderhakai kepada Allah, maka mereka bersama para naib dan pengikutnya akan dimusnahkan, dan akan diganti dengan khalifah yang lain.
4. Para Rasul dan Nabi adalah khalifah daripada segala khalifah Allah, dan Nabi Muhammad adalah khalifah di atas segala khalifah.
5. Kerana manusia yang bukan Rasul tidak diberi kemampuan, keahlian dan kecekapan paripurna (bukan insan kamil), maka dalam kalangan mereka ditetapkan khalifah-khalifah yang banyak, dengan tugas melaksanakan ajaran Allah dalam bidangnya masing-masing, sesuai dengan keahlian dan bakat yang dimilikinya masing-masing.
6. Berdasarkan kenyataan demikian, maka Allah menetapkan khalifah-khalifah-Nya dalam bidang politik, bidang ekonomi, bidang ilmu pengetahuan, bidang sosial budaya, termasuk bidang kesenian dengan segala cabangnya: seni rupa, seni suara, seni bahasa (kesusasteraan), seni tari dan seni drama.
7. Jelaslah bahawa "sasterawan" adalah khalifah Allah dalam bidang seni bahasa atau kesusasteraan, yang mempunyai tanggungjawab dan kewajipan seperti khalifah Allah dalam bidang-bidang yang lain.

II

Untuk mencapai tujuan risalah akhirah, iaitu rahmat kepada alam semesta, maka para khalifah Allah atau para naib khalifah diperintahkan melaksanakan dua ajaran asasi, iaitu menyuruh berbuat makruf dan mencegah perbuatan mungkar.

Ketentuan hukum ini berlaku untuk semua khalifah Allah dalam segala bidang kehidupan masyarakat manusia, bahkan juga dalam bidang kehidupan masyarakat alam semesta. Dalam hal ini, tidak terkecuali para sasterawan:

... Orang-orang Mukmin,
 Baik laki-laki mahupun perempuan,
 Mereka bantu membantu:
 Menyuruh berbuat makruf,
 Mencegah perbuatan mungkar,

Mendirikan syalat,
Menunaikan zakat
taat kepada Allah dan Rasul-Nya
kepada mereka
Allah akan memberi rahmat,
Sungguh, Allah Maha Kuasa,
Maha Bijaksana.

(Q.S. At Taubah: 71)

Dalam menjalankan ajaran Allah, baik pelaksanaan mahupun pelarangan mungkar, para khalifah Allah diperintahkan membentuk kelompok atau organisasi dalam lingkungannya, agar pelaksanaan hukum Allah itu teratur, berencana dan berhasil:

... Perlu ada di antara anda
Satu kekuatan organisasi,
yang tugasnya:
Mengajak ke jalan kebaikan.
Menyuruh berbuat makruf,
mencegah perbuatan mungkar,
Mereka itulah yang berjaya.

(Q.S. Ali Imran: 104)

Para sasterawan sebagai khalifah Allah diharuskan membentuk organisasi dalam lingkungannya, agar gerak langkah mereka dalam melaksanakan amanah Allah berhasil baik, kerana ada dukungan sebuah badan yang merupakan kekuatan.

Allah memperingatkan para khalifah-Nya, bahawa kepada mereka tidak diberi mandat untuk melakukan perbuatan-perbuatan yang di luar ketentuan hukum yang telah ditetapkan. Kalau mereka lakukan juga, kerosakan dan malapetaka akan melanda bumi ini, daratan mahupun lautan:

... Kemusnahan telah berkembang biak.
Di daratan mahupun di lautan.
Hasil usaha tangan manusia.
Agar mereka merasa
Sebahagian hasil perbuatannya,
Semoga mereka kembali
ke arah yang benar

(Q.S. Ar Rum: 41)

Perintah Allah atau seruannya kepada para khalifah-Nya

untuk melakukan amar makruf dan nahi mungkar, adakala bersifat umum, ertinya kepada semua khalifah dalam segala bidang, dan kadang-kadang bersifat khusus, ertinya khusus kepada khalifah dalam satu-satu bidang.

Nasihat Luqman kepada puteranya, dapat dimasukkan dalam kategori yang bersifat umum:

... Wahai puteraku sayang!
Dirikan shalat,
Suruh berbuat makruf,
Cegah perbuatan mungkar,
Sabar menghadapi musibah,
Sungguh, yang demikian
Sebahagian perbuatan yang disuruh.

(Q.S. Luqman: 17)

Ayat yang mensyaratkan: amar makruf, nahi mungkar dan iman bagi tampilnya satu-satu kelompok (termasuk kelompok sasterawan) sebagai umat pilihan, juga perintah yang bersifat umum:

... Anda adalah umat pilihan,
Yang ditampilkan untuk manusia,
(Dengan ketentuan agar anda)
Menyuruh berbuat makruf,
Mencegah perbuatan mungkar,
Beriman dengan Allah.
Andai kata ahli kitab beriman,
Itu lebih baik untuk mereka,
Di antara mereka ada yang beriman,
Dan sebahagian besar tetap fasik.

(Q.S. Ali Imran: 110)

Ayat-ayat tersebut di bawah ini ditujukan kepada para khalifah-Nya dalam kelompok ahli fikir agar mereka mempergunakan akal dan fikiran;

... Dan siapa saja
Yang Kami panjangkan usianya,
Dia Kami kembalikan
Kepada kejadian semula
Apakah mereka
Tidak mempergunakan akal?

(Q.S. Yaasin: 68)

... Kehidupan dunia bukan apa-apa,
Ia hanya canda dan senda,

Kampung akhirat lebih baik
Bagi mereka yang bertakwa,
Adakah anda
Tidak mempergunakan akal?

(Q.S. Al An'am: 32)

... Adakah mereka
Tidak memikirkan diri sendiri,
Allah tidak menciptakan langit,
Bumi dan alam antara keduanya,
Kecuali dengan tatacara yang benar
Dan sampai waktu tertentu,
Sungguh, kebanyakan manusia
mengingkari perjumpaan
Dengan Tuhan mereka.

... Apakah mereka
Tidak mengembara menjelajah bumi,
Untuk memperhatikan bagaimana
Kesudahan orang-orang sebelum mereka,
Yang lebih kuat perkasa,
yang telah mengolah memakmurkan bumi
Lebih dari yang mereka kerjakan;
Para Rasul telah datang,
Membawa kebenaran kepada mereka;
Allah tidak menganiaya mereka,
Hanya mereka yang menganiaya diri sendiri.

(Q.S. Ar Rum: 8-9)

Perintah yang terkandung dalam ayat-ayat di bawah ini
ditujukan kepada para khalifah-Nya yang mengelola pemerin-
tahan, politik, ekonomi dan sosial:

... Sungguh, Allah memerintahkan anda,
Agar menyerahkan amanah kepada ahlinya,
Apabila anda memerintah manusia,
Agar memerintah dengan adil,
Sungguh, Allah mengajar anda
Pelajaran yang paling baik,
Sungguh, Allah
Maha Mendengar,
Maha Melihat.

(Q.S. Al Maidah: 49)

... Kami telah menurunkan kepada anda
kitab yang membawa kebenaran,
Ia membenarkan dan menguji
Kitab-kitab sebelumnya,
Laksanakan hukum untuk mereka,

Sesuai dengan Kitab Allah,
Jangan mengikuti hawa nafsu mereka
Dengan meninggalkan kebenaran,
Untuk semua anda,
Kami beri peraturan dan jalan,
Kalau Allah berkehendak,
Akan menjadikan anda umat,
Tetapi Allah akan menguji anda
Dalam hal kurnia yang telah diberikan,
Kerana itu,
Berlumbalah mengejar kebaikan,
Kepada Allah,
Anda semua akan kembali,
Dan Allah akan menceritakan
Masalah yang anda perselisihkan.

(Q.S. Al Maidah: 47)

Pernyataan yang terkandung dalam ayat-ayat yang berikut ditujukan kepada khalifah Allah yang berperasaan halus, yang dengan ketajaman rasanya dapat menjamah hikmah tersirat dalam ayat-ayat Allah, iaitu para sasterawan:

... Jangan katakan mati
Orang terbunuh di jalan Allah,
Bahkan mereka hidup,
Tetapi, anda tidak merasa.

(Q.S. Al Baqah: 154)

Ayat ini adalah mencela orang yang semata-mata berpegang pada akal, iaitu kaum sekuler yang tidak mempercayai kesanggupan perasaan untuk menyelami rahsia-rahsia alam.

... Tidak ada perhitungan
Terhadap amal perbuatan mereka,
Melainkan di tangan Tuhanku,
Sekiranya anda dapat merasa.

(Q.S. Asy Syu'ara: 103)

Yang dapat merasa hal yang disinggung Allah dalam ayat di atas, iaitu khalifah Allah yang berperasaan halus: para sasterawan.

Para sasterawan bukan sahaja memiliki rasa yang halus, tetapi juga memiliki hati yang bersih dan akal yang jernih, yang dengan demikian mereka dapat merasai dan memahami hikmat ayat-ayat Allah. Dalam ayat-ayat di bawah ini, Allah menamakan mereka Ulul Albab:

... Hukum qishash,
Menjamin kelangsungan hidup anda,
Wahai orang yang berhati bersih,
Semoga anda bertakwa.

(Q.S. Al Bawarah: 179)

... Allah memberi hikmah
Kepada siapa yang dikehendaki-Nya,
Orang yang mendapat hikmah,
Bererti mendapat kebaikan yang banyak,
Yang demikian tidak disedari,
Kecuali oleh orang berhati suci.

(Q.S. Al Baqarah: 269)

... Dia yang menurunkan Kitab untuk anda,
Di antaranya ayat-ayat muhkamat,
Yang merupakan inti al kitab;
Yang lain lagi ayat-ayat mutasyabihat,
Adapun orang yang dalam hatinya penyakit,
Mereka mengambil ayat-ayat mutasyabihat,
Untuk menimbulkan fitnah
Dan bermain-main dengan takwil,
Padahal tidak ada yang mengetahui takwilnya.
Kecuali Allah
Dan orang-orang yang rasikh ilmunya.
Mereka berkata: kami beriman dengannya.
Semuanya dari Tuhan kami;
Hal ini tidak dimengerti
Kecuali oleh orang yang berhati suci.

(Q.S. Ali Imran: 7)

Dari ayat-ayat al-Quranul Karim yang saya kutip dalam bahagian kedua dari makalah ini, dapat diambil kesimpulan berikut:

1. Ada dua tugas asas bagi para khalifah Allah, baik mereka khalifah utama mahupun khalifah dalam bidang-bidang khusus, seperti khalifah dalam bidang "seni budaya", termasuk sasterawan, iaitu amar makruf dan nahi mungkar.
2. Dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan kepada mereka, para khalifah Allah harus bekerjasama. Dan untuk berhasilnya kerjasama itu, kepada mereka dianjurkan membentuk kelompok atau organisasi dalam kalangannya sendiri. Umpamanya para sasterawan membentuk organisasi sasterawan.
3. Dalam al-Quranul Karim kita dapati dua macam seru-

an atau perintah yang ditujukan kepada para khalifah Allah. Pertama ditujukan kepada para khalifah dalam segala bidang kehidupan masyarakat. Seruan yang bersifat umum itu, biasanya berbunyi: Wahai umat manusia atau wahai orang-orang yang beriman dan beramal salih. Adapun yang kedua, iaitu seruan atau perintah yang ditujukan kepada para khalifah dalam bidang khusus. Umpamanya: Apakah anda tidak cekap mempergunakan akal dan fikiran? (Ditujukan kepada ahli fikir/ilmiahwan); Apakah anda tidak merasa atau wahai orang-orang yang berhati lembut! (Ditujukan kepada budayawan, termasuk sasterawan.)

4. Kerana kesalahan para khalifah, iaitu para khalifah yang tidak beriman dan tidak beramal salih, maka berkembang biaklah kejahatan dan malapetaka di dataran dan di lautan, bahkan di angkasa juga. Yang demikian adalah akibat perbuatan tangan manusia sendiri sebagai khalifah Allah, termasuk perbuatan tangan para sasterawan.

III

Para sasterawan sebagai khalifah Allah dalam bidang khusus, terbahagi ke dalam dua kelompok besar, iaitu sasterawan beriman dan beramal salih, dan sasterawan musyrik dan munafik. Kelompok pertama menjadi pengikut Adam dan para Rasul Allah lainnya, sementara kelompok kedua menjadi pengikut iblis/setan, baik iblis/setan dalam bentuk jin mahupun dalam bentuk manusia:

... Ketika Kami berkata kepada para malaikat:
Anda semua harus tunduk kepada Adam,
Mereka pun tunduk, kecuali iblis
Yang angkuh dan membangkang,
Mereka tergolong dalam kelompok kafir.

(Q.S. Al Baqarah: 34)

... Berkata Allah kepada iblis:
Enyallah engkau dari tempat ini,
Di sini tidak pantas
Engkau bersikap angkuh dan bongkak,
Pergi, pergilah!

Sungguh, engkau hina-dina.
Iblis menjawab: Beri aku
Kesempatan sampai hari berbangkit!
Allah menyahut: Baik!
Kepada engkau Ku-beri kesempatan.
Dengan angkuh iblis menjawab:
Engkau, ya Allah, telah menghukum aku
Sebagai makhluk yang sesat,
Kerana itu, aku akan berdaya upaya
Menyelewengkan mereka
Beri jalan lurus yang Engkau garis,
Aku akan menyerang mereka
Dari depan,
Dari belakang,
Dari kanan,
Dan dari kiri,
Akibatnya, kebanyakan mereka
Tidak bersyukur,

(Q.S. Al A'raf: 13-17)

Allah mengusir iblis: Pergilah!
Siapa yang mengikut engkau,
Jahanam akan menjadi tempatnya,
Balasan yang setimpal,
Engkau boleh membujuk mereka
Dengan suaramu,
Engkau boleh mengepung mereka
Dengan pasukan berkuda
Dan pasukan jalan kaki,
Engkau boleh mendaya mereka
Dengan harta
Dan dengan putera;
Berilah kepada mereka
Janjimu yang muluk-muluk!
Sungguh, janji setan palsu,
Setan tidak berdaya mempengaruhi
Hamba-hamba-Ku yang sejati,
Tuhan anda cukup menjadi Pelindung!

(Q.S. Al Isra: 63-65)

Para khalifah yang telah mengkhianati amanah Allah dengan menyediakan diri menjadi budak setan, hati, mata dan telinga mereka tidak lagi berfungsi seperti seharusnya. Hati mereka telah keras membatu, mata mereka telah buta terhadap rahsia-rahsia alam dan telinga mereka telah tuli terhadap panggilan kebenaran. Mereka pada hakikatnya sudah bukan

khalifah Allah lagi, tetapi telah menjadi kuda tunggangan setan:

... Sungguh, banyak sekali jin dan manusia,
Telah Kami lemparkan ke dalam kesengsaraan
Mereka tidak dapat memahami dengan hatinya,
Tidak dapat melihat dengan matanya,
Dan tidak dapat mendengar dengan telinganya,
Mereka sama dengan binatang,
Bahkan lebih sesat lagi
Mereka itulah orang yang alpa.

(Q.S. Al A'raf: 179)

Ancaman setan untuk memperdaya dan menyesatkan manusia sebagai khalifah Allah di bumi, sangat berbahaya. Bukan sedikit sejak permulaan sejarahnya, manusia bertekuk lutut kepada iblis/setan, menyebabkan timbulnya, kejahatan di daratan dan di lautan.

Kerana itu, manusia dianjurkan untuk selalu memohon perlindungan Allah yang menunjuknya menjadi khalifah:

... Katakan:

Aku meminta perlindungan
Tuhan Pencipta manusia,
Maharaja manusia,
Tuhan pujaan manusia,
Dari kejahatan setan di dalam,
Yang beroperasi dalam dada manusia,
ia terdiri dari jin dan manusia.

(Q.S. An Nas: 1-6)

Kalau dalam ayat-ayat di atas (Al Baqarah 34, Al A'raf 13-17 dan Al Isra 63-65), manusia secara umum dibagi dalam dua kelompok: pengikut Adam dan pengikut iblis, maka Surah Asy Syu'ara ayat 224-227 dengan tegas membagi para sasterawan sebagai khalifah Allah dalam bidang seni budaya ke dalam dua kelompok, iaitu sasterawan beriman dan beramal salih, dan sasterawan kafir mahupun munafik:

... Para sasterawan,
Pengikut mereka bandit petualang,
Berdewana dari lembah ke lembah,
Bicara tanpa kerja,

Kecuali sasterawan beriman,
Yang beramal bakti,
Senantiasa ingatkan Ilahi,
Mereka mendapat kesenangan,
Setelah hidup dalam ancaman.

(Q.S. Asy Syu'ara: 224—227)

Menurut ayat-ayat ini, para sasterawan yang pengikut dan pengagumnya terdiri dari bandit-bandit, orang-orang durjana yang telah rosak akhlak, adalah sasterawan yang telah bertekuk lutut kepada iblis dan mereka melawan Allah, sehingga Allah menyuruh Nabi Muhammad untuk memperingati mereka:

... Katakan hai Muhammad:
Tuhanku hanya mengharamkan kemesuman,
yang terang mahupun yang tersembunyi.
Kedurjanaan dan pembangkangan,
Tanpa ada alasan yang benar,
Persekutuan Allah dengan makhluk-Nya,
Pembohongan terhadap Allah
Tanpa ada ilmu.

(Q.S. Al A'raf: 33)

IV

Karya sastera menggambarkan keadaan masyarakat, bahkan yang terutama melukiskan jiwa dan peribadi sasterawan pencipta karya itu sendiri. Dengan membaca karya sastera seorang sasterawan yang menciptanya, kita akan mudah mengenal siapa sasterawan tersebut: apakah dia sasterawan yang beriman dan beramal salih atau sasterawan durjana yang membangkang ajaran-ajaran Allah.

Adapun ciri-ciri karya sastera yang diciptakan oleh sasterawan durjana, baik yang terang-terang membangkang Allah Penciptanya mahupun yang pada lahirnya beriman sedangkan hati dan pekerjaannya melawan kebenaran (istilah Islam sasterawan semacam itu munafik), antara lain:

1. Karya sastera tersebut mendorong pembacanya untuk melakukan kejahatan dan kemungkar: minum arak, judi, zina, rompak dan sebagainya.
2. Karya sastera tersebut bertendens antiagama dan anti-Tuhan, kerana tokoh-tokoh utama di dalamnya terdiri

dari orang-orang yang menganut ajaran ateisme, baik komunisme mahupun sosialisme ekstrim. Tokoh-tokoh utama tersebut dikesankan sebagai orang yang benar dan baik.

3. Karya sastera tersebut bertendens membenarkan yang haram dan mengharamkan yang benar, kerana tokoh-tokoh utama di dalamnya berzina, minum arak, main judi dan sebagainya, sementara mereka mengejek orang yang beribadat dan mereka tidak pernah beribadat, seakan-akan ibadat itu haram. Sasterawan penciptanya mengesankan kepada para pembaca bahawa tokoh-tokoh utamanya itu adalah orang baik-baik.
4. Karya sastera tersebut mendorong lahirnya masyarakat durjana, dengan menampilkan lingkungan hidup yang jahat, di mana orang-orangnya bergelung dosa, dan pengarang penciptanya tidak berusaha untuk mengesankan bahawa lingkungan hidup yang demikian bertentangan dengan ajaran agama, bahkan sebaliknya dia memuja-muja tokoh-tokoh utamanya sebagai pahlawan, pembela manusia dan pejuang kebebasan hidup perseorangan.
5. Karya sastera tersebut memberi hak kepada seorang isteri atau kepada seorang suami untuk berzina dengan laki-laki atau perempuan lain; memberi hak kepada laki-laki dan perempuan yang tidak bernikah untuk hidup sebagai suami isteri. Orang-orang yang demikian dilukiskan sebagai penegak kebenaran, kerana berani melawan hukum yang membatasi kebebasan haiwannya.

Para sasterawan yang karya-karyanya seperti dijelaskan di atas, mereka menganut ajaran: Seni untuk seni atau sastera untuk sastera dan karya sastera tidak boleh mengandungi tendensi apa-apa. Ajaran yang mereka anut pada hakikatnya bohong, kerana karya-karya sastera mereka sebenarnya mengandungi sesuatu tujuan atau tendensi, iaitu mendorong orang melawan kebenaran, melawan Allah dan menganjur lahirnya masyarakat durjana. Ini salah satu ciri-ciri munafik mereka.

Adapun ciri-ciri karya sastera yang diciptakan oleh saste-

rawan beriman dan beramal salih, baik yang sempurna maupun yang kurang sempurna, antara lain iaitu:

1. Karya sastra tersebut mendorong pembacanya untuk melakukan amar makruf dan nahi mungkar.
2. Karya sastra tersebut bertujuan menegakkan ajaran Allah, kerana tokoh-tokoh utama di dalamnya terdiri dari orang-orang yang beriman dan beramal salih. Di samping tokoh-tokoh utama yang baik itu, ditampilkan pula tokoh-tokoh lain yang jahat sebagai lawan dari tokoh-tokoh utamanya, dan tokoh-tokoh lain itu dikesankan sebagai orang durjana sampah masyarakat.
3. Karya sastra tersebut bertendens membenarkan yang benar dan mengharamkan yang haram, kerana tokoh-tokoh utama di dalamnya digambarkan sebagai seorang salih yang keimanannya tangguh; selalu melaksanakan shalat, puasa, membayar zakat, membantu orang-orang melarat, tidak pernah menipu dan tidak pernah berbuat mungkar dalam bentuk apa pun.
4. Karya sastra tersebut mendorong lahirnya masyarakat yang adil dan makmur, yang di dalamnya berlaku hukum dan ajaran Allah. Tokoh-tokoh utama yang bermain di dalamnya digambarkan sebagai pahlawan kemanusiaan, pahlawan kebenaran, pahlawan keimanan, pahlawan demokrasi.
5. Karya sastra tersebut mengesankan bahawa tidak ada hak hidup bagi orang-orang jahat.

Pada sasterawan yang karya-karyanya seperti yang dilukiskan di atas, mereka menganut ajaran bahawa segala sesuatu dari Allah, untuk Allah dan kerana Allah:

... Katakan: Sungguh, Tuhanku
Membimbing aku ke jalan lurus;
Agama yang benar,
Agama Ibrahim yang suci,
Dan Ibrahim bukanlah musyrik.

... Katakan: sesungguhnya
Syalat dan Ibadatku,
Hidup dan matiku,
Untuk Allah,
Tuhan Semesta Alam.

... Tidak ada sekutu baginya,

Demikian aku diperintahkan,
Dan aku Muslim pertama.

... Katakan: Adakah aku akan mencari
Tuhan selain dari Allah,
Sedangkan Dia Tuhan segala-gala,
Tidaklah seseorang berbuat kesalahan,
Melainkan kesalahan itu menimpa dirinya,
Seseorang yang berbuat dosa,
Tidak ikut memikul dosa orang lain,
Kemudian, anda akan kembali
Kepada Tuhan anda,
Nanti akan diceritakan
Masalah yang anda pertengkarkan.

(Q.S. Al An'am: 161-164)

Jelaslah, bahawa sasterawan mukmin yang beramal salih, dia menciptakan karyanya semata-mata untuk Allah, bahagian dari ibadatnya.

Memang terdapat perbezaan pandangan yang sangat mendasar antara sasterawan yang beriman dan beramal salih dan sasterawan petualangan yang melepaskan diri dari ajaran agama, baik terang-terangan (kaum ateis) mahupun sembunyi-sembunyi (kaum munafik). Yang pertama berjalan dengan berpedomankan ajaran Allah, sementara yang kedua berjalan meraba-raba dari lembah kesesatan ke jurang kedurjanaaan.

V

Timbul pertanyaan: adakah alam sasterawan beriman dan beramal salih sempit?

Tidak! Alam mereka luas sekali, seluas ajaran Allah; se-luas alam semesta ini; ia laksana laut yang tiada bertepi.

Sasterawan mukmin dengan amal salihnya, mencari Allah pada bintang-bintang yang berkelip-kelip di waktu malam; pada bulan purnama yang memberi cahaya kepada bumi; pada langit biru dengan awan yang laksana kapas berterbang-an; pada matahari terbit dan matahari terbenam; pada laut luas dengan segala isinya; pada hutan belantara dengan bina-tang dan mergastuanya; pada bunga-bunga di taman ghairah; bahkan juga pada dirinya sendiri.

Dengan karya sasteranya sasterawan mukmin yang ber-amal salihnya dapat menegakkan kebenaran agama Allah.

Ajaran Allah yang mengatur manusia dalam segala bidang hidupnya, dapat menjadi bahan karya sastranya.

Melalui tokoh-tokoh dalam karya sastra atau novelnya, sasterawan yang beriman dan beramal salih dapat menampilkan bagaimana watak seorang pemimpin Islam yang berjuang membela rakyat melarat, melawan penindasan menegakkan demokrasi, membangunkan kemakmuran yang merata, mendirikan rumah sakit, membangunkan lembaga pendidikan dan sebagainya.

Melalui karya sastra atau novelnya, sasterawan yang beriman dan beramal salih dapat membangun masyarakat Islam yang adil dan makmur, di mana di dalamnya orang hidup rukun dan damai, berkasih sayang, tolong-menolong; yang kuasa membantu yang lemah, yang kaya membantu yang miskin, yang pandai mengajar yang bodoh, yang memerintah mengasihi yang diperintah.

Melalui karya sastra atau novelnya, sasterawan yang beriman dan beramal salih dapat mendirikan sebuah rumah-tangga sejahtera, dalam rumahtangga mana suami isteri berkasih-kasih, putera dan puteri mereka hidup dalam suasana yang segar, mendapat pendidikan yang baik dari orang tuanya yang mukmin dan salih.

Kalau akan saya tulis semua, pasti terlalu banyak. Yang sudah jelas, bahawa bagi seorang sasterawan mukmin yang beramal salih bahan untuk karyanya banyak sekali, tidak akan habis-habis, seperti tidak akan kering laut dan tidak akan habis pasir di gurun Saharah.

Untuk mengakhiri makalah ini, saya akan menceritakan bagaimana sasterawan Aceh di zaman Kerajaan Aceh Darussalam telah berhasil menempatkan dirinya sebagai sasterawan yang beriman dan beramal salih.

Karya sastra yang bernama "Hikayat" adalah hasil ciptaan para sasterawan Aceh yang beriman dan beramal salih. Bersama-sama dengan para khalifah Allah dalam bidang politik, ekonomi dan sosial, mereka (sasterawan) sebagai khalifah Allah dalam bidang seni budaya telah berhasil menjadikan Aceh sebagai sebuah Kerajaan Islam yang cukup terkenal di kawasan rantau Asia ini.

Hikayat, iaitu cerita roman yang dicipta dalam bentuk

puisi dan dapat kita namakan novel puisi atau roman bersajak.

Penamaannya dengan "Hikayat", kata-kata yang berasal dari bahasa Arab (yang dalam zaman Kerajaan Aceh Darussalam disebut bahasa Islam), sudah cukup memberi petunjuk bahawa kisah cinta yang terdapat di dalamnya tidak bertentangan dengan ajaran Islam, bahkan pada hakikatnya bertendens mengembangkan ajaran-ajaran Islam.

Sampai sekarang, kita masih dapat menemui cukup banyak naskhah "Hikayat" yang demikian, sebahagian besar masih dalam tulisan tangan huruf Arab (huruf jawi).

Salah satu dari "Hikayat" itu, iaitu *Hikayat Nun Farisi*.

Hikayat Nun Farisi yang mengisahkan sebuah Kerajaan Islam yang adil dan makmur, dengan rajanya yang cinta kepada rakyat dan melaksanakan hukum Islam, baik dalam kehidupan peribadinya mahupun dalam kehidupan kerajaan yang dipimpinya.

Tokoh-tokoh utama yang bermain dalam *Hikayat Nun Farisi* adalah orang-orang taat kepada Allah, sementara tokoh-tokoh lain yang menjadi lawan mereka adalah orang-orang jahat yang membangkang ajaran Allah dan tokoh-tokoh jahat ini kalah dalam pertarungan.

Sebagaimana halnya dengan hikayat-hikayat yang lain, maka *Hikayat Nun Farisi* dikarang dalam bahasa Aceh.

Sebagai contoh, di bawah ini akan saya turunkan sekelumit isi *Hikayat Nun Farisi* itu, iaitu terjemahannya dalam bahasa Indonesia:

Tabiat baik, budinya luhur,
Bumi subur tanaman menjadi,
Sultan Sarah namanya masyhur,
Adil jujur, takwa lagi.

Tersebut nama di dalam kisah,
Syamtalira megah di bawah angkasa,
Negeri aman, rezeki murah,
Laksana berguna cahaya surya.

Erti adil sama timbangan,
Pegang di tangan gagang neraca,
Tiada beza budak belian,
Dengan sultan turunan raja.

Yang berat takkan ringan,
Hukum Quran, sabda Sayidina,
Ijmak kias bulat pakatan,
Benar dan salah tidakkan sama.

Makna takwa rajin ibadat,
Hati tawajuh ingatkan Yang Esa,
Benderang cahaya laksana kilat,
menyinar jauh tanglung pelita.

Lagi berbuat seperti disuruh,
Anggota tujuh jadi pertanda,
Perbuatan mungkar dibuang jauh,
Haram dan makruh suka tiada.

Rakyat dibimbing ke jalan Tuhan,
Laki perempuan, tua dan muda,
Hukum dan adat sama berjalan,
Sopan dan santun budi bahasa.

Yang saya kutip di atas ini adalah sifat-sifat Sultan Sarah, Raja Kerajaan Syamtalira, sebagai tokoh utama *Hikayat Nun Farisi*.

Hikayat Nun Farisi ialah lukisan keadaan Kerajaan Islam Pasai (dalam hikayat disebut Kerajaan Syamtalira) waktu di bawah pemerintahan Sultan Malikus Salih (dalam hikayat disebut Sultan Sarah) yang terkenal amat gagah perkasa, adil dan penegak hukum Allah.

Ada sebuah lagi hikayat yang ingin saya tampilkan dalam makalah ini, iaitu *Hikayat Perang Sabi*, yang dikarang oleh seorang Ulama Besar yang bernama Tengku Syekh Muhammad Pantekulu, sebagai sumbangannya untuk membangkitkan semangat jihad rakyat Aceh melawan Belanda.

Dalam *Hikayat Perang Sabi* mengandungi empat buah cerita Kissah. Salah satu di antaranya iaitu "Kissah Ainulmardliyah", sebuah roman fiksi yang membangkitkan semangat perang rakyat Aceh untuk melawan kafir Belanda.

Seperti halnya *Hikayat Nun Farisi*, *Hikayat Perang Sabi* juga dikarang dalam bentuk puisi, jadi ia adalah novel puisi.

Kisahnyanya terjadi di zaman Nabi. Seorang anak muda yang mulanya penakut, tetapi sewaktu dalam perjalanan menuju medan perang di bawah pimpinan panglima Abdul Wahid, dia bermimpi bertemu dengan Puteri Ainulmardliyah dalam sebuah Taman Firdaus dengan sejumlah dayang-dayang dara

juita. Puncak dari pertemuan anak muda tersebut dengan Puteri Ainulmardliyah, terjadilah percakapan yang amat romantis. Rindu anak muda itu telah meluap-luap, sehingga dia berusaha untuk memeluk Puteri Ainulmardliyah yang amat jelita.

Dengan tangannya yang lembut, sang puteri menolak seraya berkata: adinda hanya berhak dimiliki oleh pemuda yang mati syahid di medan Perang Sabil. Pemuda terkejut dari tidur dan mimpinya, dan kemudian menjadi orang yang sangat berani dalam medan perang, sehingga dia mati syahid, dan badannya disambut bidadari syurga

Di bawah ini akan saya nukilkan sekelumit percakapan antara anak muda dan Puteri Ainulmardliyah waktu bertemu di Taman Firdaus:

Aduhai kakanda kemala hati,
Mujahid sejati kekasih Allah,
Hatiku ghairah mari ke mari,
Adik menanti berhati gelisah.

Ke mari sayang ke atas peraduan,
Bantal tilam emas bersuji,
Silakan mari kakanda tuan,
Cinta bergelut di dalam hati.

Alhamdulillah sampailah hajat,
Wahai daulat kekasih hati,
Mari kakanda padukan hasrat,
Duduk bersanding di atas kerusi.

Aduhai kakanda pahlawanku sayang,
Pahala juang telah tersedia,
Kami ini mempeelai perang,
Rindukan abang kembali pulang.

Aduhai kakanda muda bahagia,
Rahmat berganda Tuhan sedia,
Untuk Mujahid perang yang setia,
Keganti payah masa di dunia.

Hamba ini jodoh tuanku,
Hadiah Allah sah pasti,
Entahlah cacat sifat laku,
baiklah tuanku sidik cari.

Wahai tuanku pahlawan jihad,
Sampaikan hajat kurnia Ilahi,
Malam nanti tidur setempat,
Rindu berhajat di dalam hati.

Wahai kakanda muda rupawan,
Janji lama terbukti kini,
ke mari nanti buka puasa,
Bersama kami di atas takhta.

Anak muda kita menjawab sapa tuan Puteri Ainulmardliyah bukan dengan kata pantun, tetapi dengan perbuatan, ia itu bertindak hendak memeluk dan mencium Tuan Puteri Ainulmardliyah. Waktu itu, dengan tangannya yang lembut laksana kapas Puteri Ainulmardliyah menolak kehendak anak muda kekasihnya itu, seraya berkata:

Aduhai tuan mainan hatiku,
Sabar dahulu kemala negeri,
Sebentar lagi datanglah waktu,
Sekembali abang dari perang suci.

Aduhai sayang pahlawan setia,
Malam nanti sampailah janji,
Sekejap tangguh pinta adinda,
jiwa kakanda belumah suci.

Pinta kakanda makbul sudah,
kembalilah sayang ke medan perang,
Ikhlasikan niat di jalan Allah,
Meninggikan kalimah Tuhan Penyayang.

Anak muda kita yang kemudian menjadi orang yang sangat berani dalam medan perang, mati syahid.

Tentang mati syahidnya *Hikayat Perang Sabi* menceritakan:

Menurut kata Pesuruh Allah,
Tubuh yang roboh berlumuran darah,
Tidak akan terkapar rebah,
Kecuali dalam pangkuan Ainulmardliyah.

Sebelum datang dara rupawan,
Tubuh pahlawan roboh tiada,
Dara senyum menghulur tangan,
Barulah jasad terhantar bahagia.

Dara berlumba menadah tangan,
Jemput junjungan kasih hati,
Dalam pangkuan gadis rupawan,
Nyawa di badan keluar sendiri.

Melayanglah nyawa Alhamdulillah,
Lazat bahagia tidak terkata,

Yang mengetahui hanya Allah,
Betapa mujahid mendapat pahala.

Tentang orang yang syahid dalam Perang Sabil, *Hikayat Perang Sabil* melukiskan sebagai tidak pernah mati, tetapi hidup abadi. Hal ini berdasarkan ayat-ayat al-Quran (Al-Baqarah 154, Ali Imran 157 dan 169-170):

Jangan katakan mati,
Mujahid yang tewas di medan perang,
Mereka hidup bahagia,
Bermandikan rahmat Tuhan.

Jangan dianggap mati,
Meski nyatanya demikian,
Jangan ragukan kekasih hati,
Ada firman Tuhan.

Jangan sebutkan mati,
Meski nyawa sudah tiada,
Di sisi Ilahi dia abadi,
Senantiasa bersuka ria.

Kisah Ainulmardiyah dalam *Hikayat Perang Sabil* disudahi dengan pantun yang berbunyi:

Sampailah janji puteri rupawan,
Buka puasa bersama kakanda,
Alhamdulillah cinta berlimpahan,
Muda pahlawan sampailah pinta.

Putih-putih bunga cempaka,
Putih berseri bunga melati,
Dalam syurga dara jelita,
menanti suami dari perang suci.

Merah-merah bunga rihan,
turun hujan gugur ke bumi,
Dalam syurga puteri rupawan,
Rindu mendamba suami kembali.

Dengan mengutip beberapa bahagian kisah Ainulmardiyah dalam *Hikayat Perang Sabil*, maka makalah yang berjudul: "Sasterawan Sebagai Khalifah Allah" saya akhiri, seraya memohon berkat dari Allah.

Banda Aceh, akhir November 1981

SASTERA DAN AGAMA: SATU ULASAN

MUHAMMAD 'UTHMAN EL-MUHAMMADY

Bismillahir-Rahmanir-Rahim
Nahmaduhu wa nusalli 'alâ Rasûlihîl-Karim

(Tuhan) Yang Maha Pemurah
Yang telah mengajarkan al-Quran.
Menciptakan manusia. Mengajarkannya
pandai berbicara (al-bayan).

(Q.S. Ar-Rahman, 1 - 4)

Dari Ubayy bin Ka'b (r.a.)
bahawasanya nabi (s.a.w.) bersabda:
Sesungguhnya di dalam sajak (shi'r)
itu ada hikmah.

(Tafsir Al-Khazin, III. 400)

DALAM masa umat Islam sedang menghadapi zaman yang penuh dengan fitnah akhir zaman, dalam masanya ia sedang berusaha untuk kembali kepada keperibadian Islam yang sebenarnya, maka usaha hendak kembali kepada ciri-ciri penulisan Islam yang dikehendaki itu adalah merupakan sesuatu yang sangat dikehendaki pula. Maka dalam hubungan yang seperti ini kita mengalu-alukan pemikiran yang diterakan oleh Bapak A. Hasjmy yang kita muliakan, dalam risalahnya "Sastera dan Agama" dan juga kertas kerjanya "Sasterawan Sebagai Khalifah Allah". Risalahnya yang mengaitkan sastera dengan agama dan wahyu serta juga yang mengaitkan sastera dan persajakan dengan hikmah kebijaksanaan menarik per-

hatian kita, oleh kerana — antara lain-lainnya — ini adalah sesuatu yang jelas dalam ajaran Islam sebagaimana yang terkandung dalam potongan ayat Quran dan hadis yang menjadi *motto* bagi kita dalam diskusi ini. Oleh itu dalam apa yang berikutnya insya-Allah — akan diikuti perbahasan-perbahasan dan ulasan-ulasan beliau yang mulia itu dan dalam itu akan disusuli di mana mungkin, dengan sedikit sebanyak komen-komen atau sokongan-sokongan daripada saya, walaupun saya bukan ahlinya dalam bidang ini. Ini semua kita lakukan dalam roh muzakarah yang dianjurkan oleh agama Islam kita yang maha suci. Selain daripada komen-komen atau sokongan-sokongan ke atas risalah tersebut dan kertas kerjanya, akan disentuh juga di dalam nota ini — walaupun bukan secara terperinci — ciri-ciri tertentu penulisan kreatif Islam yang selain daripada bidang persajakan. Moga-moga ini mendatangkan manfaat yang sebenarnya bagi semua pihak yang berkenaan.

* * *

Di dalam menghuraikan persoalan sastera dan agama di dalam risalahnya, Bapak A. Hasjmy membahagikan perbahasan-perbahasannya ke dalam enam bahagian. Dalam bahagian pertama beliau membincangkan masalah pandangan hidup atau tanggapan tentang alam dan kehidupan mengikut Islam (*Islamic world-view*) dalam hubungan dengan taraf insan dan kedudukannya berhubungan dengan agama, Tuhannya dan alam sekitarnya. Ini adalah masalah pokok, kerana semua perkara-perkara lain berhubungan dengan hayat insan pasti bertolak dari sini. Beliau menegaskan bahawa insan, yang terdiri daripada unsur-unsur rohani dan jasmani, dalam kejadian dirinya mempunyai kesempurnaan pada taraf keinsannya. Ini didasarkan kepada kenyataan-kenyataan al-Quran dalam Surah at-Tin, yang sarat dengan makna-makna: yang mendalam dan tinggi berhubungan dengan persoalan ini. Dari sini beliau maju setapak lagi dengan menegaskan pula bahawa insan yang dijadikan sedemikian sempurna adalah ditugaskan untuk mentadbirkan hidupnya, bahkan ia ditugaskan untuk mengabdikan diri kepada pencipta-Nya (*ibâdah*) — berdasarkan ayat dalam Surah al-Dhari yang mesejnya dipuisikan oleh beliau. Dalam rangka mengabdikan dirinya kepada Tuhannya

ia dikehendaki supaya melakukan *ihsan* atau kebaikan kepada sesama makhluk.

Beliau juga menyentuh kejadian insan yang dilihat dari segi antropologi rohaniahnya dalam Islam, adalah dibekalkan dengan hakikat dirinya yang semula jadi yang dipanggil *al-fitrah*, iaitu kejadian asal insan yang sedemikian rupa kejadiannya itu sehingga ia berkehendak kepada agama dengan cara yang mutlak. Boleh dikatakan dari segi yang dimaksudkan di sini bahawa insan tanpa agama adalah bukan insan lagi. Tegasnya bahawa agama adalah hal yang sehati dengan zat insaniah itu sendiri – hal mana yang tidak mampu dihuraikan oleh antropologi fizikal; ini hanya boleh dimengerti dengan sebenarnya dalam suluhan cahaya ajaran rohaniyah dan metafizik Islam dan psikologi rohaniahnya yang kaya itu.

Di sini kita teringat kepada kalimat *al-uns* yang dikatakan punca asal kalimat insan itu sendiri. *Al-uns* ialah kejinakan atau kemesraan, maksudnya insan dalam asal kejadiannya adalah jinak dan mesra dengan Allah, keadaan yang dalam bahasa Farsi disebutkan sebagai sesuatu yang terhubung dengan *asrâr-i-alast* (iaitu rahsia dalam janji asal antara bani Adam dan pencipta-Nya dalam alam malakut). Insan dijadikan untuk bermesra dengan Tuhannya melalui hidupnya yang dilaksanakan mengikut ajaran agama. Kalau ia tidak mencapai kemesraan itu maka ia meluputkan hakikat kejadian dirinya sendiri. Di sini kita lihat bagaimana insan dengan bawaan fitrahnya dari penciptaan Ilahi bertemu dan menjadi serasi dengan agama ciptaan Ilahi pula. Pertemuan kedua-duanya adalah merupakan puncak kesempurnaan hidup insan dan turunnya hujan rahmat dalam alam ini.

Sepatutnya 'tradisi' dalam pengertiannya yang universal – di sini kita ingin menekankan lagi apa yang disebutkan oleh Bapak A. Hasjmy; dan kita berharap beliau boleh bersetuju dengan kita – memungkinkan peradaban manusia di dunia memanifestasikan fitrah yang sihat sejak Adam (*a.s*), serta makrifat atau pengenalan yang benar terhadap Allah. Dan 'tradisi' yang dimaksudkan universal ini ialah bawaan, cara hidup serta peradaban yang berpandukan kepada ajaran Ilahi dan wahyu dari alam tinggi serta dengan pimpinan *nubuwwah* dalam zaman-zaman yang berkenaan. Sudah tentu 'tradisi'

dalam pengertian ini menjadi berlainan sekali dengan kalimat tradisi yang dilancarkan dalam media massa dan di kalangan golongan-golongan tertentu. Sayangnya, banyak masanya peradaban manusia tidak memanifestasikan fitrah Adamiah yang sihat itu oleh kerana timbul bermacam-macam penyelewengan dalam kehidupan manusia dalam bidang-bidangnya – tidak kurang pula bidang kesenian dan persuratan. Dan sayang pula banyak waktunya dalam tamadun manusia bilamana makrifat atau pengenalan terhadap Allah terlindung kecemerlangan mataharinya oleh kerana gerhana kejahilan rohaniah dan kepalsuan ilmu dan tanggapan alam yang terputus hubungannya daripada Tuhan. Hanya penjelmaan amal-an rohaniah dalam hidup yang terpancar dari kejadian insan sendiri yang menimbulkan insan yang sempurna dan yang menjamin kebahagiaan yang sebenarnya. Kemajuan jasad sahaja menimbulkan malapetaka. Inilah intisari pemikiran Bapak A. Hasjmy dalam bahagian ini.

Pendirian Bapak A. Hasjmy dalam bahagian ini nampaknya sejajar dengan apa yang dinyatakan dalam punca-punca tradisi Islamiah yang semesta itu, dan tidak ada apa-apa komen yang diperlukan. Hanya mungkin sebagai sokongan terhadap apa yang dihuraikan olehnya itu dengan cara yang terang dan menarik, boleh kita kemukakan semula konsep asasi itu mengikut huraian seorang daripada ulama dan hukama Islam – *rahmatullah 'alaihim ajma'in* – yang merupakan intelektual Islam *par excellence* – iaitu Imam al-Ghazzali (*r.a.*), terutama dalam kitab *al-Ihya Ulumiddin*.

Beliau menyatakan bahawa insan dijadikan dalam “rupa Tuhan”, berdasarkan kepada hadis Bukhari: *Innallaha khallaqa Adama 'ala Suratih*: “Sesungguhnya Allah menjadikan Adam di dalam rupa-Nya.” Yang dimaksudkan “surah” atau rupa itu bukanlah rupa lahir, bahkan sifat-sifat hatinya yang mempunyai susunannya yang tersendiri: seperti sifat-sifat hidupnya insan, ilmunya, kekuasaannya, kehendaknya, pendengarannya, dan sifat berkata-kata padanya. Inilah yang dikatakan “surah”-Nya itu. Inilah pentafsiran Imam al-Ghazzali (*r.a.*) dan Imam as-Sanadi (*r.a.*) yang mentafsirkan hadis ini. Sifat-sifat insan yang sempurna membayangkan sifat-sifat Allah Yang Maha Sempurna. Ini sudah tentu disebut dengan mengingati sifat *mukhalafatuhu Taala lil-hawadith* sebagai-

mana yang diajarkan di kalangan ulama usuluddin itu. Selepas menegaskan ini, Imam al-Ghazzali (*r.a.*) menegaskan pula bahawa manusia hendaklah berusaha supaya ia meniru akhlak-akhlak Allah; ini adalah berdasarkan kepada hadis: *Takhallaqu bi akhlaqi Llah*: Berakhlaklah kamu dengan akhlak-akhlak Allah. (Disebut juga hadis ini oleh Imam Fakhru'R-Razi (*r.a.*) dalam *Kitab An-Nafs war-Ruh*). Insan dalam kejadian asalnya ada mempunyai keserasian dengan Allah, dan di dalam hidupnya dia dijempit untuk meniru sifat-sifat Allah, supaya ia menjadi insan yang sempurna. Ia dikehendaki supaya berilmu, hidup, adil, berkehendak, dan sebagainya dengan cara yang sehabis-habis sempurna. Dengan jalan itu timbullah peribadi-peribadi yang sempurna; dengan jalan ini maka insan menjadi sebagai khalifah Tuhan di bumi. Tidak ada makhluk lain yang mempunyai sifat-sifat asasi yang sedemikian sempurna sebagai insan.

Insan adalah puncak piramid alam semesta ini, dan makhluk-makhluk lain adalah bahagian-bahagian di bawah piramid itu yang memberi bantuan kepada pembinaan keseluruhannya dan yang menjamin kedudukan puncak itu pada puncaknya. Insan diseru supaya berilmu, dengan setinggi-tingginya, kerana ia sepatutnya "meniru" Allah; ia diseru supaya bersifat adil oleh kerana sifat itu adalah satu daripada sifat-sifat Allah; ia diseru supaya bersifat dengan sifat pemurah oleh itu adalah satu daripada sifat-sifat Allah; ia juga diseru supaya menggunakan percakapannya – dan juga tulisannya, yang merupakan pancaran daripada akal dan percakapannya – dengan secara yang setinggi-tingginya dan sesuci-sucinya berdasarkan kepada ajaran agama dan 'tradisi' yang sebenarnya. Dengan itu ia semakin rapat dengan Tuhannya, bukan rapat dari segi tempat, tetapi rapat dari segi sifat-sifatnya.

Bertolak dari sini jelas insan dan agama adalah dua kembar yang tidak boleh dipisah-pisahkan – oleh kerana agama (*ad-din*) adalah jalan yang dengannya insan mencapai martabat keinsanannya yang sebenarnya. Melalui agama ia mengenal siapakah dirinya yang sebenarnya. Dan dalam kata-kata ringkas, sastera yang dikehendaki adalah sastera yang mencerminkan keadaan hidup dan nilai-nilai yang memupuk diri insan ke arah pembentukan diri yang sempurna itu. Oleh itu dengan senang sekali kita boleh melihat bagaimana tepatnya kata-

kata Iqbal (r.a.) dalam buku *The Reconstruction of Religious Thought in Islam* (hlm. 2): "Religion is neither mere thought, nor mere feeling, nor mere action; it is an expression of the whole man: (Agama) bukan hanya pemikiran semata, bukan juga perasaan semata, dan bukan juga perbuatan semata; ia adalah pengalihan seluruh diri insan."

Bila difahami kedudukan insan yang hakiki dan tuntutan agama ke atas dirinya, demi mencapai kedudukan dirinya yang sebenarnya, dan bila difahamkan pula kesusasteraan dalam hubungan ini semua, jelas kepada kita bahawa sastera timbul sebagai sesuatu yang suci, yang sakral, yang rabbani, bukan terkeluar daripada takrif kesucian dan kesakralan. Bagaimana lagi ia akan terkeluar daripada orbit kesakralan dan kedudukan bila ia lahir dari akal rasa dan kecekapan insan yang pasti terbentuk setinggi-tingginya oleh agama yang dihayatinya?

* * *

Dalam bahagian ke-II risalahnya, Bapak A. Hasjmy memberi huraian-huraian dan pembuktian bagaimana agama *fitriah* daripada Allah menemui fitrah insaniah dengan sebaik-baiknya sehingga dengan itu maka terlaksana keperluan-keperluan asasi insan dilihat dari tiga segi, yang disebutkan olehnya sebagai segi-segi keperluan hidup jasmani, rohani, dan sosial. Agama dalam bidang akhlaknya memenuhi keperluan rohaniah manusia; dan mungkin boleh diingatkan juga bahawa ajaran-ajaran Islam tentang amalan-amalan rohaniah juga merupakan hal-hal yang memenuhi hajat rohaniah manusia. Disebutkan juga oleh beliau bahawa ajaran dalam syariat Islamiah memberikan kepada manusia aturan hidup yang menunaikan hajat-hajat mereka dalam bidang kebendaan dan sosial. Mungkin dalam hubungan dengan hal yang seperti ini kita boleh merujuk kembali kepada kenyataan-kenyataan yang kita sudah sebutkan dalam hubungan dengan bahagian pertama risalah beliau ini.

Dalam bahagian ini ada satu dua perkara yang menarik hati kita dalam meneliti huraian Bapak A. Hasjmy. Antaranya ialah konsepnya tentang khalifah Allah di muka bumi yang disebutkan tugasnya ialah untuk "mengolah bumi dengan

segala isinya, sehingga hasil pengolahannya dapat memenuhi hajat-hajat jasmani, hajat hidup rohani, dan hajat hidup ijtima'inya. Mungkin kata-kata ini boleh ditafsirkan oleh mereka yang mempunyai kecenderungan yang tersendiri dengan berbagai kemungkinan. Tetapi kita tidak syak lagi bahawa Bapak A. Hasjmy berdiri di dalam tradisi Islamiah yang melihat konsep "khalifah Tuhan di muka bumi" sebagaimana yang dihuraikan oleh para mufassirin dan hukama Islam (*rahmatullahi'alaihim*) yang mempunyai autoriti universal itu. Mak-sudnya dalam menghuraikan khalifah Tuhan di muka bumi bukannya menjadi perkara pokok rujukan dibuat kepada kegiatan kemajuan kebendaan semata-mata; bahkan yang mula-mula sekali ialah pelaksanaan hukum Ilahi di muka bumi dengan segala aturan-aturannya, sebagaimana yang sudah pun terbayang dalam huraian Bapak A. Hasjmy dalam menunjukkan kepentingan hukum Syariat dalam hidup. Dalam pengertian yang universal, Bapak A. Hasjmy bersetuju bila dinyatakan bahawa konsep khalifah yang dimaksudkan itu adalah lebih merujuk kepada hakikat insaniah dengan sifat-sifat asasinya yang dijadikan oleh Allah "ala suratih" sebagaimana yang dihuraikan oleh Imam al-Ghazzali (*r.a.*), ibn 'Arabi (*r.a.*), dan Imam as-Danadi (*r.a.*). Konsep yang sedemikian ini juga dibentuk dengan cara yang menarik oleh Allamah Iqbal (*r.a.*), penyair Islam moden tanpa tara itu. Penyair 'moden' disebut bukan dengan pengertian bahawa aliran Iqbal adalah moden tetapi dengan pengertian ia timbul dalam zaman berkembangnya kebudayaan moden sekarang ini:

Satu perkara lagi yang menarik perhatian kita tentang konsep khalifah Tuhan di muka bumi ialah sebagaimana yang disebutkan oleh Bapak A. Hasjmy bahawa usahanya ialah menjelmakan "seni budaya" yang diberikan contoh seperti seni rupa, seni tari, seni suara, seni drama, atau seni bahasa. Seni bahasalah yang diperbincangkan dalam kalangan kita sekarang ini. Yang menimbulkan masalah ialah bagaimana seni halus yang di atas itu dikurungkan dengan tidak ada kualifikasi lagi. Mungkin hal ini kita boleh tundakan kemudian bila kita berbicara berkenaan dengan fatwa yang diberikan oleh para ulama Aceh dalam bahagian yang terkemudian dalam risalah beliau itu. Insya-Allah.

Sanjungan Bapak A. Hasjmy terhadap sastera sufiah ada-

lah disepakati oleh saya sendiri, oleh kerana dalam keseluruhan tamadun Islam ia merupakan sastera yang terkaya dan terindah dilihat dari segi norma-norma akhlah, rohaniah estetika dan keberkatan yang efektif. Inilah sastera suci atau sastera mukadas dalam pengertian yang setepatnya. Dan bila Bapak A. Hasjmy menyebutkan nama Hamzah al-Fansuri (*rahmatullahi'alaih*) yang datang dari negeri Sumatera, negeri tempat Bapak A. Hasjmy sendiri, maka izinkanlah saya menyatakan bahawa sesungguhnya Hamzah al-Fansuri (*r.a.*) adalah penyair Islam tanpa tara dalam bahasa Melayu di alam Melayu ini, sampai sekarang. Kita masih menanti-nantikan timbulnya Hamzah al-Fansuri yang benar-benar hidup dalam alam rohaniah dan akhlah Islam yang sedemikian menyegarkan itu.

Bahagian ke-III dan ke-IV boleh dianggap sebagai sumbangan Bapak A. Hasjmy yang bernilai dalam hubungan dengan pemecahan persoalan ciri-ciri sasterawan yang dikehendaki oleh Islam dan sasterawan 'jahiliah' dengan merujuk kepada ayat-ayat akhir dalam Surah Asy Syu'ara dan juga dengan berpandukan kepada tafsir-tafsir yang mempunyai autoriti dalam bidangnya, iaitu terutama sekali tafsir al-Syaukani al-Yamani (*r.a.*), tafsir oleh Jamalud-Din al-Qasimi (*r.a.*) yang terkenal itu; beliau tambahkan juga huraian-huraiannya dengan menyebut pengarang-pengarang zaman moden seperti Sayid Qutb dan Tantawi al-Jauhari. Huraian-huraiannya yang berpaksikan kandungan akhir Surah Asy Syu'ara itu boleh disimpulkan sebagai berikut:

1. Para penyair yang tidak diingini, yang diikuti oleh mereka yang sesat itu, adalah mereka yang menyeleweng daripada kebenaran; mereka yang mengkhayal-khayalkan impian nikmat yang palsu, yang diikuti oleh mereka yang sesat tanpa mendapat petunjuk; golongan yang mendapat punca 'ilham' taraf rendah yang merupakan waswas sebagaimana yang berlaku kepada golongan tukang-tukang tenung jahiliah; mereka yang mengeluarkan kedustaan dan kata-kata palsu yang merosakkan nama baik manusia.
2. Para sasterawan yang tidak diingini itu mengembara lembah demi lembah, yakni mengembara dalam lembah-lembah khayalan yang kotor dan negatif (berbeza

daripada alam khayal yang murni dan positif. Khayal yang dihubungkan dengan ibn 'Arabi (*r.a.*) dalam tulisan Henri Corbin); mereka mengikut berbagai aliran yang tidak tetap; mereka mencaci dan memaki yang bukan-bukan; memuja dan memuji yang bukan-bukan; kadang-kadang mereka membela kebatilan dan menentang kebenaran demikian seterusnya.

3. Penyair atau sasterawan yang tidak dikehendaki itu tidak melakukan apa yang mereka katakan. Mereka memberikan gambaran seolah-olah mereka melaksanakan keutamaan dan kebaikan walhal sebenarnya mereka kosong daripada semuanya itu; kadang-kadang mereka menyatakan bahawa mereka melakukan perbuatan-perbuatan serong terhadap wanita-wanita mulia walhal itu dusta semata-mata; ertinya apa yang diucapkan mereka adalah kedustaan semata-mata; dan para pengikut mereka bukanlah terdiri daripada mereka yang mendapat hidayat sebenarnya.
4. Pengecualian dibuat untuk mereka yang beriman, beramal salih, yang banyak mengamalkan *dzikrillah*, dan yang mencapai kemenangan setelah menderita penzaliman dan penindasan. Termasuk ke dalam golongan mereka ini: para sasterawan yang membela nabi dan Islam, baik pada zamannya dan juga zaman kemudian; yang beriman dan melakukan kebajikan; yang membela kebenaran dan menyerang kebatilan dan bidaah yang menyesatkan; yang melakukan amar makruf dan nahi munkar; termasuk ke dalam golongan mereka ini ialah Hassan bin Thabit (*r.a.*) yang mendapat kekuatan daripada Roh al-Qudus dalam gubahan-gubahannya.
5. Bapak A. Hasjmy mengakhiri bahagian ini dalam risalahnya dengan kenyataan yang jelas berkenaan dengan sastera Islam, katanya: "Dapatlah disimpulkan bahawa 'kesusasteraan Islam' iaitu kesusasteraan yang memancar dari jiwa sasterawan muslim yang beriman dan beramal salih, atau dengan *ustub* (atau *stail* – penulis) yang lain: karya sastera yang merupakan manifestasi atau pancaran keimanan dan amal

salih dari sasterawan itu adalah kesusasteraan Islam.”
Kita boleh sepakati beliau dalam kenyataan itu.

Untuk memberi sokongan kepada pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh Bapak A. Hasjmy, maka eloklah disebutkan kembali pada kesempatan ini apa yang kita kemukakan setahun dua dahulu, walaupun secara yang tidak terperinci:

“ ... bolehlah disebutkan mula-mulanya bahawa kesusasteraan Islam adalah berasal dari suara tradisional dalam alam tamadun Islam yang juga (bersifat) tradisional, iaitu suara yang melafazkan kebenaran (*haqā'iq*) dari tamadun Islam itu sendiri. Apa yang mulanya berbentuk suara lahir dan suara yang batin (yakni suara lahir adalah dari suara percakapan biasa, dan suara yang batin adalah 'suara' dari tafakur atau pengalaman *musyahadah*) kemudiannya dicatatkan sehingga timbul persuratan. Dari segi zatnya sebagai suara, maka bolehlah dikatakan bahawa suara kesusasteraan tradisional Islam adalah suara merdu yang mengalun dalam alam yang dibatasi oleh dua alam sunyi sepi. Sunyi pertama adalah sunyi *'adam* atau ketiadaan wujud dari segi zahirnya, dan sunyi yang kedua adalah kesunyian *fana* yang di dalamnya hilang sirna segala. Dari alam kesunyian inilah mengalunnya suara kesusasteraan Islam buat sementara waktu setakat yang diizinkan oleh Allah, untuk memainkan perannya yang ditakdirkan di dalam perjalanan peradaban manusia, yang kemudiannya ia bertaut kembali dalam pangkuan alam kesunyian tempat asalnya ia datang. Itulah suaranya yang mengajak insan kepada hakikat sediakala, baik yang didapati dari syair-syairnya yang tercetus daripada mulut Rasulullah (*s.a.w.*) atau kata-katanya dari mulutnya yang mulia, termasuk doa-doa yang sarat dengan pengertian dan hakikat, yang sangat fasih serta indah, juga syair-syair Hassan bin Thabit (*r.a.*) Ibn' Arabi (*r.a.*), Jalalud-Din Rumi (*r.a.*), Jami (*r.a.*) dan Ibn al-Farid (*r.a.*) antara lain-lainnya; ataupun apa yang didapati dari hasil peribadi-peribadi seperti Imam al-Ghazzali (*r.a.*), 'Ainul-Qudhat al-Hamadhani (*r.a.*), dan Ibn Sina (*r.a.*) dan lainnya, sampailah kepada apa yang didapati dari suara Muhammad Iqbal dari Pakistan (*r.a.*) pada zaman moden. Suara inilah yang kedengaran dalam alam tradisional Islam dengan aluan kemerduannya, dengan mesej dan citanya serta tarikan *barakahnya* sebagai-

mana yang disaksikan oleh mereka yang mempunyai kewibawaan dalam pengertian yang sebenarnya.”

Dalam menghuraikan ciri-ciri sastera Islam tradisional, kita menghuraikan juga konsep ‘tradisi’ itu sendiri dengan berdasarkan kepada peristilahan yang ketat dalam ‘*Traditional Studies*’. Ia memaksudkan keseluruhan cara hidup yang berfikir serta nilai-nilai, dan juga institusi-institusi yang terbentuk dari pengaruh wahyu daripada alam tinggi disertai dengan pimpinan *nubuwwah*. Dengan itu maka pengertian yang popular itu diketepikan. Bila difahamkan konsep tradisi yang tepat itu maka bolehlah kita fahamkan dengan tepat pula mengapa kita katakan bahawa sastera Islam adalah sastera tradisional dalam pengertian sebenarnya.

Untuk meneruskan sokongan kita terhadap huraian Bapak A. Hasjmy, izinkanlah saya mengutip lagi apa yang kita telah suarakan sebelum ini, iaitu:

“Bila kita sampai kepada masalah memahami ciri-ciri kesusasteraan dan persuratan Islam tradisional, maka mungkin yang seawal-awalnya boleh dikatakan ialah: bahawa kesusasteraan Islam itu adalah apa yang lahir dari *kalam* atau perdakapan insan tradisional dalam peradaban Islam. Kalam insan dalam Islam – dan oleh itu suaranya – adalah merupakan alat untuk merealisasikan kebenaran, dan juga untuk menyebut kebenaran serta juga untuk menyebarkan apa yang benar dalam hidup manusia. Dengan jalan yang demikian maka percakapan yang diiktiraf ialah apa yang boleh dipanggil sebagai *sacred speech* atau percakapan suci. *Profane speech* atau percakapan yang tidak kudus atau suci tidak diiktiraf kedudukannya dalam peradaban Islam. Selain daripada itu boleh diingatkan bahawa percakapan manusia, dan oleh itu suaranya, tidak banyak hubungannya dengan bentuk-bentuk dalam alam material, ataupun zat-zat benda, kalau dibandingkan dengan kehidupan tradisional yang lain, umpamanya seni bina, seni ukir ataupun seni khat. Suara manusia ada mempunyai hubungan yang lebih langsung dengan alam yang terdiri daripada zat-zat rohaniah (*al-mujarradât*). Oleh kerana ini maka *hukuma* dan *urafa* dalam peradaban Islam ada menggunakan syair-syair dengan secara langsung untuk menjayakan hidup rohaniah mereka, antaranya sebagaimana yang jelas dalam majlis *as-samâ’* sebagaimana yang disebutkan

oleh al-Hujwiri dan Imam al-Ghazzali (*r.a.*) antara lainnya.”

Kesusasteraan Islam tradisional adalah asalnya, suara yang mengalun keluar dari alam kesenyapan yang kudus dan tinggi, melalui saluran alam *anfus*, yang merupakan ayat-ayat Tuhan, sebagaimana yang ditegaskan dalam al-Quran dalam ayat yang bermaksud: “Dan di dalam diri kamu apakah kamu tidak melihat (ayat-ayat Allah)”. Antara iktibar yang diisyaratkan di dalamnya ialah bagaimana dalam pengalaman rohaniah manusia, yakni dalam alam diri atau *anfus* mereka, yang berbeza pula dari alam *afaq*, “alam kaki langit” yang dimengertikan juga sebagai melambangkan alam tabii — ada terdapat ayat-ayat Allah, yang kemudiannya melimpah keluar ke dalam alam persuratan dan kesusasteraan Islam yang tulen. Dengan ini terlihat perhubungan yang integral (yang tidak boleh dipisah-pisahkan) antara alam *anfus*, ayat-ayat Allah, dan kesusasteraan Islam yang sebenarnya.

Kesusasteraan Islam adalah termasuk ke dalam seni suci atau *sacred art* dengan syarat-syaratnya yang tersendiri. Ia dianggap *sacred art* bukan sangat oleh kerana tema-temanya adalah tema suci, seperti tentang Allah dan kebesaran-Nya, tentang wahyu dan alam semesta sebagai pancaran dari Jalal dan Jamal Allah, atau tajuk-tajuk yang lain yang sejenis dengannya, bahkan oleh kerana *level of inspiration* atau taraf inspirasi suci yang menyalurkannya datang atau turun dari alam yang tinggi dan murni masuk ke alam rupa, warna dan lagu yang nyata ini. (Tentang taraf-taraf inspirasi ini boleh difahami dengan nyata bila diketahui apa yang dipanggil dalam tasawuf *asrâr al-khawâtir*). Keadaannya adalah, sebagai bandingannya, seperti al-Quran al-Karim. Al-Quran adalah kitab suci bukan kerana tema di dalamnya, bahkan kasih sayang manusia, atau hukum orang yang berzina pun ada di dalamnya, dan ini semua tidak mengurangkan kesuciannya sebagai kitab suci, bahkan ia menjadi kitab suci oleh kerana salurannya adalah wahyu dan ia adalah kalam Allah, bukan kalam makhluk. Selain daripada pertimbangan yang *central* ini, kesusasteraan menjadi *sacred art* oleh kerana pertimbangan yang sekunder, seperti tema-temanya yang tradisional, lambang-lambanganya dan juga bahasanya.

Seni suci sebagai yang terzahir dalam kesusasteraan Islam terhubung dengan kebenaran dengan secara yang integral,

dan dengan hubungannya dengan kebenaran yang sediakala itu, maka dapat dicapai pemahaman yang sebenarnya terhadap kesusasteraan Islam; dan dalam konteks ini sahaja baru dapat dilihat keaslian baru yang dihalalkan dilihat dari segi rohaniah. Keaslian-keaslian yang lain timbul atas dasar-dasar yang lain tidak diakui dalam peradaban Islam. Pembaharuan yang timbul di atas dasar yang sah adalah berdasarkan kepada inspirasi yang sebenarnya, dan bukan sesuatu yang timbul tanpa alasan-alasan yang tidak berautoriti. Persuratan atau kesusasteraan yang "mencari-cari" adalah kesusasteraan yang palsu. (Apalah yang dicari-cari walhal bendanya sudah ada? Dan mengapa dicari-cari pada tempat yang bukan-bukan yang tidak menentu walhal bendanya sudah ada tersedia dalam 'tradisi' sendiri?)

Dalam kesusasteraan Islam tulen, unsur intuisinya – iaitu sesuatu yang menghubungkan alam natural dengan alam yang *supernaturalnya* – menimbulkan gelombang-gelombang reaksi dalam jiwa mereka yang berkenaan, dan ini menimbulkan reaksi yang menyelamatkan peribadi dan peradaban. Sebaliknya dalam kesusasteraan *profane* (yang duniawi yang terputus hubungannya dengan alam kekudusan) seringkali timbul reaksi yang merosakkan jiwa dan kehidupan oleh kerana faktor-faktor tertentu yang berhubung dengan *level of inspirationnya*. Kalaulah inspirasi terkeluar daripada 'tradisi', maka itu dipanggil *pseudo-inspiration*, yang wujudnya adalah seringkali dihubungkan dengan usaha-usaha mencari pembaruan dalam rupa zahir.

Bilamana kesusasteraan mendapat ilham dari 'tradisi' dalam pengertian yang sebenarnya, sebagaimana yang berlaku dalam kesusasteraan Islam, maka insan hidup dalam alam kesedaran yang segalanya menjadi saksi di atas keseragaman yang meliputi segala yang wujud. Ini adalah kerana pengaruh Tauhid atau limpahannya yang mengalir dalam urat nadi 'tradisi' yang menghayatinya. Dalam alam kesusasteraan yang sedemikian juga maka akal insan menerima pancaran cahaya inspirasi tulen dari alam tinggi. Dengan itu maka insan boleh memilih antara menikmati bentuk-bentuk yang suci dalam kesusasteraan tradisional dengan keindahan-keindahan tersendiri, ataupun menikmati kata-kata yang benar yang menjadi pengantar kepada apa yang terkandung dalam 'tradisi'.

Sebagai bandingan boleh disebutkan bahawa dalam masyarakat tradisional insan boleh menyembah Allah dan berada dalam suasana ibadat dalam alam tabii yang merupakan bekas-bekas ciptaan Tangan Tuhan (*Vestigia Dei*) ataupun menyembah-Nya di dalam masjid yang seni binanya memancarkan cahaya kekudusan dan kebenaran. Dengan jalan yang sangat mujarab kesusasteraan Islam membantu manusia untuk menemui paksi peribadinya, iaitu paksi yang fitrahnya adalah untuk menyintai kebenaran Tuhan.

Kesusasteraan Islam juga antara lainnya berfungsi untuk memelihara unsur-unsur tradisional yang sudah ada dan untuk mengisyaratkan perhubungan dengan apa-apa yang baru dalam konteks alam yang dikawal oleh 'tradisi' dan juga ortodoks dalam pengertiannya yang asli, tepat baik untuk kehidupan individu dan juga masyarakat. Fungsinya untuk menghubungkan apa yang sudah ada dengan apa yang belum berlaku lebih langsung dalam hubungan dengan peribadi-peribadi dan ahli-ahli kontemplatif yang berjaya dalam ibadat dan musyahadah mereka. Mereka yang demikian ini mendapat manfaat dari simbolisme dan menikmati keindahan dalam bentuk yang disucikan. Atau, boleh juga dikatakan bahawa seni mukaddas (*sacred art*) yang dimanifestasikan dalam kesusasteraan Islam adalah merupakan pengembira dan pemberi bahagia serta penolak kedukaan – dengan keizinan Allah tentunya – yang menarik mereka yang berkenaan semakin 'rapat' kepada Tuhan dan kebenaran.

Kesusasteraan Islam juga melafazkan dengan ikhlasnya keindahan jiwa dan di dalamnya terdapat keikhlasan yang murni. Ini perlu dinyatakan – walaupun ia adalah sangat jelas – oleh kerana takrif kesusasteraan dan keperluan-keperluannya semakin lama semakin teruk dijadikan mangsa pemalsuan, baik dengan usaha-usaha meletakkan ciri-ciri satu seni yang lain kepadanya, ataupun dengan memasukkan ke dalamnya unsur-unsur yang tidak boleh dimasukkan oleh kerana keperluan mengikut 'peredaran zaman'. Nilai seni sastera bukanlah terletak kepada moden atau lamanya, tetapi terletak pada ciri-ciri surah atau rupa dan maknanya atau hakikatnya. Dan ini semua ditimbangkan mengikut prinsip-prinsip tertentu yang sangat jelas.

Dalam seni kesusasteraan Islam, keindahan, sebelum ia

dipandang sebagai satu sifat yang ada pada mana-mana objek dalam hidup, ia adalah dianggap sebagai bayangan kepada keindahan Tuhan (*Jamālu'LLāh*). Ini mengingatkan kepada hadis yang terkenal: *Inna'Laaha jamilun wa Yuhibbul-jamal*: Sesungguhnya Allah adalah Maha Indah dan Ia menyintai keindahan. Maka keindahan sebagai bayangan Keindahan Ketuhanan adalah lebih besar kedudukan dan pengertiannya dari si yang memandangnya atau objek tempat penzahirannya. Dalam hubungan dengan ini juga boleh diingatkan bahawa wujud didapati dalam semua taraf manifestasi. Apa yang dilihat pada taraf wujudnya yang rendah adalah merupakan bayangan dari wujud pada taraf yang mengatasinya, baik di sana terbayang Yang Mutlak dalam apa yang nisbi, atau relatif, atau terdapat keindahan-Nya, rahmat-Nya, atau kemurahan-Nya, walaupun alat tempat zahir adalah fana dan sangat terbatas.

Dalam kesusasteraan Islam nampaknya digambarkan bahawa tujuan dari segala aktiviti manusia adalah kehidupan yang cemerlang, berkuasa dan bahagia, iaitu kehidupan yang didasarkan kepada realisasi kebenaran pada taraf seperlunya — sebagaimana yang diisyaratkan oleh dua kalimat Syahadah, iaitu dua ayat yang merupakan ringkasan terhadap segala apa yang perlu diketahui dengan sebenarnya. Maka seluruh aktiviti manusia hendaklah dilihat dari segi neraca yang bersifat semesta ini. Demikianlah juga kesusasteraan ditimbang dari segi kemungkinannya menimbulkan kesedaran dan kekuatan serta tenaga-tenaga zahir batin daripada 'tercapai'nya kebenaran. Dengan itu cabaran-cabaran kehidupan dan peradaban dihadapi dengan sifat-sifat kepahlawan sebagaimana yang ditunjukkan contohnya oleh peribadi Nabi Muhammad (*s.a.w.*), dan para sahabatnya *radiyallahu 'anhum ajma'in*, dan mereka juga merupakan tema-tema yang sendirinya terpenting dalam kesusasteraan Islam. Kesusasteraan yang membawa kesan sebaliknya tidak dapat dianggap sebagai mewakili tradisi kesusasteraan Islam yang sebenarnya.

Bermanfaat juga diingatkan bahawa dalam tradisi Islam, sebagaimana yang dimanifestasikan dalam kesusasteraannya, kebenaran diletakkan di atas keindahan. Ini adalah bermakna

bahawa metafizik mengatasi dan mengontrol seni. Sebab itulah keindahan yang setingginya membawa kebenaran. Ini antara lainnya membuktikan bahawa kebudayaan Islam adalah kebudayaan yang akliah atau intelektual dalam pengertian yang sesungguhnya, dan bukan yang estetik yang mementingkan keindahan semata-mata tanpa mempedulikan prinsip kebenarannya. Dalam seni kesusasteraan Islam, bukan hanya keindahan dirasakan, bahkan, bagi mereka yang mencukupi syarat-syaratnya, kebenaran itu boleh disaksikan dan disyuhudkan dalam pengalaman batin yang murni dan tinggi. Sebab inilah keindahan yang membawa kepalsuan tidak timbul dalam peradaban Islam dan tidak diakui sebagai mewakili iklim kebudayaan Islam. Iklim akliah ini ternyata bukan sahaja dalam seni sastra bahkan juga dalam seni bina, seni pakaian, seni khat dan sebagainya.

Perlu juga disebutkan bahawa kesusasteraan Islam ada mengandungi bukan sedikit unsur-unsur simbolis di dalamnya. Simbol-simbol itu bukanlah berupa *mental construction* yang direka-reka sebagai ibarat atau *allegory* atau kiasan sebagaimana yang didapati dalam sastra *profane* yang biasa. Simbol-simbol ini merupakan hasil pengalaman kerohanian yang tinggi atau pengalaman *musyahadat*; dan bukannya dikhayal-khayalkan oleh pengarang atau penyair-penyair Islam. Dalam kesusasteraan tradisional simbolisme ditentukan dari pancaran cahaya intuisi yang murni, dan simbol-simbol itu pula mempengaruhi manusia lain yang menyedarinya supaya mencapai pengalaman yang ditunjukkan itu. (Cf. Henri Corbin, *Avicenna and the Visionary Recital*. London: W.R. Trask, 1960). Manusia yang memainkan peranan yang menentukan simbol-simbol itu sendirinya, terutama bila mereka hidup dengan menyedari apa yang dimaksudkan oleh simbol-simbol itu. Selain daripada itu perlu disebutkan bahawa bilamana simbol-simbol itu disebut dalam sastra Islam, maka ia dibaharui dalam peradaban Islam, umpamanya simbol-simbol seperti matahari, langit, bulan, bintang, air, gunung-ganang, cahaya dan lainnya. Simbol-simbol itu selain daripada ia dihidupkan dalam kesedaran umat, juga memasuki pengalaman mereka yang berkewibawaan dalam erti kata yang sebenarnya. Dengan ini maka kita dapati banyak simbol-simbol penting dalam Islam yang merupakan perben-

daharaan akliah dan rohaniah yang universal dalam tamadun Islam sendiri.

Dalam hubungan dengan hal ini, kita perlu menyebutkan juga antara kesan-kesan yang ditimbulkan oleh al-Quranul al-Karim antaranya:

Kalau dilihat al-Quran al-Karim sendiri pula, maka dalam bahagian-bahagian yang puitis dan semi-puitis di dalamnya ada terdapat nostalgia yang memabukkan terhadap alam kesempurnaan dan kesucian, dan serentak dengan itu terdapat pula rasa kesedaran dan kewaspadaan rohaniah yang sangat mendalam. Ia adalah merupakan kecemerlangan dan bahana cahaya matahari hakikat di atas padang tandus insan. Di dalamnya juga terdapat rentak dan irama yang indah serta licin dan segar sebagaimana yang ada dalam ukiran Arabesque, bersekali pula ada di dalamnya, ciri-ciri hablur (*crystal*) sebagaimana yang ada dalam seni bina Islam; ini merupakan unsur-unsur yang selalunya wujud. Dengan unsur-unsur puitis dan semi-puitisnya juga al-Quran menimbulkan keharmonian batin dalam diri manusia, berserta dengan rasa keindahan dan 'kekerasan'nya terutama berhubungan dengan Hukum Allah. Kalaulah dikatakan bahawa dengan keindahan dan kekayaan dengan lagunya yang memikat sebagai 'sihir' ketuhanan itu, maka ia juga menyebabkan para pendengarnya mengalami 'kefakiran' dalam berhadapan dengan Allah. Ia seolah-olah memberikan kepada roh manusia sayap sehingga ia terbang dengan kesukaan dan kegembiraan yang suci, dan kemudian ia dijatuhkan dari penerbangan itu dan difikirkan. Diberikan kepadanya harapan, dan dalam masa yang sama diberikan kepadanya takut dan kesucian.

... bermanfaat juga diingatkan bahawa pada dasarnya al-Quran ada mengandungi beberapa mesej untuk manusia, seperti: ia mengajarkan kepada manusia tentang struktur dari realiti atau hakikat serta diberikannya ilmu tentang hal itu; di dalam skema yang demikian dinyatakan kedudukan insan yang setepatnya. Juga di dalamnya dinyatakan tentang moral dan juga hukum yang menjadi dasar untuk syariah Islamiah. Di dalamnya dinyatakan tentang metafizik, kosmologi, dan *eschatology* atau ma'ad yang menerangkan tentang hujungnya hayat ini. Dinyatakan juga pandangan tentang sejarah dan kehidupan manusia dan maknanya serta tujuannya. Se-

lain daripada apa yang sudah disebutkan itu, al-Quran ada mengandungi mesej yang pada sekali imbas adalah berupa isi sebuah kitab sejarah dengan sebutannya tentang kerajaan-kerajaan, raja-raja, kabilah-kabilah, nabi-nabi dan para rasul ('a.s.s.), zaman demi zaman; kisah tentang naik turun dan penderitaan serta kejayaan-kejayaan. Walaupun ia bersifat *historical*, mesejnya ditujukan kepada diri manusia yang batin. Apa yang berlaku pada zaman lampau itu adalah digunakan bagi memahami atau memberi pengajaran berhubungan dengan apa yang dihadapi oleh roh manusia di sini dan sekarang juga. Ertinya tujuannya adalah universal

Tentang simbolisme dalam al-Quran, boleh disebutkan awal Surah al-Takwir sebagai contoh yang nyata. Ayat 1-7 dan ayat 14 yang bermaksud:

Apabila matahari digulung
dan apabila bintang berjatuh
dan apabila gunung-ganang dihancurkan
dan apabila unta-unta yang bunting ditinggalkan
dan apabila binatang-binatang liar dikumpulkan
dan apabila laut dijadikan meluap
... maka tiap-tiap diri akan mengetahui
apa yang telah dikerjakannya.

Matahari, bintang-bintang, gunung-ganang, unta bunting, binatang liar dan lautan adalah merupakan tanda-tanda penting yang ciri-cirinya wujud bukan sahaja ketika berakhirnya alam ini dalam Kiamat Besar tetapi dalam Kiamat Kecil iaitu bila meninggalnya seorang manusia. Selain daripada itu peristiwa ini juga berlaku bila sesuatu roh itu sedang menjalani 'pembukaan tabir' dari Tuhan yang akan membawanya kepada pengalaman 'mengenal Tuhan' dan hakikat alam ghaib. Dengan ini jelas bagaimana ayat-ayat al-Quran berlapis-lapis maknanya bila difahami mengikut dasar *at-ta'wil* dalam pengertian yang tepat, umpamanya sebagaimana yang diterangkan dalam *Lata'if al-Isyarat* oleh al-Qusyairi (r.a.) antara lainnya.

Berhubungan dengan kesusasteraan juga boleh disebutkan bentuk yang semi-puitis yang membayangkan al-Quran, iaitu selawat kepada Rasulullah (s.a.w.) dan doa-doa yang dikarang oleh para aulinya dan salihin (r.a.). Sebagai contoh boleh disebutkan *Dala'il al-Khairat* oleh Syekh al-Jazuli (r.a.) dan

Qasidah al-Burdah karangan al-Busiri (r.a.) dan yang sedikit berbeza pula ialah *Qasidah al-Istaghfariyyah* yang sangat menarik karangan Abu Madyan (r.a.). Berhubungan dengan selawat itu perlu disebutkan bahawa si muslim menunjukkan doanya kepada Allah S.W.T. supaya diselawatkan nabi-Nya, sesuai dengan apa yang dikehendaki oleh Tauhid. Dengan melakukan demikian ia mengadakan perhubungan kerohanian dengan Nabi Muhammad s.a.w. Selawat-selawat yang dikarang oleh mereka ini – terutama syekh-syekh sufiyyah – menimbulkan dengan terang hakikat atau kesempurnaan keinsanan atau kesemestaan (*cosmic*) yang ada pada peribadi Nabi Muhammad s.a.w. Jelas dalam karangan demikian timbul peribadinya sebagai sintesis dari semua tanda-tanda kesempurnaan dan kebesaran Tuhan dalam alam semesta ini.

Perhubungan antara tasawuf dengan kesusasteraan juga perlu difahami walaupun secara sepintas lalu. Tentang hal ini kita telah nyatakan bahawa "perhubungan antara tasawuf dan kesusasteraan atau lebih tegas lagi persajakan tidak dapat dipisah-pisahkan". Ini dapat kita fahami bila kita meneliti peringkat-peringkat yang dilalui manusia dalam perjalanan rohaniah. Cara yang ringkas-ringkasnya perjalanan rohaniah itu boleh dibahagikan kepada tiga peringkat perkembangannya, iaitu yang pertama ialah peringkat *al-qabd*. Pada peringkat ini aspek-aspek tertentu dari jiwanya hendaklah dihapuskan, atau dengan kata-kata lain, ia hendaklah mengalami mati. Pada peringkat ini manusia hendaklah menjayakan hidup *zuhd takwa*, mentaati Allah serta tunduk kepada keadilan dan kebesaran-Nya. Ini bukanlah bermakna bahawa pada peringkat yang kemudiannya sifat-sifat ini boleh ditinggalkan. Peringkat yang kedua ialah peringkat *al-bast* iaitu peringkat yang di dalamnya jiwa manusia merasai perkembangan sehingga dirasai wujud manusia itu melintasi had-hadnya sendiri dan dirasai kebahagiaan dan kepuasan yang mendalam. Dalam perjalanannya yang demikian seseorang itu merasai seolah-olah alam ini dirangkumi di dalam dirinya. Ini adalah peringkat tajalli Rahmat dan Jamal Tuhan.

Kedudukan persajakan yang bertalian dengan seni bunyi yang ada dalam majlis *as-samâ'* adalah berhubung dengan perkembangan rohaniah peringkat kedua ini, dan juga peringkat yang lebih tinggi dari itu, tetapi bukan dengan perkem-

bangun peringkat pertama. Walau bagaimanapun persajakan yang mengandungi kebenaran-kebenaran untuk peringkat awal dipupuk dalam Islam, tetapi nampaknya ini bukanlah untuk majlis *as-sama'* sebagaimana ia dipupuk pada zaman Nabi s.a.w. dan zaman Khulafah ar-Rasyidin. Dalam syariah, pendengaran kepada muzik adalah dilarang pada mereka yang berada pada peringkat pertama, kecuali muzik yang paling tinggi tarafnya, yakni pembacaan al-Quran al-Karim yang dilagukan cukup dengan aturan-aturan tajwid dan norma-norma yang berhubungan dengannya. Sebab itulah pembacaan syair-syair dengan bunyi-bunyian tertentu dikhususkan untuk didengar oleh mereka yang berkelayakan dalam erti kata yang sebenarnya dalam majlis *as-samā'*.

Mereka yang mengalami peringkat ketiga dalam perkembangan kerohanian juga menggunakan syair-syair dengan bunyi-bunyian dalam majlis-majlis khas. Peringkat ini adalah peringkat yang di dalamnya dicapai *al-haq*, iaitu dicapai makam fana dan baqa. Pada taraf itu dipandang hanya Wajah Yang Dikasihi dan bukan kepada yang lain lagi, sebab makam-makam dan hal-hal lain sudah dilintasi.

Kesusasteraan tradisional yang sedemikian adalah perlu dipelihara dengan sebaiknya. Selain daripada pemeliharaan dengan cara penelitian secara zahir hendaklah ia dipelihara dengan mengambil langkah yang betul-betul tepat dengan kehendak-kehendaknya, iaitu dengan jalan memupuk kehidupan rohaniah yang benar dan tulen dalam masyarakat Islam. Sebenarnya tradisi rohaniah Islamiahlah yang menghasilkan syair-syair taraf tinggi sebagaimana yang didapati dalam gubahan-gubahan Ibn Arabi, Ibn al-Farid, dan Jalalu'd-Din Rumi serta Hamzah al-Fansuri (*rh him*) antara lain-lain. Dalam bidang sedemikian ini imitasi murah tanpa alasan-alasan yang sah hendaklah dielakkan, umpamanya sebagaimana yang berlaku dalam hal imitasi sajak-sajak Barat dengan ciri-ciri dan aliran-aliran yang dibawanya. Kalau hendak disebut dari kaca mata rohaniah, maka kita katakan bahawa mereka yang boleh menimbulkan bab-bab baru dalam sejarah kesusasteraan tradisional sebagaimana yang dimaksudkan ialah mereka yang berjaya dalam menghubungkan diri dengan alam kekudusan yang mengatasi alam benda, kalau tidak, pembaruan tanpa sebab-sebab yang sah akan berupa usaha

merubah satu tangga yang membawa kepada alam syurga hanya menjadi satu alat duniawi yang digunakan dalam komunikasi biasa tanpa wujudnya apa-apa dimensi yang *transcendent*.

Kalau mereka yang mendapat visi atau pemandangan alam yang mengatasi alam yang material ini mempunyai kemampuan dalam mengubah syair-syair atau tulisan-tulisan yang bernilai sebenarnya, maka gubahan-gubahan mereka itu sendiri mengandungi di dalamnya kebenaran-kebenaran alam tinggi, dengan dilitupi tabir suara, huruf dan lagu. Tulisan-tulisan yang sedemikian membimbing mereka yang mempunyai syarat-syaratnya kepada keadaan yang mencetuskan tulisan-tulisan itu. Bila seseorang ahli rohaniah dalam Islam suka mendengar bacaan syair-syair tertentu atau gubahan-gubahan prosa tertentu yang bernilai tinggi, itu bukan ditimbulkan oleh rasa ingin tahu yang rendah malahan oleh kerana isi-isi karangan yang dibaca menegaskan kebenaran-kebenaran yang mereka sudah rasa dalam pengalaman mereka sendiri, iaitu kalaulah gubahan-gubahan itu benar-benar datangnya dari alam sunyi yang disaksikan. Kalaulah mereka itu memencilkan diri dari tulisan-tulisan yang menimbulkan suara sumbang yang antitradisional, tanpa mempunyai makna apa-apa dalam pengertian yang sebenarnya, maka itu adalah kerana apa yang dipanggil sebagai hasil sastera baik prosa atau puisi mengganggu keheningan rohaniah atau *equilibrium* rohaniah mereka. Lagu-lagu itu adalah lagu-lagu yang gelombangnyanya tidak mendatangkan kebeningan batin, yang mendatangkan gangguan dan yang menimbulkan gelombang-gelombang yang mendukacitakan.

Peribadi yang sedemikian itu indera batinnya adalah sedemikian 'jaga' dan boleh dikatakan bahawa ia sedang mendengar seruan dan nyanyian persajakan abadi, yang bagi orang biasa mengingatkannya kepada masa kanak-kanak bilamana seluruh hidup ini adalah seolah-olah dilitupi oleh cahaya kesyurgaan yang menakjubkan. (Cf. Wordsworth, "*Intimations of Immortality*"). Ia menyaksikan alam ini selamanya diliputi oleh keharmonian dan keindahan. Demikian juga ia mendengar hayat ini dihiasi dengan lagu syair dari alam abadi yang mendatangkan kebahagiaan dan kepuasan kepadanya.

Kalaulah dikatakan bahawa alam ini terdiri dari suara dan huruf, maka bagi peribadi yang sedemikian, tabir suara dan huruf sudah terbuka. Dalam konteks pemandangan yang demikian maka barulah kita dapat katakan bahawa penyair-penyair tradisional tulen dalam Islam berusaha mencari-cari rahsia yang terkandung dalam perjanjian asal antara insan dengan Tuhannya dalam tabir suara, huruf dan lagu. Keindahannya menarik mereka yang berkelayakan kepadanya. Kalaulah dalam kesusasteraan demikian terdapat rayuan kedukaan atau kesugulan, itu adalah timbul dari nostalgia terhadap alam yang indah dan abadi yang di sebaliknya terlindung kebahagiaan yang tidak dapat digambarkan.

Dalam kehidupan sekarang bila kehidupan kerohanian dan akhliah dalam erti kata yang setulennya semakin sulit dicapai, dan demikian juga keindahan yang ada pada suatu waktu dulu adalah di mana-mana walhal sekarang dianggap sebagai satu *luxury*, maka dalam keadaan yang sedemikian kesusasteraan Islam tradisional dengan ciri-ciri keistimewaan-nya serta dengan simbolismenya mempunyai nilai yang tidak dapat dibandingkan dengan apa-apa lagi dalam bidangnya. Ia boleh diumpamakan sebagai suatu tempat berteduh dalam suasana hujan ribut haru-biru hidup duniawi; ataupun bolehlah juga diumpamakan sebagai suatu oasis yang meng-hijau serta menyegarkan dalam kalangan padang tandus yang sangat membakar serta mendukacitakan insan di dalam hidupnya. Dalam hubungan dengan ini baik juga disebutkan bahawa pada masa sekarang ada usaha-usaha untuk mencari kedudukan dan pengesahan bagi kesusasteraan dan persajakan dalam skema aktiviti-aktiviti ketamadunan dan kebudayaan tanpa menyedari apa yang diperlukan sebenarnya. Mungkin sebab yang paling mendalam mengapa pencarian ini dilakukan ialah mereka yang berkenaan sedang mencari-cari hidup rohaniah yang sebenarnya, tetapi yang tidak didapati di mana-mana. Dengan kegagalan itu maka dialamilah kesulitan-kesulitan seperti ketiadaan rasa damai, bahagia dan puas, iaitu perkara-perkara yang terpendam dalam perbendaharaan kesusasteraan Islam tradisional yang sebenarnya.

Sebenarnya adalah terserah kepada kita untuk membuka mata dan telinga supaya dengan bantuan kesusasteraan Islam tradisional dan persajakan yang setulennya — dan dengan

rahmat Tuhan tentunya – kita akan diselamatkan dari maut yang dengan cara yang palsu dipanggil hayat; adalah terserah kepada kitab untuk menyadari adanya perbendaharaan yang tidak ternilai sebagaimana juga dari aspek-aspek lain dari kebudayaan Islam yang kaya-raya itu; kita sangat-sangat memerlukannya, lebih-lebih lagi dalam zaman gelap rohaniah dan akliah sebagaimana sekarang ini.

Dan bila berbicara tentang penyair falsafah, maka kita boleh menyatakan bahawa, ... (mereka) mewakili 'tradisi' persajakan Islam yang sebenarnya, memungut perbendaharaan dalam tamadun Islam, baik yang dahulu dan yang kemudian itu, menemui sintesis dalam hatinya yang jernih dan fikiran yang terang hasil dari kehidupan keislaman yang berjaya, dan sintesis ini akan dilahirkan di dalam syair-syair yang memberi inspirasi kepada mereka yang menikmatinya. Yang menjadi tema-tema di kalangan penyair-penyair (falsafah) Islam ialah masalah-masalah asasi tentang insan, Tuhan dan alam, dan bentuk perhubungan sebaiknya antara ketiganya. Dibicarakan Tuhan dan Tajalli-Nya, nama-nama-Nya, sifat-sifat-Nya; serta afal-Nya; dibicarakan insan dengan status hakikinya, akalunya dan kebebasannya, kemungkinan naik turunnya, kehambaanannya, dan petuanannya. Semua soal yang relevan adalah abadi, yang tidak terikat oleh zaman, ruang atau keadaan. Ini juga satu ciri persuratan Islam yang menyebabkan ia menjadi baru sebagaimana barunya mentari terbit setiap pagi, atau barunya bulan mengambang dengan keindahan dan kecemerlangannya masing-masing. Lagu kesusasteraan atau persajakan Islam adalah lagu abadi.

Demikian juga dibicarakan ciri-ciri alam dan pentarafan tentang apa yang wujud ini (*marātib al-wujūd*), bermula dari wujudnya biji pasir dan debu di bumi sampailah kepada tumbuh-tumbuhan, haiwan, insan, dan alam malaikat, sampailah kepada alam yang paling rapat dengan Hadrat Ketuhanan. Dibicarakan alam sebagai tajalli dari Yang Mutlak, melintasi alam Nasut, Malakut dan Lahut, dari Yang Mutlak, *metacosm*, *macrocosm* dan *microcosm*, iaitu dalam skema yang ditentukan oleh Tauhid.

Walaupun dalam membicarakan benda-benda yang amat sederhana sebagai jerami atau batang gandum yang digunakan

sebagai seruling Jalalu'd-Din Rumi (r.a.) memberi kenyataan seperti berikut:

Bahawa batang jerami ada mempunyai dua mulut, satunya yang menyentuh yang hak, yang ada dalam peniup; mulut yang satu lagi mengeluarkan kemerduannya ke dalam kenyataan yang abadi.
Kalau didengar alunannya dengan baik dan dibiarkan jiwa menjadi cair dari bahana apinya
Ini tidak berlaku pada semua orang.
Pendengaran yang sebenar mengeluarkan rahsia kehidupan,
yang kalau ia dinyatakan dengan terbuka, akan menunggangbalikkan semua aturan-aturan dalam ilmu dan tingkah laku”

* * *

Sudah tentu bentuk penulisan yang seperti ini perlu diusahakan supaya ia dihasilkan dengan baik di kalangan kita. Apa yang kita kehendaki di sini adalah hidup dan aktiviti yang berdasarkan kepada kebenaran yang bersifat semesta, kehidupan yang membawa kepada kesedaran mendalam yang sebenarnya. Kita tidak pernah melarang seseorang membentuk peribadinya menjadi tinggi di atas alasan bimbang bahawa itu akan menimbulkan keadaan tidak seragam di dalam pembentukan peribadi manusia di dalam sesuatu kawasan. Demikian juga kita tidak boleh, bahkan tidak ada alasan untuk melarang, jauh sekali menentang, usaha hendak mengembalikan para sasterawan di atas dasar ‘tradisi’ dalam pengertian yang setulennya, sebab tanpa ‘tradisi’ dalam pengertian yang kita maksudkan — *al-din al-hanif* — maka kita akan mati, dan mati dengan kepalsuan dan atas nama kepalsuan yang kita dukungi. Bahkan yang sebenarnya usaha yang demikian sahaja yang boleh memberi erti atau isi sebenarnya dalam usaha kebudayaan dan kehidupan kita.

Nampaknya ada beberapa perkara asasi yang mesti kita laksanakan sama-sama demi menjayakan jenis penulisan yang dikehendaki ini, antaranya, ialah: hendaklah dipupuk kefahaman dalam hal-hwal pandangan hidup Islam yang sebenarnya berdasarkan kepada punca-punca tradisional yang *authentik*, yang benar-benar mewakili pandangan yang murni, dan bukan yang bersifat *apologetic*, atau yang menyeleweng

dalam menghadapi aliran-aliran baru yang *pseudo-intelektual* dalam sejarah moden.

Hendaklah kefahaman itu diserentakkan dengan kefahaman dalam bidang hakikat kehidupan *'ubudiyyah* atau tugas-tugas rohaniah, yang disertai pula dengan perlaksanaannya. Ini tidak mungkin dijayakan kalau tidak diserentakkan dengan amalan peribadi.

Paling penting difahami norma-norma etiket dan moral Islam yang bersifat semesta itu, berdasarkan kepada huraian-huraian tradisional yang bersifat tradisional, yang datang dari punca-punca yang tidak diragui lagi kesahihannya. Ini boleh didapati dalam bahasa Melayu, Arab atau juga Inggeris. Kefahaman dalam norma-norma itu dan juga konsep manusia yang sebenarnya amat memberi bantuan dalam mempersiapkan diri seseorang memahami Islam dan kehidupan Islamiah.

Dan untuk meneruskan saranan-saranan kita — yang sudah pun dinyatakan dalam kertas kerja berjudul “Masa Depan dan Kemungkinan Kesusasteraan dalam Bahasa Malaysia: Ditinjau dari Kaca Mata Islam” dalam Simposium Kesusasteraan di Universiti Sains Malaysia, pada 15–17 Disember 1979 — maka bolehlah dikatakan bahawa tidak boleh ditinggalkan sama sekali kefahaman yang secukupnya dalam bidang Hukum Islam, sebab inilah struktur kehidupan yang lengkap yang dikehendaki oleh *world-view* Islam itu sendiri. Inilah yang merupakan senarai tugas manusia yang berusaha untuk mencapai kepaduan (*integration*) dalam peribadi, masyarakat bahkan peradabannya. Tanpa kefahaman dalam Hukum Islam dan perlaksanaannya dalam hidup diri, tidak ada apa-apa yang boleh dijayakan dalam hubungan dengan Islam sebenarnya. Kalau tidak semuanya akan berupa: *Full of sound and fury signify- ing nothing*: Penuh dengan kebisingan yang bergemuruh tanpa mempunyai makna apa-apa!

Dan berhubungan dengan ini juga perlu ditekankan bagaimana mustahaknya difahami konsep ‘tradisi’ serta kedudukan ‘tradisi’ yang sedemikian dalam hidup manusia dan peradabannya. Maka dalam hubungan ‘tradisi’ dalam pengertian yang menyeluruh itu difahamkan pula kedudukan sastera Islam serta ciri-ciri yang semesta itu dan juga ciri-cirinya yang ada hubungan dengan zaman dan keadaan tertentu dalam sejarah perkembangan umat Islam dan peradabannya.

telah disebutkan itu (dalam majlis perkahwinan, khatan, dan lainnya yang terkawal dengan nilai-nilai syariat, yang di dalam keadaan itu muzik dikawal dengan hukum-hukum yang menghalangnya daripada menimbulkan nafsu kehaiwanan, dari segi kebatinannya maka muzik merupakan satu jalan yang dengannya terbangkitlah perasaan-perasaan yang murni dan jiwa mengalami perubahan (yang dikehendaki). Tetapi itu pun ia dimainkan di dalam keadaan-keadaan yang terkawal yang menjamin terkongkongnya nafsu kehaiwanan sebelum muzik dibenarkan masuk mengubah jiwa orang yang berkenaan" (S.H. Nasr, "Islam and Music", SCR, X. 1, hlm. 44-45).

* * *

Demikianlah kedudukan dan hubungan yang wujud dalam agama Islam antara sastera dan agama; di samping memberi sokongan kepada pendirian Bapak A. Hasjmy, kita melihat beberapa isu yang berkenaan yang perlu diberikan perhatian yang sewajarnya; dan selain daripada itu rasanya eloklah diberikan perhatian juga kepada apa-apa langkah yang boleh diambil untuk kita sama-sama menjayakan cita-cita kita. *Wallahuaklam.*

KONSEP CERKA ISLAM: MASIH SATU CATATAN AWAL*

SHAHNON AHMAD

SENI untuk Seni memperhambakan jiwa kepada seni. Seni untuk Masyarakat memperhambakan jiwa kepada masyarakat. Seni untuk Takwa memperhambakan jiwa kepada Allah. Kalau seorang seniman jiwanya sudah tunduk kepada seni dan masyarakat, bererti sudah menjadi sasaran keduanya. Hilanglah sudah kemerdekaan fitrah jiwa seninya yang ditumbuhkan oleh Allah pada seseorang itu. Jiwanya akan tunduk kepada kehendak Seni dan Masyarakat. Tak ada kebebasan jiwanya dalam membentuk seni menurut kesucian fitrahnya yang dikurniakan Allah, tersimpanglah dari jalan makruf kepada jalan mungkar, terhindarlah dari jalan hak kepada jalan batil, terpesonglah dari jalan benar kepada jalan sesat; padahal seni haruslah dibimbing kepada jalan makruf, kepada hak dan benar.

Budiman Radzi, *Falsafah Seni Dalam Islam*,
Kota Bharu: Penerbitan Aman Press,
1963, hlm. 52.

CERKA adalah salah satu daripada ciri kesusasteraan-kesusasteraan sebagai pernyataan dari kebudayaan-kebudayaan yang mencerminkan keperihalannya manusia, menyentuh aspek-aspek sistem sosial, sistem nilai, sistem pemikiran dengan menggunakan berbagai peralatan budaya. Kesusasteraan ada-

*Juga hasil dari perbincangan dengan Sdr. Mohd. Salleh Yaapar, Pensyarah Kesusasteraan Nusantara Bercorak Islam di Universiti Sains Malaysia.

lah seni bahasa (bahasa sebagai satu peralatan budaya) mengenai setiap aspek keperihalan manusia. Cereka adalah seni bahasa mengenai keperihalan manusia dalam bentuk-bentuk prosa yang khusus. Keperihalan manusia ini merangkuli pengalaman-pengalaman sepanjang zaman, meliputi kehidupan manusia dengan penuh dan berimbang; bukan sekadar kehidupan badani dan perasaan, atau hanya kehidupan akaliah atau intelektual tetapi mencakupi kehidupan manusia secara menyeluruh; baik hubungan manusia dengan manusia, hubungan manusia dengan alam, manusia dengan makhluk-makhluk lain; baik yang nyata mahupun yang ghaib terutamanya hubungan manusia dengan Khaliknya – Allah Yang Maha Esa.

Dalam usaha menjelaskan konsep cereka Islam, sekurang-kurangnya ada empat faktor yang perlu direnungi dan diambil kesimpulan. Keempat-empat faktor itu ialah:

- a. Si penyampai atau pengarang
- b. Objek penyampaian
- c. Cara penyampaian
- d. Kesan penyampaian.

A. Si Penyampai atau Pengarang

Seorang pengarang cereka Islam adalah seorang muslim dalam erti kata yang sebenar-benarnya. Dia benar-benar mengenal Allah dan mengenal dirinya. Dia yakin mengapa dia berada di dunia ini, yakin tentang tugasnya kepada Allah dan juga sesama manusia, yakin matlamat hidupnya yang sebenar serta balasan baik buruknya di hari kemudian. Dia amat sedar bahawa kewujudannya adalah dalam realiti dua dimensi: vertikal dan horizontal, iaitu fizikal dan spiritual. Dia berdagang darah, bekerja menentukan hidupnya, sedar tentang batasan-batasan keupayaannya tetapi juga dia boleh mendapat pertolongan Allah kerana Allah adalah Maha Penyayang, Maha Pemurah dan Maha Adil. Dia sedar bahawa dia akhirnya akan kembali kepada Allah kerana datangnya pun dari Allah. Dia sedia menerima ganjaran yang akan diterima kelak.

Dalam hidupnya dia senantiasa sedar tentang adanya tiga entiti yang saling berinteraksi: dirinya, alamnya dan Khaliknya. Antara ketiganya kesedaran tentang Khalik itulah yang mengesani, yang utama kerana Khalik kekal sedangkan dia

dan alamnya tidak kekal. Allah Maha Pencipta dan Maha Pentadbir sedangkan dia dan alam dicipta dan ditadbirkan. Si pengarang selalu sedar bahawa di samping dia adalah hamba Allah, dia juga khalifah Allah. Dalam urusan hamba Allah, dia perlu memerdekakan fikirannya, jiwanya, peribadinya. Fikirannya tidak terpesona dengan benda-benda dunia ciptaan manusia dan peraturan akal manusia tetapi senantiasa memikirkan benda-benda itu supaya terasa kebesaran Allah. Jiwanya tidak memberi kesan kepada sebarang suasana seperti suasana kepujian-kekejian, kekayaan-kemiskinan, ego-sombong dan lain-lain sifat yang terkeji. Begitu juga kemerdekaan peribadinya kalau peribadi itu peribadi muslim yang tulen, yang bertakwa. Dia tidak takut kepada sesiapa kecuali kepada Allah. Kalau Allah sudah menumbuhkan bakat menulis dalam dirinya untuk menjadi khalifah Allah di bumi maka dari bakat itu akan tercurah kebenaran, akan terhasil karya yang suci. Tidak ada pengaruh lain yang boleh menggugat penanya.

Berbeza dengan pengarang Barat, seorang pengarang muslim tidak berautonomi dalam berkarya dalam erti kata sebeb-bebasnya kerana keyakinannya sebagai hamba khalifah Allah selalu memberi petunjuk ke jalan yang telah diredai oleh Allah. Keaslian karyanya bukan terhasil dari daya dan bakat yang sebeb-bebasnya tetapi selalu dihayati oleh pemikiran, jiwa dan peribadinya sebagai seorang muslim untuk mengeksploitkan bakat yang diberi oleh Allah itu untuk mendorong manusia menuju tahap-tahap ketakwaan, kemakrufan dan kesalihan. Peranan lain baginya tidak ada kerana sebagai hamba khalifah Allah, dia khusus diberi amanah untuk menjalankan peranan itu kerana daya ciptanya, daya imajinasinya dan daya eksploitasi bahasanya dan juga daya penanggukan bahan sumbernya adalah dipinjamkan oleh Allah kepadanya untuk dia memainkan peranannya yang sebenar.

Tetapi untuk menilai status seorang pengarang muslim yang sebenar memanglah amat sukar kerana semuanya dilakukan demi kerana Allah. Hanya Allah yang berhak memberi penilaian itu. Dan inilah terletaknya keunikan faktor ini.

B. Objek Penyampaian

Keperihalan manusia menjadi objek penyampaian. Keperihalan ini mencakupi bidang yang amat luas dan menyeluruh; ter-

simpul dalam kewujudan dan peranan manusia itu sendiri sebagai hamba dan khalifah Allah. Berpunca dari lumpur dan roh Allah, manusia wujud dalam realiti dua dimensi: Vertikal dan horizontal, fizikal dan spiritual. Dia berhak memilih antara jalan yang makruf dengan jalan yang mungkar. Kalau pilihannya kepada kemakrufan, dia berhak mencapai tahap-tahap muhsin, mukmin atau muttaqi. Dan kalau dia memilih ke arah kemungkaran, dia akan tergolong dalam tahap-tahap zalim, fasik, munafik, musyrik atau kafir.

Keperihalan pengalaman manusia itu sendiri mempunyai takah-takahnya. Dari bawah, pengalaman berkisar pada aspek badani dan perasaan saja, meruap berbagai aksi jasmani seperti percintaan di lapisan nafsu bawahan, perlawanan fizikal yang berbagai corak, perasaan rindu digelodak perasaan marah, sedih, susah dan sebagainya. Pada peringkat cereka popular, keperihalan pengalaman manusia semacam inilah banyak menjadi objek penyampaian.

Dari pertengahan, pengalaman akaliah atau intelektual memainkan peranan penting; membicarakan dan menganalisa sesuatu gagasan, ideologi, keyakinan dan beberapa aspek pemikiran yang lain bermodalkan akal. Di Barat pengalaman intelektual inilah merupakan puncak objek dalam kesusasteraan. Karya-karya besar di Barat yang dianggap berat dan serius serta tinggi mutunya adalah yang tidak menyentuh pengalaman intelektual ini.

Berbeza dengan Islam, kerana keperihalan pengalaman manusia muslim yang pokok adalah pengalaman hati, pengalaman rohani, mujahadah manusia dalam ibadah untuk lebih mendekati Allah. Menang kalahnya manusia, kaya miskinnya manusia, gembira deritanya manusia diperhitungkan dari keperihalan pengalaman hati rohani manusia mendekati Allah.

Manusia yang sekaligus berkedudukan sebagai hamba dan khalifah Allah dengan berbagai tahap pengalaman inilah yang dirasakan indah dan dipancarkan dalam berbagai tradisi kesusasteraan Islam dan juga di dalam kitab Allah. Al-Quran serta dalam kisah-kisah para nabi. Manusia yang mengenal dirinya, mengenal ujian-ujian di sepanjang perjalanan yang perlu ditempuhinya, manusia yang senantiasa menyerah dan mengharapkan pertolongan Allah. Sifat-sifat manusia dua dimensi inilah yang disenaraikan oleh al-Ghazali dalam dua

golongan pokok. Yang satu dari golongan yang terpuji dengan sifat-sifat mulia seperti sabar, syukur, takut terhadap Allah, rela, zuhud, takwa, memadakan (qana'ah), pemurah, mengenal nikmat Allah dalam keadaan betapapun, ihsan, baik sangka, baik budi, baik pergaulan, benar dan jujur dan banyak lagi. Yang kedua dari golongan yang terkeji seperti takut miskin, menyesali takdir, pendendam, dengki, iri hati, penipu, suka di atas, gemar pujian, ingin panjang umur hanya untuk berpoya-poya, takbur, riyak, pemaarah, keras kepala, suka bermusuhan, pencerca, loba, kikir, ingin mewah, angkuh, menyangkal nikmat, menghormati orang kaya kerana kekayaannya, meremehkan orang miskin hanya kerana kemiskinannya, membanggakan pangkat dan keturunan, sombong, suka main curang, membanggakan harta, ilmu dan pangkat, pantang menerima kebenaran, karam dalam hal remeh-temeh, suka bercakap tak berpunca, berhias agar dikagumi orang, asyik memperkatakan aib orang dan melupakan aib diri, kurang membela kebenaran, sangat harap akan dunia, sangat cemas dalam kehilangan, cepat kecewa, cepat guna kuasa, terlalu mendekatkan hati kepada makhluk dan kesepian sangat bila berpisah, tipis rasa malu dan kurang kerahiman.

Semua sifat-sifat tersebut dan sebagainya adalah, antara lain, keperihalan manusia yang menjadi objek penyampaian dalam cereka. Pendek kata keperihalan pengalaman manusia yang menjadi objek penyampaian adalah amat luas dan menyeluruh kalau dipandang dari perspektif Islam. Ruang lingkungannya bukan sahaja pengalaman manusia dengan manusia, tetapi juga pengalaman manusia dengan Allah dengan segala implikasinya.

C. Cara Penyampaian

Keperihalan pengalaman manusia sebagai objek penyampaian haruslah diterapkan dalam cereka melalui pendekatan-pendekatan yang sesuai dengan tujuan berkarya mengikut keperluan Islam. Didasarkan pada konsep dan pengalaman manusia dua dimensi dan juga status manusia sebagai hamba khalifah Allah bersekali pula dengan ganjaran-ganjaran yang telah dijanjikan, maka dengan sendirinya membawa pula kepada penerimaan unsur-unsur lain yang lebih halus dan terperinci di dalam pandangan hidup Islam seperti pertolongan-

pertolongan dari alam ghaib; dari Allah melalui malaikat dan sebagainya, kewujudan makhluk-makhluk ghaib yang lain seperti malaikat, jin, iblis, syaitan, dan juga kejadian-kejadian luar biasa di luar kemunasabahan akal biasa seperti hidayah, dan lain-lain pada, dan di sekitar diri manusia.

Secara strukturnya, cereka Islam sememangnya mengandungi dan mengakui antara lain unsur-unsur plot seperti *deus ex machina*, kebetulan, ketentuan Allah dan sebagainya. Juga unsur-unsur perwatakan seperti sifat-sifat kewalian dan pengaruh hidayah serta makhluk-makhluk dan kejadian-kejadian ghaib ke atas pembentukan peribadi watak dan seumpamanya yang tidak bercanggah dengan Islam; bukan sekadar pengaruh nafsu yang berbagai lapisan seperti amarah, syaitaniah, sububiyah dan bahimiyah. Atau unsur-unsur persekitaran badani material intelektual sahaja.

Di samping itu semua, berpandukan al-Quran, cereka Islam juga mempunyai prinsip penceritaan yang tersendiri seperti antara kemuliaan dengan kehinaan keperihalan pengalaman manusia, keutamaan diberi kepada kemuliaan. Dan antara kemuliaan dengan kehinaan, kepujian diberi kepada kemuliaan juga. Kerana itu menurut estetika Islam, kemuliaan dan sifat-sifat terpuji ditonjolkan dan diberi kemenangan sewajarnya. Kehinaan, termasuk cinta paras nafsu, sifat-sifat tercela diceritakan tetapi ditewaskan dengan sewajarnya. Prinsip-prinsip inilah yang menimbulkan teknik-teknik dan corak penyelesaian cereka Islam seperti:

- a. Pendedahan perlakuan untuk sifat, aksi atau peristiwa baik dan mulia.
- b. Sekadar penceritaan atau hanya "memberitahu" sahaja sifat, aksi dan peristiwa yang buruk, hina atau yang boleh merangsangkan kebatilan.
- c. Yang hak menang.
- d. Yang batil kalah.

Satu contoh yang amat ketara kita pelajari dari al-Quran ialah peristiwa Zulaikha, isteri kepada Ketua Polis Mesir bernama Futhifar. Dalam peristiwa itu Zulaikha cuba menggoda Nabi Yusof untuk memperlakukan maksiat yang tercela itu bagi memenuhi keperluan nafsu bahimiyahnya. Dalam struktur penceritaan itu jelas bahawa yang didedah dan didrama-

kan secara terperinci ialah reaksi penegasan Nabi Yusof bagi mencapai kesan mulia lagi benar, sedangkan dari watak Zulaikha, hanya diceritakan begitu sahaja tanpa memperincikan sudut-sudut bentuk tubuh wanita itu atau perasaannya yang mendidih-didih atau memberi gambaran liuk-lintuk Zulaikha yang memang menggiurkan itu. Akibat dari penonjolan dan drama yang terpuji sahaja, jelas sekali bahawa kesannya memberi kemenangan kepada yang hak iaitu Nabi Yusof dan kalah kepada yang batil iaitu Zulaikha.

Ini amat berbeza dengan penceritaan dalam cereka tradisi moden sekuler sekarang. Dalam konteks pencerobohan Zulaikha untuk memuaskan nafsu bahimiyahnya itu pasti sahaja pengarang akan mendedahkan segala aspek seks yang menggiurkan untuk mendapat kesan negatif untuk menimbulkan suasana di pihak pembaca. Dalam novel saya bertajuk *Terdedah* (yang saya karang dalam tahun enam puluhan) jelas sekali pendedahan penonjolan diberi kepada yang terkeji sehingga bukan sahaja watak Syarifah Syuhada yang bergelumang dengan kemaksiatan; malah pembaca sendiri pun lebih daripada itu.

Satu lagi contoh yang disebut dalam al-Quran yang dapat kita ambil teladan ialah soal homoseks yang menjadi-jadi di negara Sadum dalam zaman Nabi Luth. Homoseks adalah satu sifat yang amat terkeji sekali kerana bercanggah dengan fitrah manusia. Aktiviti homoseks ini begitu menjadi-jadi di Sadum sehingga pantang melihat anak-anak muda yang "jambu" maka terjadilah peristiwa yang terkutuk dan laknat itu. Allah menurunkan tiga orang malaikat ke Sadum dalam bentuk rupa tiga orang lelaki muda lagi kacak dan tampan serta amat "jambu". Tujuannya ialah untuk menurunkan bencana ke atas rakyat Sadum yang melakukan maksiat jenis homoseks itu.

Tetapi kalau kita teliti struktur penceritaannya secara keseluruhan, aspek homoseks, lebih-lebih lagi aspek perincian sewaktu perbuatan itu sedang dilakukan, tidak ditonjol dan didedahkan atau didramakan. Ini disebabkan bimbang kalau-kalau kesan dari teknik itu akan buruk padahnya kepada manusia. Yang banyak didramakan ialah balasan-balasan Allah yang bakal menimpa rakyat Sadum yang terlibat dalam kancah homoseks itu.

Banyak peristiwa percanggahan antara yang hak dengan hal batil ini ditimbulkan dalam al-Quran, tetapi dari peristiwa-peristiwa itu penonjolan pendramaan diberikan kepada yang hak lagi terpuji sedangkan yang batil lagi terkeji diterapkan juga tetapi hanya sekadar "memberitahu" sahaja.

Teknik penceritaan begini dalam kesusasteraan Melayu pernah juga diamalkan sewaktu zaman hikayat dengan cerita-cerita epik ataupun dalam novel-novel peringkat awal. Dan reaksi dari para intelek tradisi sekular moden ialah teknik itu monoton dan terlalu didaktik sifatnya. Tidak ada variasi dalam penceritaan, tidak ada originalitinya. Tetapi mereka langsung tidak memperhitungkan tujuan dan kesan di sebalik teknik yang negatif itu. Dalam tahun-tahun lima puluhan dan enam puluhan kita dapati teknik penceritaan penonjolan yang terkeji ini amat menjadi-jadi kerana diyakininya bahawa untuk menjadi baik, maka aspek-aspek yang tidak baik perlulah didramakan dengan detailnya. Kisah seks dalam hotel, atas tempat tidur, kisah muda-mudi bergaul dengan berleluasa, kisah cinta jenis nafsu bahimiyah begitu lumrah sekali. Kesannya amatlah jelas. Masyarakat rosak dan perkara-perkara seks melulu menjadi-jadi.

Umumnya genre-genre kesusasteraan bukan Islam, terutama tradisi sekular moden, jelas tidak dapat menerima konsep, prinsip dan teknik penceritaan yang telah disebutkan hingga kini kerana genre-genre itu diwujudkan dalam konteks yang berlainan untuk keperluan yang berlainan pula. Tragedi, umpamanya, memancarkan imej manusia berdarah tragis, yang hancur kerana salah tanggapan diri sehingga mahu melampaui sifat-sifat manusia sejati. Ini sebenarnya adalah parti masyarakat Barat. Cereka pula jelas meminta realiti horizontal semata iaitu yang dianggap munasabah serta masuk akal; menolak realiti vertikal kerana dianggapnya hubungan manusia dengan Tuhan dan makhluk-makhluk lain seperti malaikat, jin dan iblis itu tidak munasabah dan tidak masuk akal. Gambaran yang indah bagi tradisi sekular moden ini ialah gambaran manusia biasa dengan aksi perasaan, intelek dan peristiwa-peristiwa badani sahaja. Bagi orang-orang yang berorientasikan tradisi sekular moden ini bukan sahaja dianggap ganjil tetapi juga lucu kerana tidak terjangkau oleh badani, perasaan dan intelek mereka. Sesungguhnya intelek manusia

ini memang tak terjangkau banyak dibandingkan dengan Allah Yang Maha Berilmu.

D. Kesan Penyampaian

Aspek kesan sama pentingnya dengan aspek objek dan cara dalam soal mencipta cereka. Objek dan cara yang tertentu akan meninggalkan kesan yang tertentu pula. Umpamanya puisi Arab Jahiliyah menggugah rasa kagum dan ghairah terhadap seks, wanita, harta dan kuasa. Aliran absurd dalam objek dan cara akan meninggalkan kesan, tidak keruan dan tidak tentu hala. Puisi rasa dalam objek dan cara akan meninggalkan kesan-kesan rasa yang khayal dan memabukkan. Cereka berunsur seks dengan penonjolan kepada kegiuran seks dan melempaskan pembaca yang memang mudah diusik pusat-pusat yang sensitif: lantas terlibat dalam kancan maksiat dan dari situ akan menular kepada aspek-aspek mungkar yang lain yang ternganga menunggu. Puisi Zen, Haiku dan sastera Jepun umumnya meresapkan pula rasa sedih, fakir, tidak berdaya.

Begitu jugalah kesusasteraan, khususnya cereka Islam. Menurut tradisinya ia harus dengan indahnyanya membangkitkan rasa ketenteraman hidup. Secara terperinci, ia perlu membangunkan:

- a. Kesan epik, iaitu semangat keperwiraan/kepahlawanan dalam menegakkan yang hak seperti dalam karya-karya tentang Iskandar Zulkarnain dan Amir Hamzah.
- b. Kesan didaktik seperti pengajaran dari peristiwa kebenaran dan juga kebatilan dalam kehidupan.
- c. Kesan mistik iaitu rasa kemesraan atau kesatuan yang tulen antara insan dengan Allah, asyik dengan bersyukur seperti dalam karya-karya sufi.
- d. Kesan kebebasan dalam erti kata yang sebenar-benarnya dalam peribadi, jiwa dan pemikiran.

Sebaliknya ia tidak boleh membangkitkan dan merangsangkan:

- a. Rasa kemabukan arak, wanita, harta, kuasa dan kekeguman diri sendiri.
- b. Rasa absurd eksistensil.
- c. Rasa *pleasure* yang meluap-luap tanpa kawalan sehingga melupakan Allah.

d. Kesan sedih melulu, yang amat sentimental.

Pendek kata kesan cereka dalam Islam mestilah meninggalkan kesedaran kepada si pembaca bahawa ia adalah:

- a. Makhluk dua dimensi, iaitu kejadiannya dari lumpur dan juga dari roh Allah.
- b. Makhluk yang wujud dalam realiti dua dimensi iaitu fizikal dan spiritual.
- c. Makhluk dengan dua tugas yang utama dan pasti iaitu hamba dan khalifah Allah.

Cereka Islam tidak boleh terpesong dari landasan ini. Kesimpulan dari catatan ini bolehlah diringkaskan bahawa ciri-ciri konsep cereka Islam ialah:

- a. Pengarangnya adalah seorang muslim yang benar-benar tahu asal usul kejadiannya, yang tahu realiti kejadiannya dan tahu peranannya sebagai hamba khalifah Allah.
- b. Objek penyampaian ialah keperihalan pengalaman manusia meliputi bukan sahaja pengalaman badani, emosi atau akaliah tetapi juga kerohanian dalam konteks berdasarkan hubungannya dengan Allah dan dari situ hubungannya dengan manusia dan alam.
- c. Cara penyampaian ialah penampilan struktur teknik yang mengutamakan kemuliaan daripada kehinaan, yang terpuji daripada yang terkeji dengan cara mendramakan, pendedahan dan penceritaan yang sesuai. Ini ditokok dengan penterapan unsur-unsur dari alam ghaib dan kejadian-kejadian luar biasa yang dikabulkan oleh Allah.
- d. Kesannya mesti mencapai kesedaran di pihak pembaca tentang kejadiannya, realiti kewujudannya dan peranan sekaligus sebagai hamba khalifah Allah.

Konsep cereka Islam ini tentu sulit direalisasikan di dalam zaman yang jauh dari kesedaran dan amalan hidup Islamiah seperti sekarang ini. Tetapi insya-Allah, saya yakin dengan kesedaran yang ada sekarang tentang kejadian, realiti kewujudan dan peranan hidup, pengarang-pengarang muslim yang benar-benar berilmu dan beramal tentu dapat menciptakan cereka Islam.

Terima kasih. *Wassalam.*

